


Jilid I  
Bil. 25



Hari Isnin  
10hb November, 1986

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3357]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 3470]

### USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 3470]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 3469]



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., PLS (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT(Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).
- TUAN ABDUL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TLJAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).  
TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).  
TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).  
DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.IJ., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).  
TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).  
TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).  
DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).  
TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).  
TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).  
TUAN P. PATTO (Ipoh).  
TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).  
DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).  
PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).  
TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).  
TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).  
DPS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ ~~TUAN~~ TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).  
TUAN DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).  
TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).  
TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).  
DR TAN SENG GIAW (Kepong).  
TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).  
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)'.

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu),

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahaya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidek.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 10hb November, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**AKTA KERJA 1955—  
PERLAKSANAAN  
DI SABAH**

1. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau boleh mempercepatkan pelaksanaan Akta Perkhidmatan 1955 bagi Negeri Sabah. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memberitahu bahawa atas permintaan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak, persetujuan pada dasarnya sudah dicapai supaya faedah-faedah utama di bawah Akta Kerja, 1955 dipanjangkan ke Negeri-negeri tersebut melalui pindaan-pindaan yang sesuai kepada Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak.

Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak, proses ini memang dapat dipercepatkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengisytiharan yang amat dialu-alukan oleh anak Sarawak, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini dari tarikh apakah lanjutan Akta tersebut akan dikuatkuasakan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, perundingan dengan Kerajaan Negeri kedua-dua negeri ini sedang berjalan dan proses-proses yang perlu sedang diambil. Dengan demikian, tarikh tetap tidak dapat dinyatakan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

*(Soalan No. 2 Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)*

**RUMAH KOS RENDAH  
DI PULAU PINANG—  
PERUNTUKAN**

3. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) jumlah sebenar peruntukan kepada negeri Pulau Pinang untuk mendirikan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke 2, 3 dan 4;
- (ii) jumlah peruntukan yang akan diberi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk

mendihkan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke 5; dan

- (iii) kenapa Kerajaan Pulau Pinang tidak diberi peruntukan yang lebih memandangkan 65,000 pemohon masih menunggu untuk mendapatkan rumah kos rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenar peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina rumah awam kos rendah disepanjang Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat adalah seperti berikut:

- (i) bagi Rancangan Malaysia Kedua \$35 juta.
- (ii) Rancangan Malaysia Ketiga \$34 juta; dan
- (iii) Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$62 juta.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula peruntukan yang disediakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah ialah sebanyak \$8.4 juta sahaja, untuk pembinaan sebanyak 336 unit sahaja.

Kerajaan Persekutuan memang sedar akan keperluan perumahan bukan sahaja di Pulau Pinang malah di negeri-negeri yang lain juga. Bagaimanapun seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum keupayaan kewangan Kerajaan adalah terhad akibat daripada kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara. Sungguhpun peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada semua negeri telah berkurangan, Kerajaan telah mengadakan program khas perumahan kos rendah di seluruh negara bagi meneruskan usaha

menambahkan stok perumahan kos rendah negara melalui pembiayaan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan,

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan atas asas apakah dan faktor-faktor yang diambilkira oleh Kerajaan Persekutuan sebelum membuat peruntukan bagi rumah kos rendah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat membuat peruntukan rumah-rumah ini melalui permintaan daripada Kerajaan Negeri.

#### **KUNG FU DAN TARIAN SINGA**

**4. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada diterima atau tidak Kung Fu dan Tarian Singa kaum Tionghua, hasil kesusasteraan bahasa Tionghua dan Tamil tempatan, kuil-kuil dan gereja-gereja sebagai salah sebahagian daripada kebudayaan negara ini. Jika tidak, kenapa dan tahukah beliau dengan tidak memasukkan pusaka tersebut ke dalam kebudayaan negara akan menjadikan lain-lain kaum terasa terasing dalam perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka dan batas-batas Perlembagaan, bidang-bidang seni yang disoal oleh Yang Berhormat itu adalah merupakan hak asasi dan hak kebebasan masing-masing kaum mengamalkannya. Masalah menerima unsur-unsur tersebut dan rumah-rumah ibadat seperti yang dinyatakan itu sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Negara tidaklah timbul, oleh kerana masing-masing kaum atau

penganut-penganut berhak mengamalkan adat resam dan pilihan agama masing-masing.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu apakah garis panduan untuk memasukkan kebudayaan atau seni kebudayaan Cina dan Tamil menjadi Kebudayaan Kebangsaan.

Yang kedua, siapakah yang akan menentukan garis panduan itu, Kabinet ataupun Mesyuarat Tertinggi Barisan Nasional ataupun siapa?

Yang ketiga, adakah pakar-pakar daripada masing-masing kebudayaan atau dari badan yang mempunyai pengetahuan yang lebih telah atau akan menjadikan Ahli Penal untuk menentukan Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, garisan bagi menentukan ciri Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah jelas iaitu berasaskan kepada ciri-ciri keserantauan dan budaya lain boleh diterima iaitu yang wajar dan yang boleh diterima menjadi Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Mengenai soalan yang kedua, daripada Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu siapakah yang akan menentukan, siapakah yang akan menentukan ialah garis panduan yang ada di dalam ciri-ciri inilah yang akan menentukan dan orang yang akan menentukan ialah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Malaysia.

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bahawa setakat ini pernahkah terjadi Kung Fu dan juga Tarian Singa ditahan ataupun tidak dibenarkan oleh Kerajaan bagi kaum-kaum Cina untuk mengadakannya?

Yang kedua, apabila mengambil kebudayaan keserantauan sebagai asas dalam penerimaan lain-lain unsur ataupun kebudayaan kaum-kaum lain di negara ini sebagai kebudayaan negara, tentulah ada pertentangan kerana kalau diambil kebudayaan asas di negara ini yang dianuti oleh orang-orang Islam maka sudah tentulah kebudayaan-kebudayaan yang dibawa oleh kaum-kaum lain itu ada yang bertentangan. Apakah ini juga menjadi ciri di dalam menentukan kebudayaan negara ini?

Yang ketiga, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam memberi penerangan kepada orang-orang bukan Melayu supaya mereka mengerti dan memahami dan tidak lagi menimbulkan soal ini berkali-kali terutama di dalam Dewan yang mulia ini?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal Tarian Singa dan Kung Fu adakah pernah ditahan oleh Kerajaan, setakat yang saya tahu Kung Fu tidak ada tetapi kemungkinan Tarian Singa, tetapi penahan ini bukanlah di atas sifatnya sebagai bercanggah dengan Dasar kebudayaan Nasional tetapi atas sebab-sebab keselamatan negara dan bukan dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi oleh Kementerian Dalam Negeri.

Adapun soalan kedua daripada Yang Berhormat itu mengenai apabita kita hendak "adopt" budaya-budaya lain ke dalam Dasar Kebudayaan Nasional adakah kemungkinan ada "conflict" ataupun bertentangan di antara satu sama lain. Jadi, ini mungkin berlaku tetapi setakat yang ada pada hari ini kita cuba untuk meminimisekan konflik yang ada itu yang sekira-kira kita dapat meneruskan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Nasional ini. Usaha-usaha Kementerian ke arah menerangkan akan kefahaman Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini

khususnya kepada kaum-kaum lain dibuat dari semasa ke semasa mengikut peringkat-peringkat yang tertentu berdasarkan kepada penerimaan ataupun "mood", dengan izin, masyarakat yang ada di dalam negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

*(Soalan No. 5 Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyoal pertanyaan ke-6, saya minta tambah tiga perkataan di hujung soalan ini, sebab tiga perkataan ini adalah memberi penjelasan sedikit. Perkataan-perkataan ditambah di hujung soalan ini ialah "daripada tahun 1986", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan ke-6, Tuan Yang di-Pertua.

## RUMAH KOS RENDAH

**6. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah unit-unit rumah kos rendah yang (a) sudah dilulus pembangunannya, (b) sudah dibangunkan dan (c) sudah dijual, pada tahun 1984 dan tahun 1985; dan apakah nisbah peratus angka-angka ini mencapai objektif Kerajaan membangunkan 80,000 unit setiap tahun daripada tahun 1986.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya jumlah unit rumah kos rendah yang telah diluluskan pembinaannya bagi sektor awam dan sektor swasta pada tahun 1984 adalah sebanyak 24,284 unit. Sebanyak 15,707 unit telah siap dibangunkan dan sebanyak 13,715 unit

telah pun dijual. Pada tahun 1985 pula sebanyak 19,221 unit telah diluluskan pembangunannya. Sebanyak 21,215 unit telah siap dibangunkan dan sebanyak 25,970 unit telah pun dijual. Angka-angka di atas merupakan pencapaian program perumahan biasa oleh sektor awam dan sektor swasta bagi tahun 1984 dan 1985. Pada tahun-tahun tersebut program khas perumahan kos rendah yang melibatkan pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setahun belum dilaksanakan lagi. Program khas ini hanya dilancarkan pada bulan Jun 1986 dan akan dilaksanakan sehingga 1988. Oleh itu, nisbah peratus angka-angka ini berasaskan pembinaan 80,000 unit setiap tahun tidak timbul.

**Dr Eng Seng Chai:** Soalan tambahan. Daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah nampaknya kemampuan pembinaan perindustrian perumahan ada kekurangan daya, maka apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif rancangan perumahan kos rendah 80,000 unit setahun daripada tahun 1986 meningkatkan daya pembinaan?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah memberi penjelasan berkenaan ini dan sekali lagi saya sukalah memberitahu kepada Dewan ini iaitu Kerajaan memang mengambil berat tentang pembinaan rumah kos rendah ini dan telah pun mengadakan beberapa jawatankuasa untuk meneliti dan mengawal program ini supaya ianya berjalan dengan lancar dan baik. Tetapi sepertimana Yang Berhormat telah pun nyatakan tadi, mungkin kemampuan ini tidak dapat dibuktikan tetapi buat hari ini perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah menunjukkan kepada kita mungkin dalam bulan July, 1987 sebanyak 80% tahap pembinaan akan dapat

dijalankan bagi sebilangan rumah sebanyak kalau tidak silap saya 37,000 unit yang akan disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam pembinaan rumah ini memanglah mengambil masa 18 bulan dan sebenarnya mengikut perjanjian jual beli rumah ini akan disiapkan dalam 18 bulan. Jadi, buat permulaannya memanglah kerja-kerja ini akan nampak lewat sedikit tetapi bila meningkat tahun 1988 saya berharap ini akan dapat ditunaikan.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rumah-rumah kos rendah yang dibina di negeri-negeri pada tahun 1984 masih banyak lagi yang tidak diisi oleh penghuni-penghuni atau pemohon, dan berapakah jumlah bangunan-bangunan itu yang tersadai begitu sahaja yang telah rosak oleh kerana ketinggalan pengisian penghuni-penghuni dalam kawasan perumahan tersebut?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar.

## **BARANGAN PENGGUNA—HARGA**

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan dalam rundingan dengan pembuat-pembuat bagi mengurangkan harga barangan pengguna pada keseluruhannya berikutan dengan pengurangan harga barang-barang petroleum dan pengurangan tarif elektrik.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan penurunan kos barang-barang petroleum dan pengurangan tarif elektrik, Kementerian saya telah

mengenalpasti pengeluar-pengeluar utama beberapa industri-industri tertentu dan kos-kos pengeluaran mereka telah pun dikumpul dan dikaji. Hasil dari kajian dan perundingan yang diadakan dengan para pengeluar barang-barang seperti tepung gandum, gula bertapis dan susu pekat manis telah pun dikurangkan harganya mulai Mac, 1986.

Kajian dan pengawasan harga barang-barang lain masih terus dijalankan oleh Kementerian ini. Dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawa sekiranya Kementerian saya mendapati kos pengeluaran sesuatu barang telah pun berkurangan dan adalah munasabah harga barang tersebut diturunkan, maka Kementerian saya akan mengarahkan syarikat berkenaan untuk berbuat demikian.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pada baru-baru ini Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membekukan kenaikan gaji sektor awam bagi tempoh tiga tahun, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membuat sesuatu supaya mencegah kenaikan harga barang-barang pengguna untuk tempoh tiga tahun yang akan datang ini.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya masih mengkaji perkara ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, beliau telah menyatakan bahawa ada sedikit sebanyak barang-barang yang telah dikaji dan telah ditentukan harganya sama ada hendak ditinggikan atau direndahkan, tetapi dalam bidang perindustrian dan bidang perdagangan ada beribu-ribu jenis barangan dan

pengeluaran yang dapat dijual di dalam pasaran Malaysia ini. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan berapa lama maksimumnya dapat dikaji oleh Kementerian yang berkenaan itu untuk menentukan sama ada barang itu patut dinaikkan harga atau patut diturunkan harga? Sila jawab.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan sendiri sudah memaklumkan Dewan yang mulia ini ada beribu-ribu jenis barang-barang. Kalau ada banyak, mesti ianya memakan masa untuk mengkaji perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Itulah jawapannya.

#### AGAMA BAGI ANAK-ANAK— PEMILIHAN

**8. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan hak-hak ibu bapa rakyat Malaysia ke atas anak-anak mereka yang berusia kurang daripada 18 tahun termasuk dalam perkara-perkara mengenai memilih agama untuk anaknya dijamin dan diberi perlindungan memandangkan terdapat peningkatan bilangan kes-kes di mana remaja yang bukan Islam yang berusia 18 tahun memeluk agama Islam tanpa kebenaran ibu bapa mereka kian meningkat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang peruntukan memang telah sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menjamin hak kebebasan agama bagi seseorang. Oleh itu dan memandangkan bahawa agama adalah satu perkara peribadi, maka Kerajaan tidak ada rancangan buat masa ini untuk mengambil sesuatu tindakan

dalam hal ini takut kalau-kalau tindakan Kerajaan akan disalahkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Di dalam memilih agama bagi kanak-kanak yang berusia kurang daripada 18 tahun, Kerajaan berpendapat ini adalah berupa tanggungjawab ibu bapa dan mereka hendaklah sentiasa menjaga dan mengawasi kanak-kanak itu sendiri supaya kanak-kanak mereka tidak meninggalkan agama pilihan mereka.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau ada mengatakan bahawa sudahlah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menentukan agama bagi anak-anak mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun. Saya ingin mendapat tahu bagaimanakah tanggungjawab ini yang ada pada ibu bapa dapat dijamin oleh Kerajaan, oleh kerana terdapat pencabulan hak itu untuk melaksanakan tanggungjawabnya untuk menentukan agama bagi anak-anak mereka yang berumur kurang dari 18 tahun, memandangkan terjadi beberapa kes dalam negara kita sehinggalah ke mahkamah. Jadi bagaimanakah pihak Kementerian dapat menentukan tanggungjawab itu dapat dilaksanakan tanpa gangguan, tanpa sebarang pencabulan hak itu?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan tadi bahawa agama itu adalah pilihan seseorang sendiri dan untuk menentukan kebebasan ini, dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 12 (4) telah ditetapkan bahawa agama itu adalah mengikut pilihan masing-masing.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam masalah anak-anak muda yang

belum meningkat 18 tahun yang memeluk agama Islam, berapa banyakkah kes yang terdapat seperti yang disoal dalam soalan asal oleh Yang Berhormat dari Ipoh itu; dan sekiranya ada orang yang memeluk agama Islam tanpa keizinan seperti yang disebutkan itu; adakah dia itu memeluk atas kerelaannya sendiri ataupun ada paksaan daripada mana-mana pihak?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan Jabatan ini hanya satu, dan tidaklah baik untuk kita membicarakan di sini kerana ia merupakan *sub judice* kerana perkara ini masih lagi dalam mahkamah.

## GURU MELETAKKAN JAWATAN DI SARAWAK

**9. Tuan Andrew Janggi Muiyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru yang meletakkan jawatan di Negeri Sarawak sejak lima tahun yang lepas kerana:

- (a) bekerja sendiri;
- (b) berkhidmat dengan swasta; dan
- (c) menyandang jawatan lain dalam Kerajaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod di Kementerian Pelajaran, sejak tahun 1981 hingga 1986 seramai 225 orang-guru di Sarawak telah meletakkan jawatan sama ada untuk bekerja sendiri atau untuk berkhidmat dengan pihak swasta. Tidak ada guru yang meletakkan jawatan untuk menyandang jawatan lain dalam Kerajaan.

Kementerian Pelajaran membenarkan guru-guru meletakkan jawatan dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun jumlah guru yang meletakkan jawatan

itu adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah guru yang sedang berkhidmat di masa kini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor yang menyebabkan guru-guru ini meletakkan jawatan.

Yang kedua, adakah guru-guru ini anak tempatan Sarawak ataupun daripada tempat lain?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang jelas, yang ketara sangat ialah mereka meletakkan jawatan atas kemahuan diri sendiri dan sama ada mereka itu anak tempatan dari Sarawak, saya rasa memang kebanyakannya dari Sarawak, mungkin ada sedikit dari tempat lain, termasuk dari Semenanjung Malaysia.

## INDUSTRI PENDIDIKAN SWASTA

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pelajaran mengikut statistik 1984/1985, jumlah pelajar Malaysia di luar negeri ialah seramai 68.671 dan sejumlah 1.5 billion wang Negara mengalir ke luar negeri. Memandangkan arah ini bukan sahaja merugikan ekonomi negara dan juga menguntungkan negara-negara Barat dan maju semata-mata, apakah Kementerian Pelajaran bercadang mengubah dasar industri pendidikan swasta yang berasaskan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru bagi mengurangkan jumlah pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negeri dengan cara menyediakan peluang-peluang pelajaran dalam negeri yang secukupnya melalui industri pendidikan swasta serta memberi galakan yang secukupnya kepada penganjur-penganjur institusi pendidikan swasta.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk masa kini, Kerajaan belum bercadang, sebagaimana yang pernah kita nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengubah dasar yang sedia ada.

Masalah untuk menampung lebih ramai lagi pelajar-pelajar dapat di atasi dengan cara memperkembangkan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan melalui pembesaran kampus induk, menambah kampus-kampus cawangan, mengadakan kursus-kursus pengajian baru dan menubuhkan jabatan-jabatan baru agar pengambilan pelajar pada setiap tahun dapat dipertingkatkan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, memandangkan ada 68,671 pelajar dan sejumlah \$1.5 billion wang rakyat dibelanjakan untuk menghantarkan pelajar-pelajar ke seberang laut, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan menyatakan adakah ini mencerminkan sistem pelajaran kita atau pelajaran lanjutan kita tidak mencukupi di negara kita ini.

Soalan yang kedua, adakah oleh kerana kita kekurangan keyakinan bagi sistem pelajaran yang ada dan juga memandangkan ada anak-anak Menteri-menteri pun menghantar anak-anaknya ke seberang laut untuk menghadiri sekolah rendah ataupun sekolah menengah, bukankah ini memperkecilkan hati kita untuk menghantar anak-anak kita ke sekolah-sekolah yang berada di negara ini?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-duanya tidak. Mereka mempunyai keyakinan dalam sistem pelajaran kita dan kita mempunyai keyakinan dalam sistem

yang ada pada kita. Namun demikian, mereka menghantar anak ke luar negeri. Pertama, kita juga ada menghantar, termasuk pihak Kerajaan.

Perkara yang kedua, ada juga pihak yang menghantar atas minat sendiri tetapi hakikat bahawa mereka itu tidak berminat atau tidak mempunyai keyakinan dalam sistem pelajaran kita, tidak ada laporan yang mengatakan begitu. Saya pasti dan boleh memberikan jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sistem yang ada pada kita sekarang yang kita gunakan tetap boleh memberikan keyakinan kepada kita.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pelajaran, adakah beliau sedar dan apakah tindakan yang akan diambil kepada ibubapa yang mana anak-anak mereka dihantar bersekolah iaitu sekolah rendah dan tinggi di Singapura. Adakah larangan ataupun sebagainya kerana dalam negara kita pun sebagaimana dikatakan tadi, mereka boleh mendapat peluang pelajaran dari sistem yang ada ataupun matapelajaran berkenaan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar ada ibubapa yang menghantar anak-anak mereka belajar ke negara asing, terutama sekali negara jiran, tetapi dari segi kuasa, kita tidak ada kuasa menghalang mereka. Namun demikian, kita berusaha untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mempertingkatkan mutu sistem pelajaran kita, walaupun saya akui bahawa sistem pelajaran kita adalah baik untuk dapat menentukan supaya mereka itu dapat menanam minat yang lebih mendalam dalam meneruskan pelajaran di negara kita ini.

## ROMPAKAN DI PERAIRAN SABAH

**11. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan banyaknya kejadian rompakan di laut di perairan Sabah dan di bandar di kawasan pantai, bolehkah Kerajaan memastikan apa juga tenaga dan kemudahan yang disediakan selepas peristiwa di Lahad Datu dalam bulan September, 1985, memadai untuk menentang serangan yang serupa sekali lagi.

*18-11-1986*

**10. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah bot nelayan atau bot pukot tarik yang telah dirompak di perairan Sabah semenjak tahun 1982 hingga 30hb September, 1986. Berapakah kerugian yang sebenar kepada Malaysia. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi nyawa dan harta benda nelayan Malaysia dan keselamatan negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

-Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan-soalan Ahli Yang Berhormat pada hari ini dan pada 18hb November, 1986 adalah mengenai perkara yang sama, saya memohon untuk menjawabnya sekali gus.

Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan berbagai tindakan untuk memastikan pantai negeri Sabah

terselamat daripada ancaman lanun. Di antara tindakan-tindakan yang dijalankan termasuklah:

- (1) Mempertingkatkan rondaan oleh Polis Merin di perairan negeri Sabah;
- (2) Mengadakan operasi yang dinamakan Ops Tayang sejak bulan November, 1983 untuk mengesan lanun-lanun di perairan negeri Sabah;
- (3) Menempatkan 5 kompeni terdiri dari 705 orang anggota Pasukan Polis Hutan di tempat-tempat yang strategik termasuk pulau-pulau barisan hadapan;
- (4) Mengadakan operasi-operasi di bandar-bandar di kawasan pantai dengan mengadakan serang hendap atau, dengan izin, ambush di tempat-tempat tertentu;
- (5) Menempatkan 2 buah kapal terbang kecil Polis jenis Cessna untuk mengawasi dan membuat perhatian di kawasan-kawasan yang terlibat;
- (6) Menempatkan Unit Gegas (Gerak Cepat) di kawasan-kawasan tertentu untuk bertindak dengan segera jika berlaku sesuatu;
- (7) Mempertingkatkan usaha mendapatkan maklumat dan risikan berhubung dengan kegiatan lanun; dan
- (8) Menyusun satu rancangan kontingensi untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang bukan sahaja untuk mencegah tetapi juga untuk mengambil tindakan balas yang cepat.

Setakat ini keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah terkawal.

Semenjak tahun 1982 hingga ke bulan September, 1986, sebanyak 6 kejadian rompakan ke atas bot-bot nelayan pukot tarik telah berlaku di

perairan negeri Sabah. Kerugian yang dialami bagi semua kejadian itu ditaksirkan sebanyak \$161,020.00.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini daripada penyiasatan yang telah pun dibuat dari manakah datangnya perompak-perompak dan lanun-lanun yang merompak rakyat kita di kawasan Sabah itu.

Soalan kedua, dari tindakan yang telah dan akan diambil adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu perjanjian rasmi dengan negara-negara jiran khususnya Filipina dan juga mengadakan rondaan-rondaan bersama di antara kedua-dua buah negara?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kejadian yang berlaku berjumlah lebih kurang 91 kes dan daripada 91 kes itu, 47 kejadian telah dapat disahkan sebagai kejadian yang dipercayai dilakukan oleh penjenayah asing. Penjenayah-penjenayah, ini terdiri daripada rakyat Filipina dan juga rakyat Indonesia.

Berhubung dengan soalan kedua, kami merasakan Pertubuhan ASEAN yang ada pada hari ini sudah mencukupi untuk menjalankan kegiatan terhadap pembanterasannya kejadian-kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rompakan itu berlaku banyak ke atas nelayan dan nelayan kita tahu sudahpun bertarung dengan laut dan maut untuk mencari rezki, apakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan mulai pada masa sekarang ini nelayan-nelayan tidak akan lagi diganggu gugat oleh rompakan-rompakan di laut?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal jaminan itu merupakan sesuatu yang difikirkan bahawa ianya patut dikendalikan oleh semua pihak yang berkenaan.

Yang kedua, apa yang dikatakan oleh saya sekejap tadi, dengan berbagai-bagai usaha, sama ada dari segi pengawasan dari udara dan lain-lain, maka, kita berharap dengan sokongan seluruh rakyat dan sesiapa juga yang bertanggungjawab, persoalan ini dapat dikendalikan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan kata-kata dalam soalan asal yang berbunyi: "...memandangkan banyaknya kejadian rompakan di laut....," saya ingin tahu apakah langkah-langkah konkrit yang diambil untuk memastikan bahawa Feri Malaysia tidak terdedah kepada ancaman rompakan di laut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan apa yang kita gariskan sekejap tadi, 8 semua sekali, bukan sahaja mengenai Sabah, soal ini barangkali akan dapat kita atasi.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada laporan yang kita baca di akhbar-akhbar di dapati bahawa lanun-lanun yang dikatakan lanun ini mempunyai jentera-jentera, bot-bot laju dan juga senjata-senjata yang moden. Adakah mereka ini ditakrifkan sebagai lanun yang "genuine" ataupun mereka ini elemen subversif yang mana kegiatan lanun itu hanya sampingan sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu, mereka ini adalah lanun.

**AKTA KESELAMATAN  
DALAM NEGERI/  
AKTA MENCEGAH  
JENAYAH 1959**

**12. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bertujuan mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 serta Ordinan Pencegahan Jenayah 1959, memandangkan keselamatan di negara ini lebih baik supaya menemui kehendak rakyat untuk mempertahankan hak-hak asasi mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa keadaan keselamatan negara pada keseluruhannya bertambah baik, bagaimanapun ancaman terhadap keselamatan masih lagi wujud. Oleh itu adalah perlu Akta Keselamatan Dalam Negeri dikekalkan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Mencegah Jenayah 1959 pula Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Akta ini. Undang-undang ini masih diperlukan untuk mencegah kegiatan-kegiatan jenayah.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, berapa orangkah yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri hingga hari ini dan berapa orangkah yang ditahan sebab fahaman politik.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan itu memerlukan angka yang tepat dan angka yang tepat ini terpaksa kita sampai kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperketatkan Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang mempersoalkan Perlembagaan Negara terutamanya berkenaan dengan status Pribumi di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya ingat soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Yang Berhormat, soalan kita berbalik kepada soalan awal yang belum dijawab. Soalan kedua, Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

**PELABURAN JEPUN  
DI MALAYSIA**

**2. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan benarkan berikutan dengan wujudnya berbagai tekanan bersabit dengan kenaikan nilai Yen baru-baru ini syarikat-syarikat Jepun mula memindahkan operasinya ke Malaysia dan negara-negara ASEAN. Jika benar:

- (a) berapa banyakkah syarikat Pembuatan Jepun yang telah memindahkan kegiatan operasinya ke Malaysia;
- (b) apakah jenis perusahaan pembuatan barangan yang dipindahkan ke negara ini; dan
- (c) tindakan syarikat Pembuatan Jepun itu tidakkah menjejaskan pertumbuhan Syarikat-syarikat Pembuatan tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jepun merupakan salah sebuah negara yang utama yang

melabur di Malaysia. Sejak beberapa tahun yang lalu Malaysia telah pun menerima projek-projek perindustrian yang melibatkan ekuiti dari negara Jepun seperti berikut:

| Tahun | Jumlah projek telah diluluskan yang melibatkan pelaburan negara Jepun |
|-------|---|
| 1980  | 36  |
| 1981  | 45  |
| 1982  | 36  |
| 1983  | 42  |
| 1984  | 72  |
| 1985  | 46  |

Angka-angka ini menunjukkan bahawa sehingga ini tidak ada perubahan yang ketara di dalam pelaburan dari Jepun ke Malaysia. Walau bagaimanapun, baru-baru ini adalah didapati jumlah pertanyaan-pertanyaan mengenai pelaburan dan lawatan-lawatan para usahawan Jepun ke Malaysia telah bertambah. Mungkin ini adalah bertujuan untuk menyelidik kemungkinan melabur di bidang pembuatan bagi mengatasi masalah yang dihadapi hasil dari kenaikan nilai Yen. Soalan Yang Berhormat mengenai jenis perusahaan pembuatan yang dijangka dipindahkan ke negara ini kerana kenaikan nilai Yen, bolehlah dikesan berdasarkan kelulusan-kelulusan yang telah diberikan kepada tahun-tahun yang lalu. Mengikut rekod kami, kebanyakan daripada projek-projek yang melibatkan penyertaan dari negara Jepun adalah dalam bidang elektrik dan elektronik, automative parts dan komponen, dengan izin, bahan binaan serta industri-industri yang berasaskan kepada sumber-sumber asli seperti kayu-kayan dan getah. Sekiranya pun keadaan kenaikan nilai Yen yang di dapati sekarang ini akan menghasilkan lebih banyak projek-projek Jepun ditempatkan di Malaysia, ia tidak akan menjejaskan pengilang-pengilang tempatan kerana pada dasarnya projek-projek mereka adalah berorientasikan pasaran eksport.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan daripada tahun 1980 hingga 1985 lebih daripada 300 buah projek yang telah diluluskan. Saya ingin bertanya daripada jumlah itu adakah kesemuanya ekuiti kepada syarikat-syarikat Jepun ini diberi 100% ataupun di bawah konsep usahasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan.

Kedua, adakah barangan-barangan yang diproses oleh syarikat-syarikat ini keseluruhannya untuk eksport ataupun untuk kegunaan pasaran tempatan.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya Kerajaan kita mengadakan satu polisi di mana syarikat-syarikat terpaksa menggunakan sumber-sumber tempatan yang boleh didapatkan di negara kita. Tetapi boleh juga mengimport kalau sumber-sumber tersebut tidak ada di sini. Kebanyakan syarikat-syarikat dari Jepun yang melabur di Malaysia menggunakan sumber-sumber tempatan atau bahan-bahan tempatan sebab mengimport dari Jepun bahan-bahan mentah atau alat-alat gantian mahal, kerana kenaikan nilai Yen. Sumber-sumber tempatan senang dan cepat didapatkan di Malaysia.

Bersabit dengan ekuiti, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan pelabur-pelabur dari Jepun dibenarkan menggunakan kemudahan-kemudahan institusi-institusi kewangan tempatan. Walau bagaimanapun, mereka membawa ekuiti mereka sendiri ke negara ini. Ada juga mereka membawa machinery dan teknologi sebagai ekuiti mereka.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada perusahaan-perusahaan atau projek-projek yang dikatakan telah diluluskan bagi syarikat-syarikat Jepun itu bermakna bahawa Jepun atau syarikat-syarikat berkenaan telah memindahkan kegiatan operasinya dari negara Jepun ke Malaysia memandangkan soalan asal adalah mengenai pemindahan operasi daripada Jepun ke Malaysia. Saya ingin mendapat tahu sama ada jumlah ini bererti bahawa 300 lebih jenis pehndustrian telah dipindahkan daripada Jepun ke Malaysia. Benar atau tidak? Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi keterangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia hendak tahu benar atau tidak pemindahan? Sila.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan sahaja. Bolehkah .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Panjang pun boleh, masa panjang lagi (*Ketawa*).

**Tuan Lau Dak Kee:** Ya, sedikit sahaja. Sama ada Jepun membawa mesin baru atau mesin terpakai (second-hand) apabila memindahkan operasinya ke Malaysia. Adakah ini benar atau tidak?

Kedua, sejauh manakah kilang-kilang Jepun menggunakan mesin baru atau mesin terpakai untuk mendapatkan pinjaman modal atau kewangan pengurusan daripada bank-bank atau institusi kewangan. Adakah benar mereka tak payah membawa satu sen pun untuk mendirikan kilang di Malaysia apabila mereka dapat kemudahan-kemudahan kewangan di Malaysia ini.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak benar (*Ketawa*).

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, dari semua 280 projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan, berapakah projek yang telah beroperasi pada masa sekarang dan berapa banyak jumlah pelaburan dalam kiraan Ringgit telah dilabur oleh pihak Jepun melalui projek-projek tersebut? Dan adakah Proton Saga dikira satu projek Jepun?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis (*Ketawa*).

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, untuk melanjutkan exercise "Baptism fire" kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen baru berkenaan, soalan tambahan saya ialah adakah benar bahawa satu masalah yang menjejaskan usaha negara kita untuk menggalakkan pemindahan kegiatan operasi syarikat-syarikat Jepun ke Malaysia ialah kerana sektor perkilangan dan pembuatan Jepun adalah amat sophisticated, amat high-tech dan Malaysia tidak mempunyai kemahiran pekerja-pekerja yang diperlukan? Apakah langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya menarik lebih permindahan tersebut? Sila tidak jawab dengan "ada" atau "tidak" sahaja (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila, Yang Berhormat,

**Tuan M. G. Pandithan:** Bolehkah Yang Berhormat mengulangi soalan itu? (*Ketawa*).

**Tbnbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amln bln Haji Daud):** Sekali lagi, tak berapa terang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Susah. Apakah langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan

pemindahan kegiatan operasi syarikat-syarikat Jepun dengan menggalakkan pembangunan kemahiran dalam sektor perkilangan dan pembuatan yang amat sophisticated supaya menarik lebih modal dan pelaburan dari Jepun?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, kita hantar pekerja-pekerja ke Jepun untuk belajar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Satu lagi yang akhir, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan syarikat-syarikat Jepun ini ada menggunakan komponen-komponen tempatan, tetapi saya dengar banyak rungutan di luar, syarikat-syarikat Jepun ini banyak mementingkan komponennya dari negara mereka. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi bukti-bukti dan contoh satu dua di mana Jepun ini betul-betul menggunakan komponen daripada negara kita? Ini soalan latihan untuk Setiausaha Parlimen (*Ketawa*).

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Jepun adalah menggunakan bahan-bahan kita dan juga membawa bahan-bahan dari Jepun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bolehlah itu, cukup. Ujian lulus (*Ketawa*).

Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

**Dato' Haji Mohanunad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 5.

## KENAIKAN NILAI MATAWANG YEN JEPUN

**5. Dato' Haji Mohanunad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** (*di bawah S. O. 24 (2)*) ) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan nilai matawang yen Jepun telah pun melambung tinggi ke tahap yang luar biasa, adakah ini telah menjejaskan keupayaan kita untuk membayar balik pinjaman kita dari negara Jepun yang bernilai berjuta-juta ringgit; jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk berunding dengan negara Jepun supaya faedah pinjaman tersebut yang dikenakan adalah faedah yang wujud sewaktu pinjaman itu dibuat dan bukan faedah yang terdapat sekarang ini; adakah Kerajaan bercadang untuk terus-menerus meminjam wang dari Jepun walaupun nilai yen sudah meningkat; jika ya, mengapa dan jika tidak, manakah satu-satu negara yang Kerajaan fikir dapat menolong dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan nilai yen Jepun telah memberi kesan terhadap beban pembayaran hutang yen negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat peruntukan yang sewajarnya di dalam Belanjawan Negara untuk memenuhi tanggungan kewangan tersebut. Peruntukan-peruntukan ini telah mengambil kira kadar tukaran asing yang sering berubah-ubah bagi semua matawang yang terlibat dengan hutang negara. Hutang dalam nilai yen hanya merupakan kira-kira 22% dari jumlah hutang luar negara. Oleh itu, kenaikan nilai yen tidak menjejaskan sangat keupayaan kita untuk membayar balik pinjaman. Pihak Jepun telah pun dimaklumkan akan kesan-kesan kenaikan nilai yen ke atas pinjaman luar negara dalam nilai yen.

Negara masih memerlukan pinjaman luar negeri untuk membiayai rancangan-rancangan

pembangunannya. Oleh itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendapatkan pinjaman yang mempunyai syarat-syarat yang baik dan menarik. Maka itu, pinjaman-pinjaman baru akan dilakukan untuk membiayai semula pinjaman-pinjaman yang mahal dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan juga mengagihkan jangka masa bayaran pinjaman-pinjaman, dengan izin, "debt maturity profile". Tindakan-tindakan ini sentiasa dikaji berasaskan perkembangan-perkembangan yang berlaku di pasaran kewangan antarabangsa dan keperluan pinjaman luar negeri Malaysia.

Sama ada Kerajaan akan meminjam dalam matawang yen Jepun bergantunglah kepada keadaan pasaran kewangan dengan mengambil pertimbangan dasar Kerajaan memperbagaikan pinjaman dalam bentuk matawang asing dari segi risiko perubahan kadar pertukaran asing atau menentukan imbalan agihan matawang pinjaman luar negeri.

Dari sini, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah dikatakan bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati di dalam urusan mendapatkan pinjaman luar negeri untuk membiayai program pembangunan negara kita.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di atas kenaikan nilai yen ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah usaha-usaha telah pun diambil untuk berunding dengan negara Jepun untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman itu untuk mengurangkan bebanan Kerajaan kita?

Yang kedua, apakah telah terjadi di atas usaha-usaha telah diambil oleh Kerajaan kita untuk memindahkan sebahagian pinjaman itu sebagai saham dalam syarikat-syarikat dalam negara kita. Inilah satu pengumuman

yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam suratkhobar, saya rasa tidak begitu lama.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau sekiranya yen tidak naik sebegini tinggi berbanding dengan matawang negara, perbincangan di antara Kerajaan Jepun dengan Kerajaan Malaysia sentiasa diadakan. Dalam pada itu, saya tidak dapat memberi keputusan-keputusan terakhir kerana perbincangan ini akan diteruskan. Kalau pun kita mendapat satu-satu keputusan yang memberi kebaikan, kita akan terus juga berunding untuk mendapat faedah yang lebih baik lagi kepada negara.

Berhubung dengan soalan kedua, saya tidak dapat memberi kedudukan yang terbaru pada ketika ini, kerana masih lagi dalam perbincangan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, kalau pinjaman di dalam matawang itu ditukar menjadi pelaburan Jepun di Malaysia, apakah faedah untuk negara ini? Apakah implikasinya kalau berbanding dengan matawang dollar Amerika dan sebagainya?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hutang-hutang itu dijadikan ekuiti, ertinya hutang-hutang itu sudah tidak ada lagi, tetapi sudah menjadi pelaburan negara berkenaan di negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Habis sudah Jawab Mulut. Dengan jawapan dari Timbalan Menteri tadi, maka Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut". (7hb November, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan **Mohamed Amin bin Haji Daud**): Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyambung balik jawapan yang tertinggal pada hari Jumaat lepas.

3.33 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbahasan selama sembilan hari itu beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai-bagai perkara yang perlu saya beri jawapan, antaranya ialah berkaitan dengan Perkhidmatan Awam, polarisasi kaum, hal ehwal ekonomi, penswastan, petroleum, penerapan nilai-nilai Islam, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, pilihanraya dan paras sinaran radio-aktif.

Saya meminta maaf kerana tidak dapat menjawab semua perkara yang dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijawab semasa soal Jawab Mulut dan juga semasa saya menggulung perbahasan atas Titah Di-Raja pada 14hb Oktober yang lalu. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai, Kepong, Padang Terap, Ulu Selangor, Kimanis, Serian, Titiwangsa, Pendang, Mas Gading, Sungai Benut, Sibu dan Betong telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Perkhidmatan Awam. Ada di antara perkara-perkara yang dibangkitkan telah pun saya jawab semasa menjawab Pertanyaan Jawab Mulut dan juga semasa menggulung perbahasan Titah Di-Raja pada 14hb Oktober yang lalu. Namun demikian, ada beberapa perkara yang perlu saya berikan penjelasan.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap telah mencadangkan supaya Kerajaan tidak membuang kakitangannya tetapi sebaliknya menyusun semula birokrasi Kerajaan dengan mengikiskan pertindihan fungsi dan tanggungjawab. Sebenarnya perkara yang

dibangkitkan oleh Kerajaan ialah tentang saiz birokrasi dan bukan pembuangan kakitangannya.

Dalam hubungan ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun menghantar pegawai-pegawai ke semua Kementerian, Jabatan, badan-badan berkanun dan lain-lain agensi Kerajaan di peringkat pusat dan di peringkat negeri untuk membuat penilaian. Adalah dijangkakan di mana terdapat kekosongan jawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan mengisi jawatan-jawatan tersebut. Laporan mengenai kedudukan jawatan-jawatan kosong ini dijangka siap tidak berapa lama lagi.

Menyentuh soal pertindihan fungsi, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyusun semula pembahagian kakitangan mengikut keperluan dan kepentingan tugas yang akan dijalankan. Di mana terdapat pertindihan, langkah-langkah penyusunan semula akan diambil setelah dikaji dengan teliti secara mendalam akan kedudukannya .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengenai saiz perkhidmatan, kalau hendak hapuskan pertindihan dan mengurangkan saiz ini setakat langkah yang diambil tadi, saya tak nampak bagaimana saiz ini dapat dikurangkan. Kalau hendak menyusun semula pertindihan itu, maka banyak kakitangan akan diberhentikan.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa saiz Kerajaan adalah berdasarkan kepada establishmentnya ataupun senarai jawatan yang sedia ada. Terdapat pada masa ini beberapa jawatan-jawatan yang ada di dalam establishmentnya tetapi masih lagi belum diisi hasil daripada perletakan jawatan, persaraan dan sebagainya dan jawatan-jawatan ini masih lagi belum diisi. Sebab itulah saya menyatakan kajian akan dibuat sama ada perlu diisikan ataupun ditinggalkan kosong sahaja dan jawatan tersebut itu akan dipotong daripada establishment list.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap juga mencadangkan supaya kerja-kerja .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Sebagai satu contoh untuk mengurangkan saiz Kerajaan atas sektor awam, akankah Kerajaan menimbang untuk menunjukkan satu teladan dengan mengurangkan saiz Kabinet, nampaknya ada Menteri-menteri pun redundance.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya saiz Kabinet tidak ada perubahannya daripada beberapa tahun yang lalu dan pada masa ini tidak ada pertambahan dari segi saiz Kabinet dan sebab itulah pada masa sekarang ini tidak perlu dikurangkan setakat masa ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap juga mencadangkan supaya kerja-kerja penganalisaan data-data diserahkan kepada tenaga yang ada di universiti dan bukan dikendalikan oleh SERU atau MAMPU. Sukalah saya menjelaskan bahawa SERU dan MAMPU telah ditubuhkan untuk membantu Kerajaan dalam urusan pentadbiran dan pembangunan negara.

SERU telah ditubuhkan untuk membuat urusan penilaian dan hasil penilaian itu akan digunakan untuk tujuan merancang pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi. MAMPU pula telah ditubuhkan untuk meningkat dan memodenkan sistem pentadbiran dalam Perkhidmatan Awam. MAMPU juga telah disusun semula untuk bertindak sebagai konsultant pengurusan kepada Kerajaan. Adalah jelas bahawa fungsi-fungsi seperti itu tidak dapat dikendalikan oleh sesebuah universiti. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak universiti tempatan untuk bersama-sama terlibat dalam mengkaji, meneliti, mengemukakan cadangan dan perakuan terhadap usaha-usaha pembangunan negara serta pentadbiran awam.

Saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap itu bahawa wajarlah keanggotaan Kerajaan yang sedia ada diagih-agihkan semula bagi menjalankan fungsi-fungsi baru yang mungkin lebih penting seperti fungsi memajukan industri kecil. Tindakan-tindakan seperti ini adalah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan sendiri supaya dapat mengawal pertambahan jawatan serta keanggotaan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah menyentuh mengenai pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan di Sabah dan menyarankan supaya pegawai-pegawai Kerajaan memainkan peranan mereka dengan berkesan selaras dengan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah". Dalam perkara ini sukalah saya mengatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil daya usaha untuk memastikan supaya projek-projek dan rancangan-rancangan pembangunannya berjalan dengan lancar dan mengikut jadual. Institusi-institusi seperti Unit

Penyelarasan Pelaksanaan dan Pegawai-pegawai Pembangunan Negeri adalah di antara jentera pentadbiran yang telah ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Di samping itu, Ketua-ketua Jabatan adalah juga bertanggungjawab untuk menentukan bahawa projek pembangunan di bawah tanggungjawab Jabatan masing-masing berjalan dengan lancar.

Walaupun bagaimanapun, saya mengaku bahawa terdapat keadaan di mana pelaksanaan beberapa projek Kerajaan terlambat kerana beberapa sebab tertentu. Kelambatan ini mungkin disebabkan oleh beberapa Faktor lain juga seperti kekurangan wang ataupun masalah-masalah teknikal yang kadangkala mengambil masa untuk diatasi. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus berusaha untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan yang telah diluluskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis juga telah menyarankan supaya jentera pentadbiran di semua Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri diperkemaskinikan. Suka saya mengambil peluang ini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan memperkemaskan jentera pentadbirannya. Di antara usaha yang telah dijalankan ialah untuk mengurangkan "red tape", dengan izin, dalam perkhidmatan awam. Ini dilakukan dengan cara mengurangkan lapisan peringkat rujukan dan membuat keputusan, melatih dan memberi fahaman kepada pegawai-pegawai dan kakitangan mengenai tugas, tanggungjawab serta prosedur-prosedur kerja, mengadakan sistem dan teknik-teknik kerja yang lebih teratur seperti Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong pula telah mengemukakan pendapat bahawa saiz pekhidmatan awam membesar disebabkan Operasi Isi Penuh dan dikaitkan pula dengan usaha menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya program Isi Penuh ini sendiri adalah merupakan satu pendekatan untuk mempercepatkan proses pengambilan anggota untuk mengendalikan berbagai perkhidmatan Kerajaan. Pertambahan bilangan anggota yang diperlukan itu, pada umumnya, adalah hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, termasuk Dasar Ekonomi Baru. Sekarang ini sudahpun diumumkan dasar baru untuk mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan program penswastaaan pun telah dimulakan. Selaras dengan perkembangan baru ini, Kerajaan sendiri telah pun menetapkan supaya saiz perkhidmatan awam yang sedia ada perlu dikaji semula sewajar dengan dasar tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.....

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan Operasi Isi Penuh itu hanya untuk mengisi jawatan "establishment" sahaja ataupun jawatan-jawatan yang baru direka untuk keperluan-keperluan termasuk politik?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Operasi Isi Penuh ini telah dijalankan begitu lama sebelum Kerajaan menetapkan dasar untuk memberhentikan pengambilan

kakitangan baru di mana Jabatan-jabatan yang tidak memerlukannya. Jadi jawapan bagi soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah hanya untuk mengisi jawatan-jawatan "establishment" sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah membangkitkan komposisi kaum dalam bilangan pekerja-pekerja di semua sektor awam. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengambilan kakitangan dalam sektor awam pada keseluruhannya tidak terhad kepada satu-satu kaum sahaja. Setiap jawatan yang diiklankan adalah terbuka kepada semua warganegara yang berkelayakan untuk memohonnya. Bagi jawatan yang diiklankan itu, pemilihan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dan mengikut prinsip yang dipakai sekarang, pemilihan dibuat berasaskan kelayakan dan kebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah mendakwa bahawa bukan sahaja pegawai-pegawai rendah tetapi ada beberapa pegawai tinggi Kerajaan yang telah membuat penipuan dengan menyuruh Pelayan Pejabat mengetipkan Kad Perakam Waktu untuk menunjukkan bahawa mereka datang tepat pukul 8.00 pagi. Bagi mengawasi perjalanan sistem ini pada tiap-tiap minggu, Ketua-ketua Pejabat dikehendaki melantik seorang Pegawai Bertugas. Pegawai Bertugas adalah bertanggungjawab melaporkan penggunaan Kad Perakam Waktu itu kepada Ketua Jabatan masing-masing dan Ketua Jabatan dengan bantuan Pegawai Bertugas adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua peraturan mengenai sistem Kad Perakam Waktu dipatuhi dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika ada laporan yang diterima mengenai penyelewengan atau penipuan. Adalah diharapkan dengan pengawasan yang diambil oleh

pihak Kerajaan, kejadian penyelewengan dan penipuan, sekiranya ada, dapat dikurangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa telah menyentuh dua perkara untuk meningkatkan prestasi dan kelicinan pentadbiran Kerajaan. Yang pertama ialah sikap pegawai-pegawai dan kakitangan, dan yang kedua ialah persefahaman dan pendekatan secara bersepadu di antara penggubal dan pelaksana dasar.

Saya bersetuju bahawa kedua-dua perkara ini adalah penting bagi meningkatkan mutu produktiviti pentadbiran Kerajaan. Walau bagaimanapun, penting juga saya jelaskan bahawa dalam usahanya untuk meninggikan prestasi dan mutu pentadbiran, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah. Kesan dari tindakan-tindakan yang telah diambil telah pun dirasakan. Jabatan-jabatan tertentu yang mempunyai perhubungan rapat dengan orang ramai telah pun menunjukkan peningkatan mutu perkhidmatannya. Ini adalah berasaskan kajian-kajian dan pemeriksaan mengejut yang dijalankan baru-baru ini dan juga melalui "gallop poll", dengan izin, yang dibuat oleh pihak MAMPU dan sebuah syarikat swasta.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang telah menyentuh soal berkenaan dengan pesara yang diambil bekerja semula oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan hanya melantik semula pesara-pesara Kerajaan di jawatan-jawatan profesional serta lain-lain jawatan di mana perkhidmatan-perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada kali ini ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan telah menyentuh soal jentera pentadbiran Kerajaan.

Perlu saya menyatakan bahawa Institut Pentadbiran Awam di dalam negara kita telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara lebih-lebih lagi ianya merupakan benteng terakhir untuk memelihara kestabilan politik dan pentadbiran dalam negara kita ini. Sejarah negara kita menjadi bukti yang nyata di atas hakikat ini. Sebab itulah Kerajaan memikirkan perlu bahawa institusi ini diperkukuhkan lagi terutama sekali dalam konteks sebuah negara yang sedang pesat membangun.

Kerajaan akan terus berusaha serta mengambil langkah-langkah yang positif untuk memodenkan jentera pentadbiran Kerajaan untuk meningkatkan keberkesannya. Langkah-langkah ini melibatkan pendekatan-pendekatan kepada konsep-konsep pentadbiran yang baru, perubahan-perubahan struktur untuk mengelakkan pertindihan antara Jabatan, meningkatkan daya dan mutu kerja melalui peningkatan motivasi dan perubahan sikap dan pembaharuan dari segi sistem bekerja yang melibatkan kakitangan Kerajaan secara langsung ataupun secara tidak langsung. Kerajaan menerima hakikat bahawa sesuatu perubahan yang dihasratkan itu tidak mungkin akan dicapai dalam masa yang singkat tetapi yang penting ialah bahawa rakyat jelata dapat faedah dari perubahan-perubahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai dan Kota Melaka telah menyentuh soal polarisasi kaum. Ahli Yang Berhormat bagi Jerai menyarankan supaya Jabatan Perpaduan Negara bertindak lebih tegas dan lebih berkesan untuk mengadakan lebih banyak aktiviti bagi menyuburkan semangat perpaduan dan muhibbah di kalangan penduduk negara ini. Sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang berusaha dengan lebih giat lagi untuk

mempertingkatkan keberkesanan program penggalakan perpaduan kaum di kalangan rakyat melalui aktiviti-aktiviti kejranaan, pendidikan tak-formal serta lain-lain bentuk penerapan dan penghayatan unsur-unsur perpaduan. Kesemua program-program ini adalah dengan tujuan untuk memupuk-suburkan interaksi dan semangat muhibbah antara kaum dalam negara kita ini.

Soal perpaduan kaum di dalam negara kita merupakan satu soal yang telah lama kita hadapi dan tiap-tiap satu generasi kita akan terpaksa berhadapan dengan soal ini selagi ianya tidak dapat kita selesaikan dalam generasi kita. Harus kita ingat bahawa masalah yang berbangkit bukanlah masalah orang Melayu, bukan masalah orang Cina, bukan masalah orang India atau lain-lain kaum. Ianya merupakan masalah nasional. Ianya bukan soal siapa dapat lebih, siapa dapat kurang, siapa warganegara kelas satu atau siapa warganegara kelas dua. Selagi konsep "aku" dan "engkau" masih lagi menjadi tanggapan (perception), dengan izin, utama dalam perkiraan politik negara, selagi itulah saya percaya jalan yang menuju kepada penyelesaian masalah perkauman ini tidak akan ada kesudahannya.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat .....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi, apakah tindakan yang tegas untuk mencegah dari merebaknya controversy yang ada sekarang yang menimbulkan isu perkauman dan yang menjejaskan perpaduan negara? Apakah tindakan yang tegas, saya lihat masih ada api itu dihangat-hangatkan.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soal perkauman ini tidak dapat kita perbincangkan dalam masa yang suntuk. Kalau perlu kita boleh adakan perbincangan yang lebih lanjut dalam forum yang lain, kerana masing-masing mempunyai pendapat-pendapat yang tertentu dalam soal ini. Saya tidak berhasrat untuk berdebat di dalam Dewan ini dalam soal ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dan mewujudkan perpaduan negara. Bukankah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun Yang Berhormat Menteri kata bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah, sebenarnya Menteri-menteri dalam Kerajaan, Menteri-menteri UMNO, Menteri-menteri MCA escalate, dengan izin, masalah polarisasi kaum daripada satu "flash point" kepada satu "flash point" yang lebih tinggi, khasnya mengenai ketetapan MCA Selangor? Kenapa Menteri-menteri mereka sendiri tidak boleh membuat satu teladan yang baik?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Saya fikir itu pendapat Yang Berhormat. Dari segi pendapat-pendapat daripada Menteri-menteri ataupun usul-usul yang dibuat oleh badan-badan yang tertentu, itu adalah di luar daripada tanggungjawab Kerajaan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak sesiapa pun yang mahu dituduh bahawa ianya menjadi penghalang kepada matlamat pencapaian perpaduan nasional. Tetapi ramai yang ingin mempertahankan kepentingan sempit kaumnya sendiri. Kita bercakap dengan lantang tenlang keperluan perpaduan nasional tetapi

enggan menghantar anak-anak kita ke sekolah kebangsaan di mana proses integrasi kanak-kanak ini dapat kita lakukan pada peringkat awal. Kita menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa yang menyatupadu rakyat negara kita tetapi enggan meletakkannya pada taraf yang sesuai sebagai Bahasa Kebangsaan.

Saya khuatir kerana kerap kali kita menekankan perbezaan kita dan bagaimana perbezaan ini perlu dilanjutkan. Apa yang harus kita lakukan ialah untuk mencari persamaan di antara kita serta menggunakannya sebagai asas yang kukuh untuk meningkatkan perpaduan kaum. Kita telah mencapai kata sepakat dalam Perlembagaan kita. Tidak perlu kita ungkit-mengungkit lagi dan menimbulkan kemarahan dari pihak yang lain.

Soalnya bagi kita ialah bagaimana kita dapat mengembelikan tenaga kita serta pemikiran kita untuk perkembangan ekonomi kita dengan ramuan, (mix), dengan izin, yang adil kepada semua pihak yang terlibat setelah mengambil kira latarbelakang kita yang berlainan. Semestinya di dalam hal ini, pengorbanan terutama sekali bagi generasi kita sekarang ini amat perlu sekali agar generasi kita yang akan datang tidak perlu lagi menempuh masalah yang sama.

Saya menyentuh soal ini kerana kita sebagai Ahli-ahli politik di dalam negara kita ini, memainkan peranan untuk memimpin serta melahirkan kepentingan ramai, articulate the interest, dengan izin, dengan harapan untuk mendapatkan sokongan politik mereka. Tetapi hendaknya janganlah kita mengutamakan kepentingan politik semata-mata dan membelakangkan matlamat perpaduan nasional. Hendaknya juga janganlah dalam keghairahan kita untuk mencari pengaruh politik

sanggup kita membangkitkan secara terbuka serta memperbesarkan isu-isu yang boleh menyentuh sentimen dan sensitiviti rakyat yang akan menimbulkan kemarahan oleh sesuatu kaum.

Nampaknya Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka sedar tentang seriusnya masalah hubungan antara kaum di negara ini. Saya hanya boleh menyeru kepada beliau agar dapat bersama dengan Kerajaan untuk memupuk perpaduan dan jangan hanya menyalahkan pihak yang lain kerana masalah yang berbangkit. Untuk memantapkan hubungan antara kaum ke arah perpaduan nasional, ianya mesti dipupuk dan tidak diganggu-gugat dengan unsur-unsur negatif yang boleh memecah-belahkan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional pada amnya dan UMNO khususnya sememanglah sentiasa mengawasi supaya kesan masalah hubungan antara kaum ini tidak akan berleluasa dan tidak akan berpanjangan. Tetapi lain-lain pihak termasuk parti-parti Pembangkang hendaklah bekerjasama bagi mengekalkan perpaduan di negara ini kerana perpaduan nasional adalah mengatasi segala-galanya, termasuk gejala politik. Jika kita sayangkan negara kita, dan jika kita hendakkan negara kita terus stabil, maka hendaklah kita utamakan perpaduan nasional.

Usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang Melayu memanglah menjadi satu daripada matlamat Kerajaan. Walau bagaimanapun ia tidak semestinya melibatkan orang-orang Melayu sahaja kerana Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Tidak berbangkit langsung soal "diskriminasi" atau "pecah-belah kaum dan pemerintah" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Sehubungan

dengan ini, Kerajaan ingin sekali lagi menyru kepada semua pihak supaya tidak menggembar-gemburkan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti kaum. Jika sekiranya seruan ini tidak diendahkan, semua golongan rakyat akan menerima padahnya dan tidak ada mana-mana pihak yang akan mendapat faedah daripada perpecahan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Setar telah mencadangkan supaya usaha hendaklah ditumpukan bukan sahaja untuk menambahkan pengeluaran minyak mentah pada tahun 1987, tetapi seharusnya menambahkan usaha-usaha eksplorasi mencari sumber-sumber atau telaga-telaga minyak yang baru. Dengan cara ini sumber kekayaan akan bertambah dan mendapat faedah apabila permintaan dunia meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kota Setar, Kerajaan sedar betapa perlunya bagi kita menampung aktiviti-aktiviti eksplorasi di paras yang tinggi ketika harga minyak berada di paras yang rendah. Melalui PETRONAS sememangnya Kerajaan sentiasa berusaha bagi menambahkan rizab minyak dan gas negara dengan meningkatkan usaha-usaha eksplorasi bagi mencari telaga-telaga minyak yang baru. Sebagai contohnya baru-baru ini PETRONAS telah pun menawarkan kawasan perairan Selat Melaka kepada kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti eksplorasi. Selain daripada itu usaha-usaha mencarigali bagi kawasan-kawasan di perairan Sabah, Sarawak dan Terengganu juga diteruskan dan dipergiatkan.

Sebagaimana yang telah diketahui umum, baru-baru ini juga Kerajaan telah meluluskan syarat-syarat baru kontrak perkongsian pengeluaran (Production Sharing Contract),

dengan izin, yang mana syarat-syarat baru ini terbukti lebih menarik minat kontraktor-kontraktor untuk menjalankan usaha-usaha mencarigali sumber-sumber minyak dan gas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat rizab minyak dan gas kita semakin bertambah dari masa ke semasa hasil dari usaha carigali. Dalam tahun 1983 rizab minyak ialah 2,600 juta tong manakala pada tahun 1985 ianya meningkat kepada 3,100 juta tong. Bagi rizab gas yang tidak bersekutu pula, iaitu gas yang tidak ada campur minyak petroleum mentah telah meningkat dari 40 trillion kaki padu dalam tahun 1983 kepada 43 trillion kaki padu dalam tahun 1985. Rizab gas bersekutu pula iaitu gas yang ada campur bahan minyak petroleum mentah adalah tidak berubah iaitu 9.9 trillion kaki padu bagi tahun 1983 dan 1985.

Berikutan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing menubuhkan industri petrokimia di negara ini, sukalah saya menjelaskan bahawa baru-baru ini Kerajaan telah pun meluluskan dua buah projek petrokimia iaitu methyl tertiaru butly ether dan polyethylene/ethylene, dengan izin. Kedua-dua projek ini telah dirancangan dengan penyertaan ekuiti dan juga bantuan teknik dari pelabur-pelabur asing. Oleh kerana keadaan pasaran dunia yang lembab terhadap barang-barang pengeluaran petrokimia, pelaksanaan projek ini dijangka mengalami kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh tentang penghayatan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dan raenyarankan ianya perlu diberi penjelasan yang lebih mendalam kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Sukalah saya menjelaskan bahawa penerapan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan Kerajaan adalah satu

daripada beberapa bidang yang merangkumi pentadbiran. Bidang-bidang lain ialah peraturan-peraturan dan undang-undang berkait dengan pentadbiran, amalan-amalan yang sudah menjadi norma dalam urusan pentadbiran dan juga institusi-institusi.

Rancangan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran adalah satu rancangan yang pelaksanaannya memerlukan suatu jangka masa yang panjang. Malah aspek penerapan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan itu sendiri pun merupakan suatu proses yang panjang tempohnya, kerana ia merupakan suatu proses pembentukan peribadi.

Menyentuh soal agama Islam, Ahli Yang Berhormat berkenaan telah membangkitkan adanya golongan orang-orang Islam di kampung yang tidak mengiktiraf akad nikah yang dilakukan oleh kadi-kadi dan penyembelihan orang-orang Islam tertentu adalah tidak sah, adanya ajaran sesat dan berlakunya orang yang memeluk agama Islam murtad kembali kepada agama asalnya.

Soal akad nikah dan penyembelihan yang dibangkitkan itu adalah suatu cerita yang telah lama berlaku dan telah banyak diperkatakan orang. Perkara seperti ini berlaku adalah ekoran daripada pertelingkahan politik kepartian yang menimbulkan satu bentuk sentimen politik bersalutkan agama menentang establishment. Langkah-langkah yang boleh diambil bagi memerangi kejadian atau fahaman seperti ini hanyalah melalui dakwah dan penyebaran ajaran Islam yang mendalam kepada masyarakat Islam. Ini telah dan sedang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan juga Bahagian Hal Ehwal Islam melalui berbagai cara seperti ceramah, kursus, penerangan, kelas-kelas pengajian di masjid dan surau dan menerbitkan buku-buku dan risalah.

Demikianlah juga dengan ajaran sesat, hal ini telah timbul sejak zaman berzaman. Zaman Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar Siddiq telah timbul juga Nabi-nabi palsu dan pada zaman berikutnya bermacam-macam ajaran dan fahaman agama yang menyeleweng telah timbul dari semasa ke semasa silih berganti. Di Malaysia masalah ajaran sesat dan amalan yang menyalahi akidah Islam ini juga telah lama kita hadapi. Masalah ini diperangi dengan dua cara:

- (i) melalui kuatkuasa undang-undang; dan
- (ii) melalui dakwah Islamiah.

Kuasa menangkap dan kuasa penyebar ajaran salah adalah diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran hukum syarak negeri-negeri. Kegiatan dakwah dan penyebaran ajaran Islam adalah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Pelajaran, sekolah-sekolah agama rakyat dan alim ulama sejak dahulu sehinggalah sekarang.

Mengenai soal murtad, langkah-langkah sedang dirancangan bersama-sama dengan pihak-pihak berkuasa agama Kerajaan Negeri dan pihak-pihak lain yang bersangkutan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah berucap dengan panjang lebar berhubung dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan dalam ucapannya yang begitu panjang, nyata sekali bahawa beliau telah cuba menegakkan benang yang basah, cuba untuk mempertahankan yang bersalah dan menyalahkan yang benar semata-mata angkuh kerana tidak mahu menerima hakikat bahawa yang baik boleh datang dari Kerajaan (*Tepuk*).

Dari intisari ucapannya, bolehlah kita rumuskan bahawa pada pendapat beliau, Lembaga Urusan dan Tabung

Haji tidak cekap menjalankan tugas, hanya mementingkan soal keuntungan dan pegawai-pegawainya cuai serta banyak menyeleweng dalam menjalankan tugas. Boleh juga kita rumuskan bahawa pada pendapat beliau, pihak swasta, khususnya yang dikendalikan oleh rakannya sendiri, dari parti politik yang ia sertai bersama, dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Saya kurang faham dengan logik Ahli Yang Berhormat itu. Cuba kita fikirkan soal ini sedalam-dalamnya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarai*)

Pihak swasta yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah cuba memperdaya beberapa bakal haji untuk menggunakan perkhidmatannya kerana janji-janji kosong yang dibuat seperti tambang murah, layanan baik ketika berada di tanah suci dan banyak lagi janji-janji manis yang lain. Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,000.00 seorang yang dikenakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah terlalu mahal. Katanya pihak swasta mampu menganjurkannya dengan kadar yang lebih murah. Pihak swasta yang dipuji oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenakan kadar \$6,600.00 seorang bagi perjalanan melalui kapalterbang dan Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa kadar ini lebih murah dari kadar yang dikenakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Saya tidak faham logik Ahli Yang Berhormat. Jika tidak percaya, bersama-sama saya ini ada risalah haji dan umrah yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan. Saya bacakan:

MASRIA Travel Agency,  
1004, Taman Bunga Raya,  
Jalan Baru Perai,  
Seberang Perai,  
Pulau Pinang.

Harga bagi menunaikan fardhu haji dengan kapal terbang \$6,600.00. Jika tidak percaya, risalah ini boleh saya edarkan kepada Ahli Yang Berhormat nanti untuk rujukan.

Dan saya percaya bukan ini sahaja, setelah pihak swasta yang berkenaan gagal mendapatkan kapal laut dan kapalterbang seperti yang dia janjikan, ianya telah berusaha membuat urusan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk menerima jemaah hajinya melalui Penerbangan Catar Haji MAS. Bagi Lembaga Urusan dan Tabung Haji permohonan daripada pihak swasta itu boleh diterima semata-mata kerana memikirkan kepentingan bakal haji tetapi setiap jemaah hajinya adalah disyaratkan untuk mencukupkan simpanan runsing-masing dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebanyak \$5,000.00 sebelum 30hb April, 1986 dan saya suka menyatakan bahawa syarat-syarat ini juga adalah syarat-syarat yang sama yang dikenakan kepada jemaah haji yang lain.

Walaupun pihak swasta berkenaan dipercayai telah mengutip wang daripada 516 orang jemaah hajinya, tetapi ianya hanya membayar kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji wang naik haji untuk 199 orang sahaja, yang lain tidak diserahkan. Sebab itulah seramai 370 orang bakal hajinya yang telah terkandas.

Memang benar pihak swasta berkenaan telah cuba menyandarkan sekeping geran tanah sebagai cagaran kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk menampung bayaran yang belum dijelaskan sejumlah kira-kira \$1.5 juta, tetapi setelah diperiksa didapati geran tanah yang hendak dicagarkan itu bukanlah hakmilik tuan punya syahkat swasta itu, tanah berkenaan yang bernilai kira-kira \$150,000.00 sahaja adalah tanah pertanian kepunyaan seorang Cina

dan dengan demikian tawaran itu terpaksa ditotak oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Kita fikirkan sahaja perasaan bakal-bakal jemaah haji yang terlibat. Ramai dari kita telah pun menunaikan Fardhu Haji termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sendiri. Pembayaran telah pun dibuat kepada pihak swasta yang berkenaan tetapi apa yang dijanjikan nampaknya pada ketika itu tinggal janji sahaja. Inikah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebagai amanah, cekap dan memelihara kepentingan bakal haji? Pada pendapat saya tindakan yang sedemikian tidak kurang seperti menipu rakyat.

Yang paling saya hairan pihak swasta yang dikatakan baik oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, apabila sudah tidak terdaya mengatasi masalahnya telah meminta pertolongan dari Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang dikatakan tidak cekap, mementingkan keuntungan dan cuai. Sekali lagi saya kurang faham logiknya, saya hanya dapat merumuskan bahawa Ahli Yang Berhormat itu tidak lagi dapat membezakan yang baik dengan yang buruk, yang benar dengan yang salah.

Saya mengambil kesempatan untuk menerangkan latarbelakang penubuhan Tabung Haji. Ianya ditubuhkan bukan sahaja untuk menguruskan kebajikan, pengawalan serta perlindungan umat Islam ketika menunaikan Fardhu Haji dengan mengadakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan, tetapi juga bertujuan untuk:

- (i) membolehkan umat Islam menyimpan wang secara beransur-ansur untuk perbelanjaan menunaikan

Fardhu Haji atau perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berfaedah;

- (ii) membolehkan umat Islam, melalui simpanan mereka, menyertai pelaburan dalam bidang perindustrian, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan secara halal.

Maka melalui cara itu, selain dari memperolehi keuntungan untuk penyimpan-penyimpannya, Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga telah dapat menampung perbelanjaan urusan haji pada setiap tahun.

Seterusnya, tuduhan mengenai pembinaan bangunan Ibu Pejabat Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang dikatakan itu adalah tidak tepat. Sebenarnya bangunan itu adalah salah satu daripada pelaburan yang sesuai bagi Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan dengan adanya bangunan itu dapat ditampung keperluan ruang pejabat di Kuala Lumpur bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan Tabung Haji termasuk anak-anak syarikatnya yang sebelum ini telah ditempatkan di beberapa bangunan berasingan. Maka dengan adanya bangunan itu dapatlah Tabung Haji mempertingkatkan lagi perkhidmatan kepada masyarakat.

Kita sepatutnya berbangga dengan bangunan yang indah dimiliki sepenuhnya oleh umat Islam di negara ini kerana tidak banyak bangunan pencakar langit yang dimiliki oleh orang-orang Islam.

Akhirnya di dalam perkara ini saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa seluruh dunia telah menyanjung tinggi kejayaan Tabung Haji dalam bidang pengendalian jemaah haji dan pengembelian serta melaburkan simpanan umat Islam dengan memberi keuntungan yang lumayan.

Ini terbukti dalam satu bengkel yang telah diaturkan bersama oleh Tabung Haji dan Bank Pembangunan Islam di Jeddah pada 24hb Ogos yang lalu, di mana peserta-peserta dari 33 buah negara telah bersependapat bahawa pengurusan haji dan pelaburan wang bakal-bakal haji yang menyimpan secara sistematik yang dipelaporikan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu adalah suatu kejayaannya yang unik dalam dunia Islam yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kerai telah menyarankan supaya Suruhanjaya Pilihanraya dapat menubuhkan Pasukan Pendaftaran Pemilih khususnya bagi penuntut-penuntut di pusat pengajian tinggi. Ingin saya jelaskan bahawa perkara yang dibangkitkan itu telah pun dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya khususnya dalam masa gerakan pendaftaran bersepadunya yang dilancarkan pada tahun 1981 sehingga 1985. Dalam usahanya untuk mendaftarkan seramai-ramainya warganegara yang berkelayakan sebagai pemilih, Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan tempat-tempat yang sesuai untuk dijadikan pusat pendaftaran. Di antara pusat-pusat tersebut termasuklah pusat pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan juga Institut Teknologi MARA. Sambutan daripada penuntut-penuntut yang berkelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih adalah menggalakkan.

Bagi kakitangan Kerajaan yang bekerja di Jabatan-jabatan/Kementerian-kementerian di ibu kota Kuala Lumpur, pusat-pusat pendaftaran khas juga telah ditubuhkan di tempat-tempat tersebut untuk memudahkan mereka

mendaftar sebagai pemilih. Sambutan daripada mereka juga adalah amat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah membangkitkan mengenai Syarikat Asian Rare Earth, yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk mengadakan langkah-langkah keselamatan untuk kakitangannya di kawasan sekitarnya. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini hal yang berkaitan dengan kawalan terhadap penggunaan bahan-bahan Radioaktif, bahan-bahan Nuklear atau alat Radas Penyinaran adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang telah ditubuhkan mengikut Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Manakala Unit Nuklear yang dahulunya dipanggil PUSPATI memberi khidmat kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom dalam aspek-aspek keselamatan sinaran serta pengurusan sisa Radioaktif, di samping menjalankan penyelidikan dalam Sains dan Teknologi Nuklear.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah melakukan beberapa pemeriksaan ke atas Kilang Syarikat Asian Rare Earth tersebut dan juga telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan syarikat itu, semenjak syarikat tersebut diarah memberhentikan kendaliannya mulai bulan November 1985 yang lalu, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah pun menetapkan beberapa peraturan atau langkah-langkah keselamatan untuk dipatuhi oleh syarikat tersebut sebelum ianya diberi lesen untuk beroperasi semula. Peraturan-peraturan tersebut serta langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan itu juga telah mengambil kira saranan-saranan oleh pakar-pakar dari dalam negeri dan juga dari luar negeri yang telah diundang khas oleh Kerajaan Malaysia

pada tahun 1984 yang lalu. Pakar-pakar luar negeri yang telah diundang tersebut adalah merupakan pakar-pakar dalam bidang "Perlindungan serta keselamatan sinaran" dan juga "Pengurusan Sisa Radioaktif yang diiktiraf serta terkenal di kalangan masyarakat antarabangsa.

Pakar-pakar yang diundang itu telah mengakui bahawa bahan radioaktif yang dihasilkan oleh syarikat tersebut merupakan bahan radioaktif semula jadi dan mempunyai tahap risiko yang rendah. Komen-komen daripada lain-lain pakar yang bukan ahli dalam bidang keselamatan sinaran dan nuklear harus tidak boleh diterima sebulat-bulatnya, kerana pengukuran sinaran terutamanya sinaran paras rendah memerlukan kaedah-kaedah yang piawai dengan menggunakan alat-alat yang sesuai dan pengukuran ini hanya boleh dilakukan oleh pakar dalam bidang keselamatan sinaran dan pengurusan sisa radioaktif.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya .....

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Minta penjelasan. Berkenaan dengan sinaran-sinaran atau radioaktif yang berada di Asian Rare-Earth di Ipoh itu daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri telah dikatakan beberapa laporan telah disediakan oleh Kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan

memberitahu Dewan ini sama ada laporan itu dibentangkan kepada Dewan ini ataupun dibuka untuk pengetahuan umum?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar bagi pihak Kerajaan untuk membentangkan segala laporan-laporan yang dibuat oleh Kerajaan ke dalam Dewan yang mulia ini tetapi memadailah saya menjawab bahawa laporan-laporan yang disediakan itu mengambil kira kepentingan masyarakat umum pada keseluruhannya kerana soal ini penting kerana pada akhirnya yang bertanggungjawab di dalam hal keselamatan rakyat jelata adalah tanggungjawab Kerajaan sendiri dan di dalam hal ini kita tidak akan mengkompromikan sesuatu untuk membelakangkan soal keselamatan rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Gerard Math Lee Min:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa adakah PUSPATI ataupun Lembaga Pelesenan Tenaga Atom pernah menyediakan laporan ataupun telah atau belum menjalankan siasatan dan membuat satu laporan, adakah sisa-sisa radioaktif ataupun sinaran yang sedia ada di kilang Asian Rare-Earth di paras selamat bagi penduduk-penduduk di sekitar dan pekerja-pekerja di dalam kilang itu?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi, pihak PUSPATI dengan kerjasama daripada pakar-pakar asing telah pun membuat kajian ini dan mendapati bahawa bahan radioaktif yang dihasilkan oleh Syarikat Asian Rare-Earth ini

sebenarnya merupakan bahan radioaktif yang semula jadi dan yang paling penting ianya mempunyai tahap risiko yang rendah. Satu kajian telah pun dibuat.

**Tuan Ting Chek Ming:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah.

**Tuan Ting Chek Ming:** Adakah Yang Berhormat Menteri, sedar baru-baru ini di belakang kilang Syarikat Asian Rare-Earth pekerja-pekerja daripada kilang ini baru menggunakan excavator, dengan izin, Tuan Speaker, untuk mendapat thoria waste yang telah dibuang oleh syarikat kilang itu atau kontraktor, dan adakah Kerajaan mengambil langkah untuk "monitor" aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syahkat kilang ini untuk keselamatan penduduk-penduduk di Lembah Kinta?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi projek yang kontroversial yang diluluskan oleh Kerajaan seperti projek Asian Rare-Earth ini sudah tentulah daripada satu masa ke satu masa Kerajaan akan terus memonitorkan paras bahaya sisa-sisa radioaktif yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut.

Saya suka menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga kepada rakyat-rakyat di persekitaran kalau ada kejadian-kejadian luar biasa supaya dapat membuat laporan dengan secepat mungkin kepada pihak yang berkuasa. Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendengar daripada Yang Berhormat Menteri dikatakan semua rakyat mestilah sedar bahawa sisa-sisa radioaktif itu akan membahayakan kepada rakyat kita atau tidak dan di sini saya hendak memberitahu ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Ya, penjelasan. Sama ada Menteri sedar atau tidak sisa-sisa radioaktif itu telah dibuang di belakang kilang Asian Rare-Earth dan pihak Asian Rare-Earth itu memanggil lori-lori daripada swasta itu membuang, sisa-sisa radioaktif itu di tempat yang lain lain tempat di mana didapati sisa-sisa radioaktif itu dijual kepada penanam-penanam sayur-sayuran yang dikatakan sisa-sisa radioaktif itu adalah sebagai baja. Ini menyebabkan satu perkara yang serius di mana kita didapati jikalau .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat sudah minta penjelasan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Ya, terima kasih.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya nyatakan tadi, bagi sesuatu projek yang kontroversial seperti yang diluluskan oleh Kerajaan berkaitan dengan projek Asian Rare-Earth ini sudah tentulah pengawalan yang rapi akan dilakukan oleh pihak Kerajaan dan kalau ada kejadian-kejadian yang difikirkan boleh membahayakan keselamatan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan persekitarannya sudah tentulah pihak yang bertanggungjawab, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ini tidak akan membiarkan keadaan itu daripada menjadi buruk dan membahayakan keselamatan penduduk-penduduk di kawasan persekitarannya. Saya percaya masalah yang dibangkitkan

oleh ahli Yang Berhormat itu ada di dalam kawalan ataupun perhatian rapi pihak Lembaga Pelesenan tersebut dan insya Allah saya akan cuba mengingatkan lagi mereka supaya mengawasi masalah itu dengan lebih rapi lagi daripada satu masa ke satu masa.

**Tuan Ting Chek Ming:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar baru-baru ini iaitu pada hari Sabtu lalu ada lagi pekerja-pekerja syarikat atau kilang ini bekerja di belakang kilang itu yang mana sisa-sisa thoria telah dibuang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menghantar seorang pakar daripada PUSPATI untuk supervise atau siasat kes ini? Pada hari Sabtu lalu, saya sendiri ada pergi ke situ dan saya sendiri ada nampak pekerja-pekerja menggunakan tangan mereka untuk mengorek sisa-sisa yang mana nampaknya pasir tetapi dalam pasir ini ada campuran sisa-sisa thoria.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah memahami hasrat Ahli Yang Berhormat itu tetapi di dalam satu-satu kejadian berkaitan dengan satu keadaan yang begitu specialised, ukuran-ukuran sisa-sisa itu tidak boleh dibuat secara pandangan sahaja tetapi ada ukuran-ukuran yang specialised yang harus kita gunakan untuk mengukur sama ada bahan-bahan sisa itu mempunyai radioaktif ataupun tidak.

Saya suka memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pengawalan daripada pihak PUSPATI akan diteruskan dari satu masa ke satu masa tetapi sukar bagi kita tiap-tiap kali kita mendengar penduduk di kawasan itu mengatakan kebimbangan mereka, kemungkinan itu dan kemungkinan ini, terus kita berlari ke sana untuk membuat pengukuran dan sebagainya ini sukar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat itu tadi mengatakan dia jadi saksi.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tetapi dari segi sama ada betul ada bahan radioaktif naik ataupun tidak, kita tidak boleh ukur dari segi pandangan sahaja, sebab adanya cara-cara yang tertentu. Sebab itulah saya fikir kita serahkan perkara ini kepada "experts" untuk menilaikan daripada satu masa ke satu masa. Saya telah menyatakan bahawa projek ini merupakan satu projek yang kontroversial. Jauh sekali Kerajaan mahu melihat satu keadaan yang boleh timbul satu keadaan yang tidak terkawal dari segi pembuangan sisa-sisa radioaktif ini berlaku di kawasan tersebut itu dan di dalam hal ini, sebab itulah kita akan sentiasa memonitorkan perkara ini dari satu masa ke satu masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Beberapa rakan saya tadi bertanya akan hal ini oleh kerana ada kekhawatiran oleh pekerja-pekerja dan rakyat sekeliling Lembah Pantai di sana. Oleh kerana, apa yang baru berlaku mengancam kesihatan mereka, bolehkah Kerajaan dan Menteri berkenaan atas kepentingan pekerja-pekerja dan penduduk-penduduk di sana, menghantarkan seorang pakar atau satu misi pakar untuk siasat perkara ini? Itulah yang sangat penting.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Siasat sekarangkah Ahli Yang Berhormat? Beliau mengatakan bahawa siasatan akan dibuat dari semasa ke semasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Siasat sekarang oleh kerana apa yang berlaku ialah sekarang. Itulah perkara yang baru timbul pada hari Sabtu, dua tiga hari dahulu sahaja.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pada hari Sabtu pekerja-pekerja kata ada masalah dan saya hantar seorang dari PUSPATI untuk siasat. Pada hari Ahad ada lagi pekerja mengatakan ada masalah, saya hantar juga seorang daripada PUSPATI untuk siasat. Minggu hadapan ada lagi aduan. Jadi masalah ini tidak ada berkesudahan. PUSPATI membuat siasatan daripada satu masa ke satu masa. Tetapi dalam hal ini, untuk melegakan perasaan dan kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu—dalam hal ini sahaja saya memberikan jaminan—saya akan meminta pihak PUSPATI untuk membuat satu kajian dalam hal ini sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sudahlah, biar dia teruskan jawapan. Adakah itu perkara yang sama?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Saya fikir sudahlah, saya sudah menjawab banyak perkara ini dan ada banyak lagi Menteri yang hendak menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Chlan Heng Kai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri jalan, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Saya ingat saya sudah menyentuh semua perkara. Saya sudah beri jalan pun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat, jangan bincang dengan dia.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Terima kasih. Saya sudah habis menjawab. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama,

*4,34ptg.*

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi cadangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbincangan dasar-dasar am Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Wakil dari Kota Star pada 27hb Oktober 1986 dan Ahli Yang Berhormat Wakil dari Semporna pada 5hb November 1986, mengenai kejatuhan harga dan kos pengeluaran komoditi-komoditi, getah dan kelapa sawit, suka saya memaklumkan bahawa soalan-soalan tersebut telah pernah saya jawab semasa Titah Ucapan Di Raja pada 20hb Oktober lalu ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Wakil dari Betong yang menyentuh perkara yang sama. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kedudukan mengenai komoditi-komoditi tersebut sekali lagi sebagai makluman Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat wakil dari Kota Setar tentang kejatuhan harga barangan utama seperti getah

dan minyak kelapa sawit dan syor untuk mengkaji semula dari segi pemasaran sebelum melancarkan penanaman tanaman tersebut. Dalam hal ini ingin saya menyatakan bahawa harga getah RSS 1 di pasaran Kuala Lumpur telah mula menunjukkan pemulihan pada awal tahun ini di mana harga pada bulan Januari ialah sebanyak 181 sen sekilo dan telah terus naik beransur-ansur hingga 230 sen sekilo pada bulan Oktober yang lepas. Selaras dengan kenaikan harga RSS 1, harga RSS 3 juga bertambah dari 173 sen sekilo pada bulan Januari 1986 kepada 216 sen sekilo pada bulan Oktober.

Kenaikan harga ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan dalam pasaran fizikal di Malaysia dan negara-negara pengeluar lain seperti Indonesia dan Thailand oleh kerana keadaan cuaca yang kurang memuaskan. Permintaan pula telah bertambah baik sedikit selepas cuti musim panas yang lalu terutamanya dari negara-negara perindustrian khususnya Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara di Eropah. Di samping itu pembelian dari China, Korea Selatan, Taiwan dan Russia masih lagi kukuh.

Bagi minyak kelapa sawit pula, arah aliran harga telah menunjukkan penurunan secara terus menerus dari \$671 setan pada bulan Januari 1986 di pasaran tempatan kepada \$446 setan pada bulan September. Kejatuhan harga ini adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia dan juga minyak sayuran dan lemak lain di dunia di samping mewujudkan stok minyak kelapa sawit mentah yang besar di Malaysia pada awal tahun, yang dianggarkan sebanyak lebih kurang 900,000 tan. Walau bagaimanapun, harga minyak kelapa sawit telah bertambah kukuh pada bulan Oktober pada paras \$612 setan hasil daripada penurunan stok

kepada lebih kurang 590,000 tan dan selaras dengan kenaikan harga minyak kacang soya di Amerika Syarikat di samping pengurangan peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit dan kacang soya dari apa yang dijangkakan oleh sebab keadaan cuaca yang kurang baik. Baru-baru ini harga minyak kelapa sawit kian meningkat untuk melebihi \$700 satu tan.

Kerajaan memang sedar tentang keadaan pasaran getah dan kelapa sawit yang wujud pada masa ini dan sentiasa mengesan dan rapi terhadap perubahan-perubahan yang terdapat dalam pasaran antarabangsa. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa membuat kajian pasaran bagi kedua-dua barangan utama tersebut,

Mengenai getah, Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas yang terdiri daripada pakar-pakar mengenai Industri Getah Asli Malaysia dan satu lapuran lengkap telah dikeluarkan yang mengkaji semula secara keseluruhan Industri Getah Asli bagi jangkamasa 1983 hingga tahun 2000 dari segi pengeluaran dan penggunaan dengan mengambil kira faktor-faktor penting seperti persaingan dengan getah tiruan dan isu-isu yang menentukan kedudukan industri ini.

Kerajaan juga telah menggubal Dasar Pertanian Negara di mana dasar-dasar dan strategi-strategi serta program-program pembangunan industri barangan utama Malaysia seperti getah dan kelapa sawit telah dikenal pasti berasaskan keupayaan sektor ini berkembang dan maju mengikut kesesuaian tanah dan iklim Malaysia serta juga kebolehan kita untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan juga telah menjalankan kajian-kajian yang khusus dari segi pemasaran, pemerosesan, penyelidikan dan pembangunan dalam industri minyak kelapa sawit dan

getah. Dalam kajian ini syor-syor untuk mempelbagaikan punca pekebun kecil telah juga dikenal pasti seperti memelihara kambing biri-biri, ayam dan lebah, menanam rotan dan sebagainya supaya pendapatan sampingan pekebun kecil dapat ditingkatkan lagi. Hasil-hasil kajian telah juga diedarkan kepada pekebun-pekebun kecil.

Selain daripada kajian-kajian, Kementerian saya berusaha giat untuk meningkatkan penjualan dan eksport barangan utama ke pasaran-pasaran dunia. Dari masa ke semasa, kita telah mencapai kejayaan untuk mendapatkan negara-negara pengguna mengurang atau menghapuskan sekatan tarif dan bukan tarif ke atas import barangan utama dari Malaysia. Kita juga menghantar misi-misi ke luar negeri sebagaimana yang sesuai dan dalam pada itu saya sendiri akan mengetuai satu misi teknikal dan ekonomik getah dan minyak kelapa sawit ke Seoul, Tokyo dan Negeri China tidak lama lagi untuk memperkukuhkan pemasaran kedua-dua barangan itu ke pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang dibangkitkan dari Yang Berhormat wakil dari Semporna, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan sedang mengkaji semula kos pengeluaran minyak kelapa sawit dapat dikurangkan. Seperti jawapan saya kepada Dewan yang mulia ini pada 3hb November, 1986 tempoh hari bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Bukit Gantang, Che Wan, penekatan ke atas penyelidikan dan pembangunan dah aspek pengurangan kos dan kecekapan pengeluaran memang selalunya diberi keutamaan. Adalah menjadi objektif Kerajaan di samping mencapai hasrat mengurangkan kos ianya juga adalah untuk mencapai taraf kecekapan pengeluaran melalui hasil yang tinggi dan bermutu sesuai dengan kehendak pengguna tanpa

mengabaikan kehendak sosio-ekonomi negara. Beberapa langkah untuk jangkamasa sederhana, segera dan panjang telah pun dikaji oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos pengeluaran minyak kelapa sawit. Telah pun dianggarkan bahawa melalui langkah-langkah ini pengurangan kos dapat dicapai di sekitar \$100 setan minyak kelapa sawit yang dikeluarkan. Langkah-langkah terperinci telah pun saya jelaskan dalam sesi yang diadakan pada 3hb November, 1986.

Mengenai usaha menggalakkan pengeksporthan kelapa sawit khasnya kepada peniaga yang terdiri dari kaum Bumiputera yang cenderung kepada kegiatan eksport, suka saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan pemanjang tempoh kredit di bawah, dengan izin, Export Credit Refinancing Scheme (ECRS), Bank Negara dari tempoh 90 hari kepada 180 hari. Juga mulai 29hb Ogos, 1986, semua eksport duti ke atas minyak kelapa sawit yang diproses telah pun digantung buat sementara waktu untuk tempoh selama setahun. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di semua negara di mana Malaysia mempunyai perwakilannya juga telah diseru untuk memainkan peranan yang lebih berkesan supaya eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara berkenaan dapat dipertingkatkan. Dalam hal ini Kementerian saya telah menghantar misi-misi galakan pasaran minyak kelapa sawit dan menyebarkan risalah-risalah teknikal dan juga bukan teknikal mengenai kelebihan-kelebihan yang boleh didapati daripada penggunaan minyak kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat wakil dari Kinabatangan, mengenai dengan peningkatan penggunaan tembakau

tempatan di dalam industri rokok negara dan usaha-usaha untuk memelihara kepentingan penanam-penanam tembakau tempatan, Kementerian Perusahaan Utama telah meminta pihak pengilang rokok supaya paras penggunaan tembakau tempatan dinaikkan dari 57% pada masa ini ke 64% pada tahun 1987. Peningkatan ini ditetapkan memandangkan pengeluaran tahun ini telah dapat memenuhi keperluan dari pengilang-pengilang. Jumlah pengeluaran tembakau awetan pemanas bagi tahun ini ialah 12.8 juta kilogram iaitu kenaikan sebanyak 44% jika dibanding dengan paras tahun 1985. Bagi memastikan pengilang-pengilang rokok meningkatkan penggunaan tembakau tempatan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Mengenakan duti yang tinggi ke atas tembakau-tembakau yang di import sebanyak \$50 sekilogram supaya pengilang-pengilang mempunyai insentif untuk menggunakan daun tempatan.
- (b) mewajibkan pengilang-pengilang menaikkan penggunaan tembakau tempatan sehingga mencapai 72% pada tahun 1990 dan 85% menjelang tahun 2000. Bagi mencapai matlamat ini pengilang-pengilang rokok diwajibkan membeli semua daun-daun tempatan mengikut Bahagian pasaran rokok masing-masing melalui kuota pembelian. Kuota ini ditentukan selepas mengambil kira paras penggunaan yang dirancangan, pengeluaran tabun semasa, perkembangan pasaran rokok dan paras stok yang ada.

Berkenaan dengan seruan supaya Lembaga Tembakau Negara (LTM) mengambil usaha-usaha yang wajar

bagi memelihara kepentingan para penanam-penanam tembakau tempatan, sukacita dimaklumkan bahawa usaha-usaha seumpama itu memang telah dan akan terus dilaksanakan oleh Lembaga Tembakau Negara. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menentukan penanam-penanam menerima harga yang berpatutan, Lembaga Tembakau Negara telah mengadakan peraturan-peraturan harga minima. Lembaga Tembakau Negara juga mengadakan pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat pengawet semasa musim pemasaran bagi menentukan penanam-penanam menerima harga jualan yang berpatutan dan penentuan gred dibuat mengikut perincian-perincian yang ditentukan.

Langkah-langkah ke arah mewujudkan satu golongan penanam tembakau yang progresif dan maju juga sedang giat dilaksanakan. Dalam hubungan ini, LTN telah mengadakan khidmat pengembangan dengan tujuan memindahkan teknologi-teknologi baru serta amalan-amalan agronomi yang sesuai kepada penanam-penanam. Langkah ini disokong pula oleh skim kredit input-input pertanian seperti baja, racun-racun serangga, bahan-bahan plastik dan alat-alat sprinkler. Kesemua usaha-usaha ini diambil dengan tujuan memelihara dan memajukan kepentingan dan kehidupan penanam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Othman Abdul dari Pendang supaya urusan mendapatkan lesen, permit dan kelulusan bagi pengeksportan minyak kelapa sawit daripada beberapa buah Kementerian dan agensi Kerajaan dipennudahkan, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang untuk memansuhkan peraturan mendapatkan lesen eksport bagi

pengeksporan beberapa barangan, termasuk minyak kelapa sawit. Cadangan tersebut adalah bertujuan untuk membantu pihak industri melipatgandakan eksport minyak kelapa sawit ke luar negeri. Dengan pemansuhan itu nanti, semua aktiviti pengeluaran lesen eksport akan hanya disalur dan dikendalikan oleh sebuah agensi sahaja, iaitu Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA). Perubahan ini akan mempermudah dan melicinkan lagi urusan-urusan mengeksport minyak kelapa sawit.

Mengenai duti import yang lebih tinggi yang dikenakan oleh Republik Rakyat China ke atas minyak kelapa sawit yang diimport terus daripada Malaysia berbanding dengan duti import yang dikenakan ke atas minyak kelapa sawit yang diimport daripada beberapa negara tertentu seperti Singapura, Kerajaan telah membangkitkannya dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China. Kerajaan kini sedang menimbang-cadangan mengadakan perjanjian perdagangan dan kerjasama ekonomi dengan Republik berkenaan dan cadangan tersebut dijangka dapat menyelesaikan masalah duti import yang tinggi itu.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Sungai Benut berhubung dengan cadangan penubuhan Bursa Komoditi yang kedua, sukacita saya memaklumkan bahawa peranan utama Bursa Komoditi ialah sebagai mekanisma penetapan harga dan penyediaan kemudahan lindung nilai (hedging) bagi urusan-urusan komoditi. Komoditi-komoditi utama negara ini seperti getah dan kelapa sawit telah pun diniagakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) di mana catatan harga dibuat bagi barga semasa sehingga dua belas bulan ke hadapan. Prestasi KLCE setakat ini adalah menggalakkan dan

Kementerian ini akan terus berusaha memajukannya sesuai dengan matlamat menjadikannya sebuah Bursa pelbagai komoditi yang maju di rantau ini.

Komoditi-komoditi utama yang lain juga seperti koko dan lada hitam akan diniagakan di pasaran ini secara berperingkat-peringkat bila masa didapati sesuai. Bagi komoditi-komoditi yang kecil jumlah pengeluarannya, Kementerian tidak bercadang meniagakannya di Bursa. Pertimbangan akan hanya dibuat bila masa jumlah pengeluaran komoditi ini menjadi penting dan urusan-urusan menjadi lebih rancak yang boleh menarik minat yang tinggi di kalangan pedagang-pedagang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Ulu Rajang, segala dasar yang telah digubal dalam sektor barangan utama adalah berpandukan kepada objektif kita untuk meningkatkan efficiency dan memperkukuhkan kebolehan persaingan kita dalam pasaran dunia untuk memperolehi pendapatan yang lebih baik.

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Wakil dari Parit pula mengenai dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak PORIM dan RRIM adalah seperti berikut:

- (a) Penyelidikan yang dijalankan oleh pihak PORIM dan RRIM sememangnya berbentuk "product development", misalnya, dalam penyelidikan yang dibuat terhadap minyak kelapa sawit adalah ditumpukan kepada kegunaannya dari segi makanan seperti margerin, minyak masak, shortening, vanaspati, creamers, ais krim, gantian mentega koko dan juga kegunaan-kegunaan bukan makanan seperti sabun dan pencuci, "grease", pelincir, lilin

dan juga bahan-bahan kosmetik. Bagi getah pula, penyelidikan juga ditumpukan kepada teknologi membuat tayar, dengan izin, "earthquake mounting" bagi bangunan untuk menahan gegaran gempa bumi, barang-barang daripada latek dan lain-lain.

- (b) Di bawah Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan memang menekankan pembangunan industri berasaskan sumber yang termasuk produk-produk dari getah asli, minyak kelapa sawit, kayu-kayuan dan logam.
- (c) Bagi RRIM dan PORIM, penyelidikan dan pembangunan dalam getah asli dan kelapa sawit adalah menjadi tujuan utama dalam menjalankan tugas-tugas mereka.
- (d) Mengenai kos pengeluaran, usaha-usaha memang sedang dijalankan oleh PORIM dan RRIM untuk meningkatkan penyelidikan bagi mengurangkan kos pengeluaran dalam industri kelapa sawit dan getah asli. Juga Kerajaan ingin mengawal hasil-hasil R & D bagi getah dan kelapa sawit supaya ia akan digunakan untuk memperbaiki lagi kebolehan persaingan Malaysia dalam pasaran dunia.
- (e) Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk mengurangkan pembaziran selepas tuai sebagai salah satu daripada cara untuk mengurangkan kos pengeluaran dalam sektor barangan utama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Muar, Kerajaan memang, telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah untuk

memperluaskan lagi pasaran barangan utama, termasuk pasaran tradisi dan menembusi pasaran baru supaya harga barangan utama dapat dipertingkatkan. Usaha-usaha ini termasuklah menghantar misi-misi perdagangan, menubuhkan Pusat-pusat Nasihat Teknikal di luar negeri, menghapuskan halangan tahf dan bukan tarif yang dikenakan terhadap barangan utama oleh negara-negara pembeli dan meminta Pesuruhjaya-pesuruhjaya Malaysia di luar negeri memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk memasarkan barangan utama Malaysia, di samping mengambil tindakan untuk mengatasi dakyah-dakyah buruk yang dijalankan oleh berbagai pihak di negara-negara pengguna terhadap barangan utama.

Mengenai bebanan yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar yang terlibat dalam pembayaran balik pinjaman bank untuk menukarkan tanaman asli kepada tanaman kelapa sawit, perkara ini patutlah dirundingkan di antara pengeluar-pengeluar yang berkenaan dengan bank-bank.

Kerajaan memang menggalakkan lebih banyak pelaburan dari negara-negara maju ke Malaysia dan dalam hal ini Kerajaan telah pun memberi beberapa insentif untuk tujuan tersebut. Di antara insentif-insentif tersebut termasuklah pelonggaran syarat mengenai ekuiti dan lain-lain.

Menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil dari Jambangan yang meminta Kerajaan memberi subsidi kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam tanaman eksport masa kini, haruslah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak dapat memberi subsidi kepada mereka oleh kerana ini akan menambahkan beban kewangan yang lebih berat kepada Kerajaan khususnya semasa keadaan kemelesetan pada masa kini.

Mengenai syor bahawa terdapat banyak lagi tanah di Sabah yang belum digunakan untuk tanaman dan dengan itu Kerajaan patut menggalakkan kegunaan tanah tersebut kepada tanaman kelapa sawit dan koko, sukacita dimaklumkan ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Terpujanglah kepada Kerajaan Negeri Sabah dan lain-lain Kerajaan Negeri untuk memberi tanah kepada mereka yang berminat untuk menceburi dalam industri kelapa sawit dan koko.

Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan telah ditimbulkan berkenaan kejatuhan harga barangan utama dan di sini sebagai satu langkah yang telah diambil dahulu, saya ingin juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk membuat satu penerangan mengenai MAMINCO Sdn. Bhd. yang mana selama ini Kerajaan telah menjadi bahan tuduhan dan buah mulut khabar angin.

Sekarang suka saya membuat kenyataan mengenai perkara ini dengan penuh keyakinan bahawa penubuhan MAMINCO adalah satu usaha yang baik dan perlu dilakukan, sungguhpun ia gagal mencapai objektifnya dengan sepenuhnya.

Tidaklah perlu bagi saya menghuraikan dengan panjang lebar akan pentingnya pasaran komoditi bagi kita dan kepada mereka yang bergantung mata pencarian ke atasnya. Malaysia ialah pengeluar terpenting di dunia bagi beberapa komoditi utama dan pertumbuhan serta kemajuan ekonomi negara ini banyak bergantung kepada harga yang berpatutan bagi komoditi-komoditi tersebut. Barangan ini termasuklah timah yang mengalami harga yang menurun dalam awal tahun 1980an. Daripada masalah ini lahirlah MAMINCO sebagai satu usaha untuk

menyelamatkan kepentingan hak perusahaan timah di Malaysia, iaitu satu industri yang menjadi .....

Tuan Gerard Math Lee Min:  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Beri atau tidak?

Tuan Gerard Math Lee Min; Beri penjelasan!

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tak payah, saya belum habis. Saya memberi penjelasan, apa you mahu penjelasan lagi.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Apa, takutkah?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Beri saya habiskan penjelasan saya.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Habis, mana ada lagi penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk, Yang Berhormat!

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** .....yang menjadi sumber pekerjaan yang besar dan juga sumber pertukaran matawang asing yang penting bagi negara kita.

Pada tahun 1981 pasaran timah telah mengalami kemerosotan mendadak di dalam harga timah, khususnya untuk Bursa Logam London (LME). Dari harga antara M\$2,300 dengan M\$2,400 sepikul pada awal tahun 1980 harga timah telah jatuh ke paras kurang daripada \$1,800 sepikul menjelang bulan Mei 1981, iaitu satu kesusutan sebanyak M\$500 sepikul dalam tempoh masa yang singkat. Harga ini sungguh tidak

memuaskan jika dibandingkan dengan kos pengeluaran sebanyak antara M\$2.100 dan M\$2,200 sepikul. Kesusutan ini menyebabkan kerugian dalam pendapatan sebanyak kira-kira M\$140 juta kepada para pelombong, dengan membawa kesan sosial yang buruk ke atas mata pencarian mereka yang bekerja di dalam perusahaan melombong timah yang berjumlah kira-kira 39,000 orang pekerja dalam tahun 1980. Selain dari itu, kesusutan tersebut juga menyebabkan kerugian hasil Kerajaan sebanyak kira-kira M\$120 juta.

Bagi menyekat keadaan buruk ini daripada berlanjutan dan dengan bantuan pakar untuk menasihatkan akan operasi pasaran, MAMINCO telah diperbadankan dan suatu perjanjian mengadakan operasi perdagangan bersama telah ditandatangani dengan Marc Rich & Co., Switzerland pada 25hb Jun, 1981.

MAMINCO telah diperbadankan dalam bulan Jun, 1981 dan dibantu di dalam operasinya oleh para pegawai teknikal daripada MMC (Malaysian Mining Corporation), yang berlaku untuk dan bagi pihak Kerajaan di dalam perdagangan bersama tersebut.

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tak beri. Pembiayaan untuk syarikat ini adalah melalui kemudahan kredit yang diberikan oleh Bank Bumiputra.

Tentang pemilihan Marc Rich & Co. sebagai rakan perdagangan bersama, Kerajaan telah menjalankan kajian yang berhati-hati terhadap syarikat tersebut untuk memastikan kebolehpercayaan serta keutuhannya sebagai sebuah syarikat perniagaan dan kepakarannya dalam bidang

komoditi, termasuklah timah. Pendapat-pendapat dari beberapa .....

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Mengapa dia hendak kacau, beri saya habiskan.

**Dr Eng Seng Chai:** Bukan kacau, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia minta penjelasan, ada ben jalan atau tidak?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Saya belum habis jelaskan, dia lagi mahu penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Atas perkara yang baru-baru ....

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Saya tak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk, Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Pendapat-pendapat dari beberapa buah bank terkenal di Amerika Syarikat, England dan Switzerland dan sebuah syarikat asing terkemuka juga telah diminta. Hasil daripada rujukan-rujukan ini mengesahkan bahawa Marc Rich & Co. telah ditubuhkan dalam tahun 1974 .....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia tak sanggup bagi. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, atas perkara yang dia sebut sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada beri atau tidak?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tak beri, Tunggu sampai habis. Ada panjang lagi.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya minta penjelasan atas perkara yang dia sekarang ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk!

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** ....yang mempunyai lebih dari 39 pejabat utama dan pejabat subsidiari di New York, London, Zug dan Madrid. Aktiviti-aktiviti utamanya ialah pemasaran bahan-bahan seperti logam, minerals, bijih, keluaran-keluaran minyak mentah dan penapisan petroleum. Pertubuhan-pertubuhan ini memberikan Marc Rich & Co. rujukan yang terbaik dari segi keutuhan dan kearifan keputusan perniagaannya. Hanya setelah mendapat kepastian itu barulah Kerajaan memutuskan untuk melibatkan diri dalam operasi usahasama dengan Marc Rich & Co.

Perjanjian Perdagangan Bersama telah ditandatangani pada 25hb Jun, 1981 .....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tak beri. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** ....bertujuan membeli dan menjual timah khususnya menentang spekulasi dan manipulasi yang keterlaluan di dalam pasaran timah. Operasi tersebut akan hanya dilaksanakan di dalam pasaran LME dan pasaran timah Pulau Pinang.

Operasi perdagangan bersama ini didapati menguntungkan pada masa itu oleh kerana pemegang stok timah akan dikekalkan ke paras yang minimum, memandangkan yang ianya akan mengendalikan urusniaga hadapan bersama-sama dengan belian dan jualan fizikal logam timah. Ini bermakna bahawa kos pemegang stok dari segi penyimpanan dan bayaran bunga adalah minimum. MAMINCO dan Marc Rich akan bersama-sama berkongsi keuntungan yang didapati dan kerugian yang dialami dalam operasi itu. Marc Rich & Co. tidak mengenakan apa-apa bayaran pengurusan atau teknikal untuk usahasama ini.

Berkenaan dengan pembiayaan pula, tiap-tiap satu pihak adalah bertanggungjawab bagi mendapatkan kemudahan kredit masing-masing untuk operasinya di LME, Pulau Pinang dan lain-lain tempat.

Satu daripada keperluan usahasama itu ialah akan adanya tanggungjawab kewangan yang penuh mengenai operasi itu terhadap tiap-tiap pihak. Perkara ini telah dikaji dan dirundingi dengan teliti untuk melindungi kepentingan kita dan mencegah apa-apa perbuatan salahguna oleh salah satu pihak. Marc Rich & Co. juga bersetuju menerima kakitangan Malaysia untuk ditempatkan di Zug, Switzerland, untuk mengawasi perdagangan bersama ini dan pada masa yang sama memberi latihan selanjutnya mengenai perdagangan komoditi bagi kedua-duanya perniagaan hadapan dan fizikal.

Operasi pasaran timah di bawah Perjanjian Perdagangan Bersama bermula pada 15hb Julai, 1981 di pasaran Pulau Pinang dan dua hari kemudiannya pula iaitu pada 17hb di LME. Harga-harga timah pada 15hb Julai, 1981 ialah £6,880 setonne di LME dan MS29.41 sekilo di pasaran Pulau Pinang. Harga timah telah meningkat kepada £7,770 setonne

(LME) dan M\$33.40 sekilo (Pulau Pinang) menjelang 17hb Ogos, 1981. Harga timah di LME terus meningkat ke paras antara £8200 dengan £8350 dalam tempoh dua bulan berikutnya.

Keuntungan perdagangan kumulatif Perjanjian Perdagangan Bersama tersebut pada akhir bulan ketiga operasi (14hb Oktober, 1981) ialah MS16.25 juta. Menjelang 13hb Disember, 1981 akaun bersama permulaan menunjukkan bahawa operasi di bawah Perjanjian Perdagangan Bersama mendapat keuntungan perdagangan kasar tak beraudit sebanyak M\$55.232 juta (US\$23.935 juta). Di samping itu, ada lagi faedah-faedah bukan-dagangan lain berupa duti eksport, pungutan cukai syarikat dan terimaan pertukaran matawang asing berserta segala kesan penggandanya ke atas ekonomi negara.

Dalam bulan November dan Disember 1981, harga timah di LME berada di paras antara £8,200 dan £8,300, yang kemudiannya mencapai paras £8,720 dan ke suatu paras yang tinggi iaitu £8,970 pada 5hb Pebruari, 1982.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, duduk dahulu!

**Dr Eng Seng Chai:** (*Menyampuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia tidak beri. Yang Berhormat sedarkah atau tidak Peraturan-peraturan Mesyuarat?

**Dr Eng Seng Chai:** Jika tidak sedar, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk, Yang Berhormat! Kalau dia tidak beri, tidak boleh berucap.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Walau bagaimanapun, pada 21hb Februari, 1982, LME telah mengambil satu langkah yang mengakibatkan kejatuhan usahasama itu. Pihak LME telah mengkaji semula kaedah-kaedah ingkarnya dan meminda kaedah-kaedah tersebut dengan menetapkan bahawa keingkaran membuat hantar-serahan di bawah sesuatu pembelian hanya boleh dikenakan denda sahaja. Berikutan dengan itu, mereka yang berspekulasi di LME dengan menjual singkat (short) telah berjaya melepaskan diri tanpa perlu menunaikan ikatan hantar-serahan mereka. Menjelang 23hb Februari, 1982, harga timah telah jatuh kepada £8,150 dan pada 1hb Mac, 1982 kepada £7,160.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Berikutan dari tindakan secara langsung pihak LME itu, usahasama itu telah menanggung kerugian dagangan sebanyak M\$494 juta yang akan ditanggung secara samarata di antara Marc Rich & Co. dan MAMINCO. Dengan kejatuhan dan penamatan operasi usahasama itu, kerugian MAMINCO sahaja adalah dianggarkan sebanyak M\$660 juta, terdiri daripada:

- (a) Anggaran kerugian —M\$247.0 juta perdagangan sebenar
- (b) Anggaran bersih kos —M\$306.0 juta bunga yang terakru kepada Bank Bumiputra
- (c) Anggaran bersih —M\$101.5 juta kerugian pertukaran matawang asing
- (d) Kos pentadbiran —M\$6.0 juta

Jumlah .. —M\$660.5 juta

Walaupun bagaimanapun, di sebalik kerugian ini terdapat faedah-faedah yang dinikmati oleh negara, hasil

secara langsung daripada operasi usahasama tersebut. Faedah-faedah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pertambahan kira-kira M\$117 juta dalam duti eksport timah yang dipungut oleh Kerajaan;
- (ii) pertambahan sebanyak kira-kira M\$230 juta dalam terimaan eksport timah negara berserta dengan segala kesan penggandanya ke atas ekonomi negara;
- (iii) pungutan cukai yang lebih tinggi oleh Kerajaan hasil daripada di atas iaitu dianggarkan sebanyak M\$100 juta;
- (iv) keuntungan berjumlah kira-kira M\$40.5 juta yang diperolehi oleh BBMB (Bank Bumiputra) daripada jumlah M\$306 juta yang dibayar kepada BBMB.

Dengan itu, faedah-faedah ini kesemuanya berjumlah lebih kurang dalam lingkungan M\$451.5 juta.

Operasi MAMINCO telah dibiayai dari kemudahan kredit yang diberikan oleh Bank Bumiputra. Pinjaman-pinjaman ini telah pun dibayar balik oleh Kerajaan.

Berhadapan dengan kerugian-kerugian yang dialami di bawah operasi usahasama antara MAMINCO dan Marc Rich & Co., Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan semula kerugian-kerugian tersebut atau sekurang-kurangnya mengurangkannya. Dengan baki wang yang terdapat di dalam akaun MAMINCO, Kerajaan telah menubuh dan mengendalikan dua buah syarikat, iaitu MAKUWASA Securities dan MAKUWASA Jaya. Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa sebarang keuntungan yang dinikmati oleh kedua-dua buah syarikat ini akan diserahkan kepada Kerajaan.

Walaupun sejumlah keuntungan telah diperolehi, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membubarkan syarikat-syarikat ini.

Walaupun beberapa kerugian telah dialami melalui operasi usahasama.....

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Atas apa Yang Berhormat bangun?

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tidak payah penjelasan, ini sudah cukup jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan apa itu? Penjelasan mengenai MAKUWASA?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tidak payah, ini sudah jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan ..... (Disampuk).

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Jangan kacau! Walaupun beberapa kerugian telah dialami melalui operasi usahasama perdagangan tersebut, Kerajaan inginkan pihak awam memahami dan menghargai bahawa keputusan yang dibuat untuk mengendalikan operasi pasaran adalah bagi melindungi kepentingan perusahaan perlombongan, dan khususnya kehidupan dan kebajikan pekerja-pekerja lombong timah. Keperluan Kerajaan untuk mencampur tangan sungguh menekan memandangkan akan keadaan yang terdapat di dalam pasaran timah pada ketika itu dan Kerajaan melakukannya setelah pertimbangan yang bersungguh-sungguh dan teliti akan segala faktor yang berkaitan.

Adalah penting bagi kita untuk memperingati bahawa usahasama tersebut telah pada mulanya mencapai kejayaan dan negara akan terus mendapat faedah daripada operasi itu kalaulah tidak kerana kejadian yang di luar kawalannya, iaitu tindakan yang diambil oleh LME untuk mengkaji semula kaedah-kaedah ingkarnya. Penyemakan semula tersebut mengakibatkan penerusan operasi usahasama sebagai sesuatu yang sia-sia sahaja.

Untuk membolehkan Kerajaan mengawasi operasi usahasama itu, sebuah Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang terkanan dari berbagai Kementerian dan agensi telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini mengadakan penyeliaan yang rapi ke atas operasi ini.

Pada masa yang sama, orang ramai adalah diberi jaminan bahawa Kerajaan telah menyimpan dan memastikan supaya disenggarakan akaun-akaun yang sempurna berkaitan dengan operasi MAMINCO ini. Terutama sekali, tiada timbul sebarang persoalan salahguna atau pelepasan wang atau mana-mana pegawai awam yang mendapat faedah kewangan daripada urusan ini.

Kerajaan telah juga menimbangkan masa depan MAMINCO. Kerajaan berpendapat bahawa syarikat ini harus terus dikekalkan sehingga pertengahan tahun 1988 untuk membereskan segala perkara yang belum selesai.

Operasi perdagangan bersama melalui MAMINCO adalah wajar memandangkan kepada implikasi buruk ke atas perusahaan melombong timah, khususnya kehidupan dan kebajikan pekerja-pekerja lombong timah. Tindakan Kerajaan diasaskan kepada kepentingan negara. Negara telah kerugian kira-kira M\$209 juta

dari operasi ini tetapi kerugian ini telah tidak dapat dielakkan akibat dari tindakan luarbiasa yang diambil oleh sebuah agensi luar negeri dan di luar kawalan Kerajaan Malaysia pula. Jika tidak kerana usaha ini, negara akan menanggung kerugian yang lebih besar lagi sekiranya harga timah pada tahun 1981 sebanyak M\$1,800 sepikul itu, yang mana sudahpun \$300 di bawah kos pengeluaran purata di Malaysia, dibiarkan jatuh lagi ke tahap yang lebih rendah yang sudah pasti akan berlaku jika tidak ada campur-tangan.

Tindakan-tindakan seperti ini bagi melindungi kepentingan sesebuah negara bukanlah merupakan sesuatu yang baru atau unik. 'Kerajaan-kerajaan di seluruh dunia melakukan campur-tangan pasaran dalam Salah satu bentuk di dalam pasaran matawang dan perdagangan kombditi bagi memajukan kepentingan ekonomi negara masing-masing. Kita harus menerima kejayaan bersama-sama dengan sedikit halangan, terutama sekati' apabila ini adalah akibat daripada kejadian yang di luar kawalan kita. Apa yang penting ialah kita harus melakukan sesuatu yang perlu bagi menjaga dan melindungi kepentingan negara dan kestabilan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli / Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekiranya ada terdapat perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan dan saya tidak dapat menjelaskannya, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan dan perhatian ke atas perkara-perkara tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di mana perlu bagi menyelesaikannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kementerian Pengangkutan.

5.25 ptg.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan mereka semasa perbahasan peringkat dasar Belanjawan tahun 1987 di Dewan yang mulia ini.

Mengenai cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitannya dengan Kementerian Pengangkutan, saya ingin memberi keyakinan bahawa semua cadangan dan pandangan yang membina itu akan ditimbang oleh Kementerian Pengangkutan dengan sebaik-baiknya.

Berhubungan dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sedang merancang untuk membolehkan orang ramai membayar lesen kereta motor atau cukai jalan dan lesen memandu di Pejabat-pejabat Pos. Rundingan sedang dijalankan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Jabatan Pos mengenai perkara ini. Sekiranya rancangan ini boleh dilaksanakan, sebagai percubaan, Pejabat Pos Kluang dipilih untuk memulakan cara pembayaran ini mulai 1hb Januari tahun depan. Buat permulaannya, hanya bayaran membaharui lesen memandu dan bayaran lesen motosikal sahaja akan dibuat di pejabat tersebut. Jika keadaan mengizinkan, Kementerian Pengangkutan merancang menyediakan kemudahan bayaran tersebut ke seluruh negara secara

berperingkat-peringkat, mengikut keupayaan Pejabat-pejabat Pos yang ada mulai 1hb Mac tahun depan. Cara ini dipilih memandangkan pihak Kerajaan pada masa ini tidak berkeupayaan untuk mengadakan Pejabat-pejabat JPJ yang tersendiri di semua daerah di negara ini..

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penampang, dalam perbahasan telah mencadangkan bahawa Kerajaan mengadakan dasar terbuka ataupun, dengan izin, open sky policy di mana syarikat-syarikat penerbangan lain dibenarkan membawa penumpang-penumpang terus ke Sabah sebagai satu langkah untuk menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong ke Sabah. Dalam hal ini, sukalah saya memaklumkan bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan Industri Pelancongan Negara, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencapai matlamat tersebut.

Kerajaan pada masa sekarang sememangnya telah mengamalkan dasar terbuka, ataupun dengan izin, open sky policy berhubung dengan penerbangan-penerbangan sewa khas atau charter. Di bawah dasar ini, penerbangan-penerbangan sewa khas atau charter, oleh syarikat-syarikat penerbangan asing adalah dibenarkan membawa pelancong-pelancong terus ke tempat-tempat di Malaysia termasuk Sabah.

Selain daripada itu, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah pun mula memperkenalkan tambang khas bagi menggalakkan kedatangan pelancong antarabangsa ke Malaysia. Di bawah skim tambang khas ini, seorang pelancong antarabangsa yang dibawa masuk melalui penerbangan terus ke Sabah akan diberi kemudahan membuat penerbangan ke mana-mana sektor dalam negeri di Sabah ataupun Sarawak tanpa dikenakan apa-apa

bayaran. Sekiranya pelancong tersebut ingin melawat Semenanjung Malaysia pula, beliau diberi diskaun sebanyak 50% ke atas tambang penerbangan daripada Sabah, Sarawak ke Kuala Lumpur atau ke Johor Bahru. MAS telah juga mengadakan berbagai jenis tambang murah berdiskaun bagi menggalakkan perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan beberapa tambang berdiskaun ini boleh digunakan oleh rakyat Malaysia dan juga pelancong-pelancong dari negara asing. Tambang-tambang berdiskaun ini termasuk tambang "night tourist" dengan potongan diskaun 30%, tambang "excursion" dengan potongan diskaun 10% dan "Special Group Fare" dengan potongan diskaun sebanyak 25%.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Mas Gading dalam perbincangan telah membangkitkan cadangan supaya cukai lapangan terbang bagi perjalanan antarabangsa dinaikkan. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi galakan bagi peringkat industri pelancongan di dalam negeri, Kementerian Pengangkutan akan bersedia menimbang apa-apa cadangan yang dianggap baik dan befaedah kepada negara. Cadangan oleh Yang Berhormat itu akan saya berikan perhatian dan pertimbangan juga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sibu yang telah membangkitkan perkara mengenai pembinaan lapangan terbang baru Sibu di negeri Sarawak, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang baru di Sibu untuk menampung operasi pesawat jet bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, oleh kerana kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh Kerajaan pada ketika ini, pelaksanaan projek ini terpaksa

ditangguhkan buat sementara waktu. Bagi Kementerian Pengangkutan, saya ingin memaklumkan bahawa sebaik sahaja ekonomi negara pulih nanti, pelaksanaan projek lapangan terbang baru Sibu ini akan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah membangkitkan perkara mengenai pengangkutan bagi orang-orang cacat. Kementerian Pengangkutan sememangnya sedar tentang masalah yang dihadapi oleh orang-orang cacat apabila mengubahsui kenderaan untuk kegunaan mereka. Peruntukan undang-undang yang sedia ada, yang memerlukan mereka mendapat kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum mengubahsui kenderaan adalah amat wajar. Soal keselamatan pengguna perlulah diutamakan. Peraturan yang seragam bagi permohonan memang ada, tetapi pengubahsuaian kenderaan orang-orang cacat tidak boleh diseragamkan kerana kecacatan yang diatami oleh mereka tidaklah sama. Dalam pengubahsuaian kenderaan, yang perlu adalah kenderaan diubahsui mengikut kecacatan pemohon.

Bagi mereka yang tidak mampu memiliki kenderaan sendiri dan perlu menggunakan kenderaan perkhidmatan awam, mereka ini juga tidaklah dilupakan. Sebagai contoh, syarikat-syarikat bas berhenti-henti telah diminta untuk merezabkan di setiap bas dua tempat duduk di hadapan untuk orang-orang cacat dan orang-orang tua. Pemandu-pemandu teksi juga diminta untuk memberikan pertolongan yang sewajarnya kepada orang-orang cacat yang menggunakan perkhidmatan teksi. Dari sini adalah jelas bahawa kita sentiasa mengambil berat tentang orang-orang cacat yang menggunakan kenderaan perkhidmatan awam. Kerajaan berharap akan dapat mempertuakan

kemudahan untuk orang-orang cacat pada keseluruhannya di masa hadapan.

Menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam supaya kereta nasional Proton Saga digunakan sebagai teksi bagi tujuan meningkatkan pasarannya di dalam negeri, sukalah saya memaklumkan, sekarang ini telah pun ada kereta Proton Saga digunakan sebagai teksi. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha teksi untuk menggunakan Proton Saga secara meluas.

Saya juga mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat dari Batu Berendam supaya tindakan diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk menjaga kebersihan lapangan terbang-lapangan terbang dan kecantikan persekitarannya bagi menarik pelancong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi amalan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam memastikan semua lapangan terbang-lapangan terbang sentiasa bersih dan indah bagi kepentingan pengguna-pengguna dan juga para pelancong. Kementerian Pengangkutan akan terus berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan lapangan terbang-lapangan terbang, terutamanya lapangan terbang-lapangan terbang antarabangsa, yang merupakan pintu-pintu masuk ke negara ini sentiasa bersih, rapi dan indah bagi menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong ke negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan kajian keniungkinan untuk mengadakan pelabuhan di Tanjung Mani, Sarawak.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa perkara-perkara berhubung dengan pelabuhan bagi negeri Sarawak adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dengan demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan kita sampaikan kepada Kerajaan Negeri.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai supaya diberi galakan yang lebih lagi bagi industri perkapalan, saya suka menyatakan bahawa perkara ini sentiasa dikaji oleh Kementerian Pengangkutan bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain. Galakan dalam bentuk pengecualian cukai dari urusan perkapalan merupakan satu insentif yang paling menarik. Galakan ini adalah satu pendorong bagi mendaftarkan kapal di Malaysia, tetapi dalam hubungan ini, nampaknya masih terdapat di antara pengeksport atau pengimport kita sendiri yang mengutamakan kapal-kapal asing dan selagi mereka ini tidak mengubah sikap, selama itulah masalah pengaliran wang keluar dalam bentuk tambang kapal dan insuran akan berlanjutan. Oleh itu, saya ingin menegaskan di sini, bukanlah masalah pengaliran wang keluar tidak akan dapat diatasi dengan cara memberi galakan yang lebih, tetapi tidak kurang pentingnya jua ialah para pengimport/pengeksport di Malaysia sendiri harus mengubah sikap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan saya kepada cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana melibatkan Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

5.38 *ptg.*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan komen-komen dan juga cadangan-cadangan ke atas tanggungjawab Kementerian saya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987. Saya dengan ini sukacitanya menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan tersebut untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Julau, Sarawak meminta Kerajaan mengetarkan jalan-jalan raya di Sarawak dan jalan raya utama dari Sri Aman ke Miri yang mana mengikut beliau hanya dibina dengan batu kelikir sahaja. Beliau juga menahk perhatian mengenai bahagian jalan raya utama dari Lubok Antu ke Sarikei dan Bitanggur ke Sibu, yang kata beliau selalu terputus hubungan di musim tengkujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu menyentuh mengenai jalan raya di Sarawak yang mengikut beliau banyak jalan raya yang tidak elok dan tidak dikendalikan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Serian pula meminta Kerajaan meminta supaya memberi perhatian terhadap jalan-jalan raya di negeri Sarawak.

Sementara Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah menyentuh mengenai keadaan jalan raya yang tidak memuaskan, khususnya di bahagian pedalaman Sabah. Sebagai contoh, beliau telah menyentuh mengenai Jalan Beaufort/Menumbok/Membakul serta Jalan Kuala Penyu yang menghubungi bandar Wilayah Persekutuan Labuan dengan feri. Jalan-jalan itu adalah juga digunakan untuk pergi ke Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Tawau dan Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh itu, beliau merayu supaya jalan-jalan raya itu diperbaiki dan mengenal pastikannya untuk kepentingan ekonomi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah membangkitkan mengenai jalan Kota Belud-Ranau dan Jalan Kota Belud-Berungis yang mengikut beliau belum ditarkan sehingga hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pensiangan dan dari Jembongan meminta Kerajaan supaya menaikkan taraf jalan-jalan raya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sukaulah saya mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli dari Sabah dan dari Sarawak itu yang telah membangkitkan mengenai keadaan jalan raya di negeri-negeri mereka masing-masing.

Saya berbuat demikian oleh kerana teguran-teguran mengenai jalan raya Sabah dan Sarawak kerap dibangkitkan oleh Ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak, sama ada semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja, ataupun Usul Belanjawan dan juga Soalan-soalan Jawab Mulut. Tiap-tiap kali Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak membangkitkan perkara-perkara mengenai jalan-jalan raya di negeri masing-masing, saya, Tuan Yang di-Pertua, telah pun memberi penjelasan secara panjang lebar. Nampaknya jawapan-jawapan dan penjelasan yang telah saya beri tiap-tiap kali perkara-perkara ini dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, belum dapat memuaskan Ahli-ahli yang berkenaan sebagai kenyataan yang sebenarnya.

Sukalah saya nyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tidak semua jalan-jalan raya yang terdapat di Sabah dan Sarawak adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya. Jalan-jalan raya yang termasuk di bawah tanggungjawab Kementerian saya adalah jalan raya yang telah diambil alih sebagai jalan Persekutuan. Bagi negeri Sarawak,

panjangnya jalan raya yang telah diambil alih adalah 1,259 kilometer sahaja, iaitu termasuklah jalan utama daripada Bau Lundu sehingga ke Miri sepanjang 989 kilometer, yang melalui bandar-bandar utama seperti Kuching, Sri Aman, Sibu dan Bintulu, dan juga jalan-jalan raya Pan-Borneo dari Miri ke sempadan Brunei dan terus ke Sindumin sepanjang 153 kilometer, dan lain-lain jalan sepanjang 117 kilometer. Bagi negeri Sabah pula, di antara jalan-jalan raya yang telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah jalan dari Sindumin ke Kudat, Tamparuli ke Sandakan, Lahat Datu ke Tawau dan beberapa jalan raya lain yang menghubungkan bandar-bandar di negeri Sabah yang jumlah jaraknya adalah sepanjang 1,024 kilometer sahaja. Di samping itu Kementerian saya adalah juga bertanggungjawab ke atas pembinaan dan penyelenggaraan beberapa jalan-jalan raya pembangunan di Sarawak dan Sabah yang kesemuanya terdapat di bahagian pedalaman di negeri-negeri itu, dan juga jalan-jalan yang menghubungkan tempat-tempat yang mempunyai kepentingan Persekutuan seperti jalan menuju ke Stesen TV dan Stesen Telekom. Jumlah panjangnya jalan-jalan yang menuju ke tempat tersebut di Sarawak adalah 42 kilometer dan Sabah ialah 16.3 kilometer sahaja. Selain daripada jalan-jalan yang diambil alih oleh Persekutuan seperti yang saya nyatakan tadi, jalan-jalan pedalaman lain yang terdapat di Sabah dan Sarawak bukanlah tanggungjawab Kementerian saya, tetapi adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri ataupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Semenjak Sarawak menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia, sejumlah 341 kilometer jalan raya utama dari Bau Lundu ke Miri telah pun ditarkan daripada jumlah panjangnya 989 kilometer. Di

samping itu banyak lagi jalan-jalan pembangunan yang telah juga ditarkan. Perbelanjaan yang digunakan bagi membina jalan raya utama tersebut sehingga ini ialah sebanyak tebih kurang \$250 juta. Lebuhraya Pan-Borneo pula daripada jumlah 153 kilometer, sepanjang 74 kilometer telah pun ditarkan yang mana sehingga ini sebanyak lebih kurang \$65 juta telah dibelanjakan. Perbelanjaan yang telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah berjumlah lebih kurang \$178 di dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$343 juta, manakala di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini sebanyak \$360 juta akan disediakan walaupun tanahair kita menghadapi beberapa masalah dan kesulitan kewangan.

Bagi jalan raya utama Sabah pula daripada 1,024 kilometer yang telah diambil alih sepanjang 686 kilometer telah ditarkan, dan Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$387 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan sebanyak \$375 juta di dalam Rancangan Malaysia Keempat, dan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini pula sebanyak \$358 juta akan disediakan.

Bagi Belanjawan tahun 1986, peruntukan sebanyak \$140 juta telah disediakan bagi negeri Sarawak dan \$110 juta untuk Sabah bagi membina dan menaikkan taraf sebahagian jalan-jalan raya di kedua-dua negeri-negeri tersebut. Tiap-tiap peruntukan tersebut adalah yang terbesar pernah diluluskan kepada satu-satu negeri di Malaysia ini.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa adalah mustahil bagi Kerajaan Persekutuan mengetar semua jalan-jalan raya di Sabah dan Sarawak dengan sekali gus, mengikut kata pepatah Ingeris, "Kota Rom tidak dibina dalam masa sebah", ataupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Rome was not built in one day", but

we are trying to build the State of Sarawak and Sabah within 10 to 15 years. Pembinaan jalan raya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja akan mengambil masa tetapi juga akan memerlukan wang yang banyak untuk melaksanakannya. Juga perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak dapat memperuntukkan wang yang lebih besar daripada yang telah dirancang, oleh kerana kekurangan kewangan. Dengan peruntukan yang ada Kerajaan Persekutuan perlulah mengagih-agihkan wang itu bukan sahaja kepada negeri Sabah dan Sarawak, tetapi juga kepada negeri-negeri lain yang mana masih terdapat infrastrukturnya seperti jalan raya yang belum maju seperti negeri Kelantan, negeri Pahang, negeri Perlis dan juga negeri-negeri yang lain.

Hakikat kenyataan ini perlulah kita terima dalam merancang pembangunan jalan-jalan raya di negeri ini. Pengagihan peruntukan yang seimbang adalah penting diambil kira supaya semua negeri-negeri di dalam Malaysia ini dapat diperuntukkan dengan adil dan saksama. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya merayu kepada ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada Sabah dan Sarawak, untuk bersabar dan tidak terlalu ghairah apabila mengemukakan teguran-teguran mereka mengenai pembinaan dan menaikkan taraf jalan-jalan raya di Sabah dan Sarawak.

Sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus mengambil perhatian yang berat ke atas kemajuan jalan-jalan raya di Sabah dan Sarawak dan peruntukan yang secukupnya, mengikut kemampuan dan keperluan negara, akan disediakan untuk membina dan menaikkan taraf jalan-jalan raya utama di Sarawak, jalan raya Pan-Borneo dan jalan-jalan raya di Sabah

yang mana akan dilakukan secara berperingkat-peringkat dan memerlukan masa yang panjang untuk melaksanakan kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan, di antara lain, kerosakan yang terdapat pada pilecaps dan piles di Jambatan Pulau Pinang hasil daripada pemeriksaan yang dibuat oleh perunding-perunding dalam bulan Julai dan Ogos baru-baru ini. Mengikut beliau 32 pilecaps dan 68 piles didapati rosak atau defective. Beliau juga telah meminta penjelasan mengenai kenyataan saya di akhbar-akhbar tempatan bam-baru ini, di mana saya telah menyatakan tidak ada apa-apa akan berlaku kepada Jambatan Pulau Pinang sekiranya kecacatan itu tidak diperbaiki. Lanjutan daripada kenyataan saya itu, Ahli Yang Berhormat telah meminta saya menjelaskan jika tidak ada apa-apa akan berlaku, mengapa pula membazir wang sebanyak lebih kurang \$300 ribu untuk membaiki pilecaps dan piles tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berpegang kepada kenyataan saya mengenai kecacatan yang terdapat di Jambatan Pulau Pinang seperti yang telah saya nyatakan di dalam siaran akhbar semasa lawatan saya ke Pulau Pinang untuk menyiasat sendiri perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk menunjukkan kepada beliau lebih detail-detail dalam Kementerian saya. Inilah kali pertama kita akan memberi satu brief kepada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya sudah berjanji kepada beliau tetapi kita belum menetapkan satu tarikh apabila Yang Berhormat dari Tanjong ada senang, saya tidak ada senang, bila saya senang, dia tidak senang, saya harap kita akan menentukan satu tarikh dan dalam tarikh itu saya boleh juga

memberi gambar-gambar yang kita telah ambil di bawah laut itu iaitu, dengan izin, undersea photography, untuk menentukan apakah keadaan di Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengambil peluang menegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa kecacatan yang tersebut yang diperbesar-besarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu adalah satu kecacatan atau defect yang kecil, dan lazim berlaku ke atas projek besar, seperti Jambatan Pulau Pinang. Sungguhpun begitu terdapat 52 tempat (spots) di mana tetulang-tetulang atau, dengan izin, reinforcement bars, sepanjang 10 inci telah tidak disaluti oleh konkrit dengan memuaskan semasa kerja-kerja konkrit dilakukan ke atas persambungan piles dan pilecaps. Bilangan tetulang-tetulang yang telah tidak disaluti dengan konkrit dengan memuaskan adalah kecil, jika dibandingkan dengan beratus-ratus tetulang yang terdapat di dalam tiap-tiap pilecaps yang berukuran 20 kaki lebar dan 80 kaki panjang.

Pemeriksaan teliti yang telah dijalankan oleh perunding tempatan, iaitu, Jurutera Consultant yang bergabung dengan perunding antarabangsa, Howard Needles Tammen & Bergendoff ke atas sebab-sebab berlakunya kecacatan ini selepas saya mendengar penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang sekali lagi saya meminta dua orang Jurutera iaitu satu daripada Amerika Syarikat dan satu Jurutera tempatan, dengan izin one of the most highly qualified civil engineers in this country, tidak lain daripada Profesor Ching Fung Kee. Saya minta dia, saya mahu satu laporan yang tegas macam manakah ini telah berlaku, saya suka juga menjawab kepada Ketua Pembangkang dan juga kepada tanahair kita, pengguna-pengguna

jambatan itu mesti mendapat tahu adakah kesalahan telah berlaku di dalam pembinaan jambatan itu.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya tidak marah dia, dia pun tidak marah saya (*Ketawa*), tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa tetulang-tetulang sepanjang 10 inci yang tidak disaluti dengan sempurna itu, jika dibiarkan begitu sahaja, tidak akan memberi akibat buruk ke atas struktur Jambatan Pulau Pinang. Suka juga saya menegaskan di sini bahawa tidak terdapat apa-apa kecacatan atau defect, ke atas pilecaps dan piles seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai kemusykilan Ahli Yang Berhormat itu ke atas mengapa membazir wang sebanyak lebih kurang \$300 ribu untuk membaiki kecacatan itu, sukalah saya nyatakan bahawa kerja-kerja pembaikan tersebut adalah dilakukan oleh kontraktor yang membina Jambatan Pulau Pinang itu, dengan kos ditanggungjawabkan sendiri oleh kontraktor tersebut.

Kerja-kerja itu telah dilaksanakan di dalam tempoh tanggungan kecacatan, defect and liability period, dengan izin, yang disyaratkan di dalam kontrak, sebelum penyerahan Jambatan Pulau Pinang kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kerja-kerja pembaikan tetulang-tetulang yang tidak disaluti dengan sempurna itu sedang dilakukan dengan menggunakan teknologi baru di mana tetulang-tetulang tersebut dibersihkan dan kemudiannya dicat dengan sejenis cat, modercular ceramic paint, dengan izin, dan lubang-lubang yang telah tidak disaluti itu ditutup dengan sejenis bahan bernama, resin grout, secara tekanan atau pressure. Satu ujian yang telah dilakukan ke atas kerja-kerja pembaikan itu telah menunjukkan hasil yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikuti dengan cara-cara baru dalam teknologi dan kejuruteraan grouting ini telah menjadi satu cara yang lebih bagus daripada apa yang kita buat masa dahulu. Sekian secara hngkas penjelasan teknikal mengenai kecacatan yang terdapat di Jambatan Pulau Pinang yang saya sekali lagi, menegaskan adalah satu kecacatan yang kecil dan tidak akan memberi kesan buruk dari segi struktur Jambatan Pulau Pinang itu, sama ada kerja pembaikan dilakukan, ataupun tidak.

Ini bukan bererti saya bukan memberi satu brief kepada Ahli Yang Berhormat, kita akan menetapkan satu tarikh yang mana Ahli Yang Berhormat boleh juga datang atau melawat ke Kementerian saya, boleh ada gambaran-gambaran yang kita ambil, jamuan makan pun ada, bagi hati senang kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya harap bermula pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menerima penjelasan itu dan tidak menyangkalnya yang mana sebenarnya adalah pendapat pakar perunding tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, Penampang, Tanjung Karang, Sibu, Kluang dan Jambungan telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai masalah hekan air di kawasan luar bandar. Mereka semua' telah menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih kepada penduduk-penduduk luar bandar yang sehingga ini belum mendapat bekalan air dengan sempurna. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat itu, sependapat bahawa keutamaan perlulah kepada penduduk luar bandar dalam merancang skim bekalan air di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan di sini bahawa Kementerian saya memanglah memberi perhatian yang khusus kepada penduduk-penduduk luar bandar di dalam merancang skim bekalan air di seluruh negara. Di dalam Rancangan Malaysia Kclima misalnya, sebanyak 174 skim bekalan air luar bandar akan dilaksanakan secara turnkey, dan kontrak ini berkuatkuasa pada 1hb November, 1986. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prjek ini dijangka menelan belanja sebanyak \$1.4 billion atau \$1,400 juta, dan ini tidak termasuk kos-kos lain, seperti bayaran pampasan tanah, pemasangan elektrik dan sistem retikulasi air yang semuanya bernilai \$287 juta.

Projek ini akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat usahasama antara syarikat tempatan iaitu Antah Holdings, dengan Syarikat Biwater International dari negara British. Projek ini akan dibiayai oleh 40% daripada sumber luar negeri dan 60% adalah sumber tempatan, tetapi dengan satu janjian baru yang kita telah dapatkan daripada syahkat British itu iaitu kita akan menggunakan sumber 80% daripada negara kita dan 20% sahaja daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan luar negeri termasuklah geran bantuan Kerajaan British sebanyak £59.46 dan selebihnya merupakan pinjaman sebanyak DM500 juta (Deutsche Marks) yang mana pinjaman ini akan diatur oleh Kerajaan British dengan faedah yang terendah.

Tuan Yang di-Pertua, 174 skim bekalan air yang dirancangkan itu adalah meliputi 11 skim bagi negeri Sabah yang bernilai \$149.3 juta, 29 skim bagi negeri Sarawak yang bernilai \$171.8 juta dan 134 skim bagi negeri-negeri Semenanjung yang bernilai \$982 juta. Walau bagaimanapun, selepas perundingan dengan Kerajaan Negeri, jumlah skim

itu telah dikurangkan kepada 147 skim dengan kos yang sama. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak akan mengambil perhatian iaitu dari sejumlah \$1.4 billion itu kita akan membelanjakan lebih kurang \$380 juta di negeri Sabah dan Sarawak sahaja.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai dan Sibul, suka saya menyatakan bahawa skim bekalan air telah diperuntukkan kepada kawasan Kuata Krai dengan kos bernilai \$11.5 juta, manakala bagi Sibul pula sebanyak \$27 juta telah disediakan di bawah skim ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang peratusan penduduk luar bandar di negara ini yang mendapat bekalan air bersih adalah sebanyak 56.6%. Dengan siapnya skim ini ia akan dapat meningkatkan peratusan penduduk luar bandar yang menerima bekalan air bersih kepada lebih kurang 72.8% pada tahun 1990.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang meminta Kerajaan supaya mengelakkan daripada memasang stand pipe awam kerana ini merugikan Kerajaan. Beliau juga ingin tahu adakah benar Jabatan Bekalan Air Selangor tidak mempunyai cukup meter air.

Tuan Yang di-Pertua, pemasangan stand pipe di negeri Selangor adalah menjadi satu amalan pada masa yang lalu di kawasan-kawasan tertentu. Suka saya nyatakan bahawa amalan tersebut telah pun disesuaikan dan Pihak Berkuasa Air Negeri Selangor tidak akan paip-paip awam yang baru. Mengenai paip awam yang sedia ada, pembekalan air dengan penggunaannya akan dihentikan apabila penduduk-penduduk di kawasan tertentu mendapat bekalan air paip terus ke rumah-rumah mereka.

Berhubung dengan meter air adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Bekalan Air tidak mempunyai cukup meter air. Kepertuan meter air sentiasa dikaji dan stoknya diperiksa dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang telah menyatakan bahawa banyak jentera-jentera JKR yang tidak dapat dipakai dibiarkan reput tanpa dibuat apa-apa tindakan. Beliau mencadangkan supaya kenderaan-kenderaan itu dilelong. Tuan Yang di-Pertua, jika saya lelong pun tak ada sesiapa yang hendak membelinya sekarang.

Mengenai perkara ini, suka saya jelaskan bahawa adalah tidak benar kenderaan-kenderaan dan jentera-jentera dibiarkan reput begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan. Sebenarnya, pelupusan satu-satu kenderaan dibuat apabila kenderaan itu tidak ekonomik lagi untuk diperbaiki, dengan izin, beyond economic repairs. Biasanya kenderaan-kenderaan dalam proses pelupusan disimpan dalam kawasan keselamatan yang berpagar sehingga kelulusan pelupusan diperolehi daripada pihak-pihak tertentu. Keadaan kenderaan yang disimpan sedemikian, biasanya memberi gambaran kepada pihak awam bahawa kenderaan-kenderaan itu dibiarkan reput. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenderaan ini boleh dilelong sebaik sahaja kelulusan pelupusan diperolehi dan Kementerian saya tidak membiarkan kenderaan yang masih mempunyai nilai untuk dilelong itu reput begitu sahaja. Jika kita jual kenderaan-kenderaan itu pun terpulanglah kepada nasib siapa yang membelinya, saya tidak boleh jamin sama ada barang itu baik atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian saya. Kepada komen-komen yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu, tindakan sewajarnya akan diambil ke atasnya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

6.05 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali);** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 yang lalu.

Saya suka memberikan penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan tersebut dari 27hb Oktober hingga 7hb November yang lalu,

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan kenapa Ahli Yang Berhormat dari Seputeh masih tidak mahu faham atas jawapan yang telah saya berikan mengenai CCB, semasa menggulung perbahasan di atas Titah Ucapan Di Raja tempoh hari. Biarlah saya memberikan penjelasan sekali lagi mengenai perkara CCB ini. CCB adalah sebuah koperasi bank yang dianggotai oleh 221 buah koperasi berserta dengan ahli-ahli perseorangan berjumlah lebih 2,600

orang, bertujuan untuk menjalankan urusan kewangan. Ia bukanlah sebuah jabatan Kerajaan ataupun sebuah badan awam, tetapi sebuah pertubuhan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948 dan yang bertanggungjawab hanya kepada ahli-ahlinya. CCB baru sahaja mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya pada 17hb Mei, 1986 dan akaunnya yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1985 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli-ahlinya di mesyuarat yang tersebut.

Ahli-ahli CCB tidak menimbulkan sebarang keraguan ataupun kebimbangan ke atas perjalanan dan keteguhan kewangan CCB ataupun kedudukannya. Saya hairan dari mana Ahli Yang Berhormat itu mendapat angka \$500 juta, kononnya pinjaman dan hutang lapuk. Saya suka menegaskan iaitu jumlah yang tersebut di dalam Penyata Audit tersebut hanyalah \$14 juta yang merupakan rizab untuk pinjaman hutang lapuk berbanding dengan jumlah pinjaman berbaki, dengan izin, outstanding debts sebanyak lebih kurang \$968 juta.

Saya menyangkal dengan sekeras-kerasnya tuduhan melulu Ahli Yang Berhormat itu terhadap JPK (Jabatan Pembangunan Koperasi). Sekiranya DAP tidak menaruh keyakinan terhadap JPK, mengapakah ahli-ahli DAP sendiri telah menubuhkan sebuah koperasi, khusus untuk ahli-ahli DAP; yang didaftarkan dengan JPK di bawah Akta Koperasi, 1948. Walaupun di peringkat permulaannya JPK telah menolak permohonan DAP bagi menubuhkan koperasi berkenaan, tetapi Setiausaha Agung DAP sendiri telah datang berkali-kali ke Pejabat JPK untuk merayu kepada Ketua Pengarah JPK.

JPK telah melantik sebuah firma audit bebas bagi menjalankan penyiasatan ke atas CCB mengikut

amalan biasa di samping penyiasatan dijalankan oleh JPK sendiri dan oleh itu tidak harus timbul sebarang keraguan ke atas penyiasatan tersebut. JPK adalah .....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dalam satu Mesyuarat Agung CCB baru-baru ini yang diadakan tidak ada ahlinya menimbulkan apa-apa keraguan. Bukankah sebenarnya bahawa untuk 24 buah koperasi pengambilan deposit pun dalam Mesyuarat Agung mereka tidak ada ahli-ahli yang timbulkan apa-apa keraguan tetapi dua buah koperasi sekarang Kerajaan bercadang mahu, dengan izin, liquidate dan itu tidak boleh menjadi satu asas di mana Jabatan Koperasi boleh elak atau lari daripada tanggungjawabnya supaya menjaga koperasi, termasuk CCB tidak keluar daripada lunas-lunas kewangan dan lain-lain. Bukankah Kementerian berkenaan patut membuat satu siasatan yang mendalam supaya CCB tidak lagi mengikut koperasi-koperasi 24 itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak menyekat saya, saya akan sampai kepada jawapan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, JPK telah melantik sebuah firma audit bebas bagi menjalankan penyiasatan ke atas CCB mengikut amalan biasa di samping penyiasatan yang dijalankan oleh JPK sendiri dan oleh itu tidak harus timbul sebarang keraguan ke atas penyiasatan tersebut. JPK adalah senantiasa mengikuti perkembangan dalam CCB dari masa ke semasa.

Setakat ini tidak ada sebarang aduan yang diterima daripada ahli-ahli CCB sendiri sama ada dari segi kemampuan CCB membayar balik wang deposit ahli-ahlinya ataupun bukan ahli. Oleh kerana itu tidak ada sebab mengapa Bank Negara harus bertindak ke atas CCB sepertimana yang telah berlaku ke atas 24 buah koperasi yang dibekukan itu.

Mengenai pinjaman yang dikeluarkan oleh CCB, sesiapa pun boleh membuat permohonan pinjaman dari CCB. CCB mempunyai peraturan dan syarat-syarat untuk memberi pinjaman. Sesiapa yang layak mengikut peraturan dan syarat-syarat tersebut, tidak kira sama ada mereka pemimpin-pemimpin politik ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, bahkan pemimpin-pemimpin DAP sendiri pun, boleh dipertimbangkan untuk mendapat pinjaman. Mengenai pinjaman kepada seorang Timbalan Menteri, saya tidak perlu memberi apa-apa jawapan kerana Timbalan Menteri berkenaan telah pun membuat kenyataan akhbar mengenainya dan lagi pinjaman itu telah diambil sebelum beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri.

Sebelum saya berpindah kepada perkara lain, saya suka juga meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak ada pegawai yang sedang berkhidmat dengan JPK dan pada masa yang sama berkhidmat dengan CCB. Yang ada berkhidmat dengan CCB adalah mereka yang telah pun bersara atau berhenti dari berkhidmat dengan JPK. Mereka bebas berbuat demikian dan bagi JPK, mereka tidak ada sebarang kaitan dengannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan beberapa perkara mengenai 24 buah koperasi yang dibekukan itu. Saya tidak bercadang untuk memberi jawapan mengenainya.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan? Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa beliau tidak payah menjelaskan lagi tentang pinjaman yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya hendak bertanya, adakah beliau sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan belum lagi menjelaskan wang bunga ke atas pinjaman \$20 juta ini dan tiap-tiap bulan wang bunga ini berjumlah sekurang-kurangnya \$180 ribu? Dengan bayaran gaji sebulan, saya ingat 10% pun tidak ada. Inikah dikatakan bersih, cekap dan amanah? Mana ada bersih, cekap dan amanah? Dia tidak memberi penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta penjelasan apa itu? Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman itu dibuat untuk perniagaan. Sudah tentulah dari gajinya Timbalan Menteri tidak akan dapat membayar faedah kepada pinjaman yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi jawapan mengenai ....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi penjelasan! Sila.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah beliau sedar bahawa pinjaman yang diperolehi daripada CCB oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terdiri dari \$20 juta, untuk peribadi, \$25 juta lagi kepada syarikatnya dan kedua-dua pinjaman ini didapati atas cagaran sebidang tanah yang bernilai hanya \$9 juta sahaja? Walau bagaimanapun sesuatu bank berhak memberi pinjaman atas mana-mana nilai cagaran, tetapi untuk satu jumlah pinjaman .....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh memberi ucapan.

Dr Eng Seng Chai: Bukan, saya hendak minta penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan sahaja.

Dr Eng Seng Chai: Saya beri sedikit alasan dahulu. Atas pinjaman \$45 juta itu cagarannya bernilai \$9 juta. Bukankah itu satu penyelewengan yang diadakan dalam CCB itu? Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah itu biasa bila-bila CCB beri pinjaman kepada orang-orang lain. Mengikut sumber-sumber kita, pinjaman-pinjaman lapuk ialah lebih kurang \$500 juta. Adakah pinjaman \$500 juta ini cuma dicagarkan secara begini? Minta penjelasan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya tidak yakin dengan penjelasan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi jawapan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kerana Kementerian Kewangan telah pun membentangkan Kertas Putih mengenainya di Dewan yang mulia pada hari ini. Berkenaan dengan kes Bank Bumiputra dan Bank Rakyat, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu .....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata pinjaman ini adalah untuk perniagaan. Saya hendak bertanya apakah perniagaan yang dibuat oleh Timbalan Menteri itu? Adakah ini bercanggah dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ahli-ahli Kabinet tidak boleh berniaga dan lagi mengenai \$20 juta yang dipinjam ....

**Datuk Kok Wee Kiat:** On a point of order, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan Lim Guan Eng*) Sekejap kalau on a point of order, Yang Berhormat terpaksa duduk dahulu. Sila.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara yang ditimbulkan ini melanggar .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order atas apa—nombor order berapa?

**Dato Kok Wee Kiat:** Ini melanggar S.O. 36 (9), kerana pinjaman itu berlaku sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri' menjadi seorang Timbalan Menteri. Saya ingat itu melanggar S.O. 36 (9).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak langgar itu. Sila teruskan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab terus. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak membaca kenyataan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan ataupun sengaja tidak mahu memahami kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya telah pun nyatakan tadi bahawa pinjaman itu untuk perniagaan. Kita semua tahu

mengenai arahan daripada Yang Amat Berhormat bahawa Timbalan-timbalan Menteri dan semua yang berada dalam Kerajaan tidak boleh berniaga. Maka sudah tentulah pinjaman itu ialah untuk perniagaan sebelum beliau menjadi Timbalan Menteri dan tidak mungkin selepas beliau menjadi Timbalan Menteri beliau juga masih berniaga. Jadi saya berharap perkara itu tidak ditimbulkan lagi dan saya tidak memberi jalan oleh kerana masa tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes Bank Bumiputra dan Bank Rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telah pun memberi penerangan dan jawapan saya semasa menggulung perbahasan ke atas Titah Ucapan Di Raja tempoh hari.

Begitu juga dengan jawapan saya terhadap dakwaan beliau kononnya Kerajaan sengaja bertindak membekukan aset-aset 24 koperasi tersebut selepas Pilihanraya. Kes-kes tersebut tidak harus dibangkitkan lagi dan saya tidak ingin mengulangi lagi jawapan saya yang telah pun saya berikan dahulu.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau, sukalah saya memaklumkan bahawa bilangan sebenar koperasi yang ada di negeri Sarawak sekarang ialah 412 buah. JPK Sarawak sendiri adalah menyelaraskan kegiatan-kegiatan koperasi di negeri tersebut. Antaranya kegiatan-kegiatan penyeliaan, pengauditan, menghadiri mesyuarat-mesyuarat koperasi dan menganjurkan kursus-kursus dalam bidang koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Penampang, Serian, Rajang, Sempoma, Jambongan dan Kluang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pembangunan infrastruktur di kawasan masing-masing. Saya suka

menegaskan di sini bahawa Kerajaan adalah sentiasa memberi perhatian ke atas keperluan kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar.

Mengenai masalah kawasan yang sering dilanda banjir yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa memang Kementerian saya mempunyai program jangka panjang untuk menempatkan semula kampung-kampung yang sering dilanda banjir. Di samping itu kampung-kampung yang terpencil dan berselerak adalah juga digalakkan untuk dikelompokkan supaya segala kemudahan asas dapat dibekalkan dengan cepat dan dengan kos yang rendah.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada masa ini terdapat sebanyak 25 buah projek printis yang dilaksanakan mengikut pendekatan hala cara baru dan ini termasuklah Projek Kampung Telaga Air di Kuching, Sarawak.

Berkenaan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kluang mengenai jalan simen Kluang/Paloh, sememangnya jalan tersebut telah dipilih untuk dibina dengan kaedah jalan simen dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi malangnya projek tersebut tidak dapat dilaksanakan dalam rancangan tersebut oleh kerana tidak ada peruntukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Parit, Kuala Langat, Ledang, Julau dan Maran telah menyentuh tentang perusahaan kecil dan industri kampung. Kerajaan sememangnya memberi penekanan kepada pembangunan perusahaan kecil dan industri kampung di kawasan luar bandar di seluruh negara. Kementerian saya melalui Bahagian Perusahaan Kecil yang dahulunya terletak di bawah Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Bank Pembangunan Malaysia, KEDA dan sebagainya telah mewujudkan beberapa kawasan industri kecil di kawasan luar bandar atau di kawasan yang kurang maju. Sebagai contoh, melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Kerajaan telah mendirikan skim Kilang Bimbingan di Pengkalan Chepa, Kelantan, di Jengka Pahang dan di Kuantan melalui Majlis Perbandaran Kuantan. Sementara melalui KEDA pula, sebuah pusat perabot telah didirikan di Jitra, Kedah. Pada masa akan datang MARA dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad akan melaksanakan pembinaan kilang-kilang perusahaan kecil di seluruh negara dengan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan kurang maju.

Bagi mempercepatkan pertumbuhan industri kecil di luar bandar, sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Kerajaan sememangnya telah menyediakan Skim Pinjaman Khas Perusahaan Kecil bernilai" sebanyak lebih kurang \$210 juta untuk pengusaha-pengusaha kecil yang disalurkan melalui MIDF dan Bank Pembangunan, tetapi setakat ini hanya sebanyak \$23 juta telah dipinjamkan. Selain daripada itu, Kerajaan adalah juga memberi pelepasan cukai dan insentif-insentif untuk perusahaan kecil, di antaranya iatah:

- (i) pengecualian cukai pembangunan sebanyak \$5,000 setahun;
- (ii) duti stem ke atas perjanjian bagi jumlah tidak melebihi \$250,000 dikenakan atas 0.1% sahaja dan pengecualian terus bagi perjanjian pajakan yang tidak melebihi \$2,400 setahun;

- (iii) cukai jualan sebanyak maksima \$100,000 atau upah sebanyak \$20,000 setahun adalah dikecualikan;
- (iv) faedah dari pinjaman tanpa cagaran adalah dibenarkan potongan dua kali ganda di dalam mengira cukai pendapatan;
- (v) mulai 1-1-86 perusahaan kecil adalah juga diberi taraf perintis, elau cukai pelaburan, serta juga pengurangan pendapatan larasan bagi barangan yang dieksport.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan serta galakan untuk pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil adalah begitu lumayan sekali, Soalnya sekarang ialah terpulang kepada para pengusaha kecil sendiri untuk tampil ke hadapan dan merebut segala peluang dan kemudahan yang disediakan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? 10 minit lagi?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika 10 minit, ada usul yang dikehendaki dikemukakan sekarang. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul AJib bin Ahmad):** Tuan

Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1987 telah dibacakan kali yang kedua dan usul Anggaran Pembangunan Tahun 1987 dipersetujukan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1987 telah dibacakan kali yang kedua dan usul Anggaran Pembangunan Tahun 1987 dipersetujukan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

*Perbahasan di sambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai

insentif untuk perusahaan kecil, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak mempraktikkan diskriminasi dalam pemberian insentif, sama ada dari segi pemberian galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan ataupun, dengan izin, "incentive tax allowance", potongan daripada pendapatan yang diselaraskan untuk penggalakan eksport, penggunaan bahan mentah tempatan dan penggunaan bahan mentah sejati yang mana semua insentif ini boleh dinikmati oleh perusahaan kecil dan juga perusahaan besar. Di samping itu, perusahaan-perusahaan kecil juga berpeluang untuk mendapat galakan yang diperuntukkan khas untuk perusahaan kecil, iaitu seperti potongan daripada pendapatan yang diselaraskan sebanyak 5% untuk syarikat-syarikat yang didefinisikan sebagai perusahaan kecil, tetapi galakan untuk perusahaan kecil ini hanya boleh diperolehi sekiranya perusahaan kecil tersebut tidak menikmati galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan.

Bagi mempertingkatkan mutu kraftangan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sememangnya telah pun mengadakan kursus-kursus kemahiran untuk pengusaha-pengusaha kraftangan baru dan yang sedia ada serta yang separuh mahir. Sejak tahun 1979 seramai 632 orang telah pun mengikuti kursus ataupun latihan tersebut.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau, suka saya memaklumkan pada masa ini KEMAS Sarawak banyak mengendalikan aktiviti-aktiviti, antaranya ialah 208 Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak, 84 Kelas Ekonomi Rumah tangga, 29 Kelas Latihan Kerja Kemahiran, satu Khutubkhanah Desa, 126 Kelas Rancangan Pedoman

Tugasan dan 3 Rancangan Desa Usaha. Aktiviti-aktiviti tersebut melibatkan 12,307 orang peserta.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan dengan Kementerian saya. Mana-mana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab pada hari ini akan tetap diambil perhatian oleh Kementerian saya dan di mana sesuai akan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat ke atas Kementerian saya dengan mengemukakan cadangan, pandangan dan teguran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*6.28ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih ke atas semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Hulu Selangor telah membangkitkan mengenai Program Khas Perumahan Kos Rendah yang melibatkan pembinaan rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit setiap tahun dari tahun-tahun 1986 hingga 1988 dilancarkan pada butan Jun tahun ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tempoh tahun pertama program itu adalah dari Jun 1986 sehingga Jun 1987.

Untuk menjawab teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan dari Hulu Selangor, ingin saya jelaskan bahawa program ini diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan. Seperti program-program lain yang baru dilaksanakan, ianya memang menghadapi masalah pada peringkat awalnya. Masalah-masalah pelaksanaan dikenali bukan sahaja di peringkat Negeri, tetapi juga diperingkat Persekutuan. Malahan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil Kerajaan-kerajaan Negeri, Bank Negara, Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia untuk membincang dan menyelesaikan beberapa masalah berkaitan dengan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengenakan premium yang rendah bagi tanah milik, pula mengurangkan premium berkaitan dengan tukar syarat tanah. Di samping itu, Kerajaan juga mengurangkan piawaian-piawaian perancangan dan infrastruktur, tanpa mengorbankan keselamatan serta keselesaan rumah-Tumah yang akan dibina.

Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Pasukan Petugas untuk mempercepatkan proses-proses pemberian kelulusan-kelulusan berkailan dengan pembangunan perumahan. Bank Negara Malaysia telah menyediakan garis panduan bagi mempercepatkan proses untuk pemaju mendapatkan pinjaman. Untuic membantu mereka yang mampu membeli rumah-rumah kos rendah yang dibina di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah itu, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu. Di antaranya ialah;

- (i) Membenarkan pengeluaran caruman daripada KWSP sebanyak 40% dari harga

mmah atau jumlah kredit yang ada mengikut mana yang kurang;

- (ii) Membenar pembayaran balik pinjaman kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan secara berperingkat atau graduated scale of repayment, dengan izin;
- (iii) Melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 25 tahun kepada 30 tahun bagi pinjaman oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan;
- (iv) Melonggarkan syarat kelayakan untuk pemberian pinjaman oleh institusi-institusi kewangan tersebut yang berkaitan dengan pendapatan dengan membenarkan permohonan bersama oleh anggota-anggota terdekat bagi sesuatu keluarga untuk pembelian sesebuah rumah; dan
- (v) Mengecualikan duti setem ke atas perjanjian pinjaman atau gadaian untuk menjaminkan pinjaman dan pindah milik rumah dari pemaju kepada pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun di bawah program khas ini, sebanyak \$2,000 juta telah disediakan bagi tiap-tiap tahun, iaitu \$1,500 juta oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dan \$500 juta oleh Bank Negara. Pembinaan 80,000 unit rumah ini dilaksanakan sama ada di tanah Kerajaan yang akan diberi milik atau di tanah milik mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementehaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bidang perumahan bukannya terletak kepada

pembinaan dan pembiayaan rumah-rumah awam kos rendah sahaja. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan dan pengesanan program perumahan secara keseluruhannya sama ada yang dikendalikan oleh sektor awam mahupun sektor swasta.

Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$37 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bukan sahaja untuk membiayai program dan aktiviti perumahan tetapi juga program dan aktiviti Kerajaan Tempatan.

Selain daripada Program Khas Perumahan Kos Rendah, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah \$98 juta bagi tahun 1987 untuk melaksanakan 14,832 unit projek-projek sambungan rumah awam kos rendah yang berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan sejumlah 3,553 unit lagi untuk melaksanakan projek-projek baru. Ini menunjukkan bahawa pembinaan rumah awam kos rendah telah pun diberi keutamaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marudu pula telah membangkitkan mengenai projek-projek pembangunan perumahan di Sabah. Bagi tahun 1987, peruntukan kewangan yang disediakan bagi negeri Sabah adalah berjumlah \$7,980,000 iaitu \$980,000 untuk satu projek Kerajaan Negeri iaitu Kepayan Ridge Fasa 3 dan 4 dan \$7,000,000 untuk tiga projek Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah iaitu Kepayan Ridge Fasa 18 dan 19, Bal Estate dan Batu Empat Jalan Utara.

Jumlah unit rumah yang terlibat bagi keempat projek ini ialah 2,848 unit dan bukannya 1,432 unit seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh kerana projek-projek untuk dilaksanakan telah dikenalpasti, adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk merancang projek perumahan di Kudat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang menyatakan 20,000 unit rumah tidak dapat dijual di Sabah adalah tidak benar kerana bilangan unit rumah yang dibina di negeri itu tidak sampai 20,000 unit. Mengenai rumah kos rendah pula, sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah telah dapat menyiapkan sebanyak 3,563 unit rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan rumah-rumah ini telah pun diduduki. Ini tidak termasuk 4 buah projek perumahan awam kos rendah yang sedang dalam peringkat pembinaan sekarang ini yang mengandungi 2,848 unit. Pembiayaan pembinaan rumah-rumah ini dibiayai bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Selain daripada rumah awam kos rendah, Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksanaan iaitu Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah telah dapat menyiapkan sejumlah 1,529 unit rumah kos sederhana dan tinggi dan kesemua rumah-rumah ini telah pun siap dan diduduki.

Mengenai pengswastaan Pangsapuri Tanjung Aru yang mengandungi 330 unit, Kerajaan Negeri hanya menswastakan kutipan bayaran sewa dan penyenggaraan sahaja. Kerajaan Negeri berpendapat, dengan menswastakan kutipan bayaran sewa, soal tunggakan kutipan tidak akan timbul. Begitu juga dengan penyenggaraan di mana sekiranya pihak swasta yang membuatnya keadaan diharap akan menjadi lebih baik dan perkhidmatan dapat diberi dengan cepat dan cekap. Kedua-dua perkhidmatan yang diswastakan ini

telah pun mendapat persetujuan daripada penghuni rumah-rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada rumah-rumah yang telah siap dibina tetapi belum diduduki. Di antara sebab-sebabnya ialah kelewatan mengadakan bekalan air dan elektrik dan kelewatan dalam pemilihan penghuni-penghuni. Untuk mengelak dari berulangnya keadaan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri telah dinasihatkan supaya memilih tapak-tapak yang telah ada bekalan air dan elektrik atau tapak-tapak yang mana bekalan air dan elektrik boleh diadakan sebaik sahaja rumah-rumah siap dibina. Kementerian saya telah juga mengeluarkan gahs panduan mengenai pemilihan penghuni yang telah diterima pakai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab persoalan Ahli dari Seputeh, harga maksima rumah kos rendah sama ada yang dibina oleh sektor awam atau oleh sektor swasta yang ditetapkan adalah \$25,000. Walau bagaimanapun, pemaju-pemaju adalah digalak untuk menjualkan rumah kos rendah dengan harga murah daripada \$25,000 seunit.

Bagi menjaga kepentingan pembeli rumah pangsa dan pangsapuri, Kementerian saya sedang berusaha untuk mengadakan perjanjian jual/beli yang seragam untuk rumah jenis tersebut. Deraf perjanjian telah dibincangkan dengan beberapa badan profesional dan Persatuan Pemaju Perumahan dan akan dapat disiap dan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Mengenai rumah dalam kuota bumiputera yang tidak dapat dijual dalam tempoh enam bulan dari tarikh iklan, Kerajaan Negeri telah diminta untuk berunding dengan agensi/yayasan Kerajaan yang mampu untuk membeli rumah itu dan sekiranya

agensi itu tidak dapat membelinya Kerajaan Negeri perlulah memilih pembeli dari kalangan bukan bumiputera ataupun memberi kuasa kepada pemaju untuk menjualkan rumah tersebut kepada sesiapa yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah membangkitkan perkara mengenai rumah kos rendah yang ditinggal tidak terjaga dan mutu pembinaannya pula tidak terjamin. Dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha memastikan supaya semua projek yang dilaksanakannya berjalan dengan baik dan licin. Adalah tidak dinafikan bahawa ada rumah-rumah yang dibina terhenti buat sementara apabila terdapat beberapa masalah. Masalah ini mungkin berkaitan dengan kontraktor yang gagat menjalankan tanggungjawab membina dan menyiapkan projek tersebut. Oleh yang demikian, kontraktor baru perlu diambil untuk menyikapkannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan mutu pembinaan rumah-rumah kos rendah pula, ingin saya maklumkan bahawa ianya diawasi oleh kakitangan-kakitangan yang mahir dan berpengalaman. Kontraktor-kontraktor yang diberi tanggungjawab membina rumah-rumah awam kos rendah ini akan dipastikan mematuhi spesifikasi mutu sebagaimana yang dikehendaki di dalam perjanjian.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang perlu dipertimbangkan dalam membekalkan rumah-rumah kepada golongan berpendapatan rendah ialah supaya mereka di dalam kumpulan ini mampu membeli dan membayar harga rumah tersebut. Kementerian saya sentiasa mengadakan kajian untuk membaiki lagi mutu dan keselesaan rumah-rumah kos rendah dari masa ke semasa. Rumah-rumah yang

direkabentuk oleh Jabatan Perumahan Negara di Kementerian saya sekarang kebanyakannya mempunyai tiga bilik tidur. Rekabentuk ini sudah tentu memberi keselesaan kepada penghuninya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah membangkitkan perkara rekabentuk perumahan sekarang yang mana tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk orang-orang cacat. Adalah benar bahawa rekabentuk perumahan awam kos rendah tidak direka khasnya untuk kemudahan orang-orang cacat. Tetapi rekabentuk yang ada mudah diubahsuai untuk orang-orang cacat yang tinggal di rumah-rumah berkenaan dengan selesa. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berusaha menyediakan rekabentuk rumah yang senang diubahsuai dan menyediakan unit-unit yang sesuai kepada pemohon-pemohon cacat yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga mencadangkan supaya Penguasa-penguasa Tempatan dapat mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga yang terdiri daripada belia-belie. Dimaklumkan bahawa Penguasa-penguasa Tempatan sentiasa memberikan galakan kepada belia-belie untuk berniaga dengan mengeluarkan lesen-lesen penjaja kepada mereka.

Walaupun bagaimanapun, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sentiasa berhati-hati apabila mengeluarkan lesen perniagaan kerana ada beberapa faktor yang perlu diambil kira. Antaranya ialah:

- (i) mewujudkan suasana di mana aspek kesihatan senang diselenggarakan di tempat-tempat perniagaan;
- (ii) mengelakkan keadaan kacau-ganggu di tempat-tempat perniagaan; dan

- (iii) menyelenggarakan kepadatan perniagaan yang sesuai di tempat-tempat perniagaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sentiasa mengambil kira faktor-faktor ini kerana faktor-faktor ini akan menentukan bahawa tempat-tempat perniagaan ini adalah sesuai untuk orang ramai dari segi keselamatan dan keselesaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sedang mengambil perhatian faktor-faktor berikut pada masa ini dalam meluluskan lesen-lesen perniagaan:

- (i) pertimbangan diberi kepada permohonan yang akan berniaga di tempat-tempat luar pusat bandar di mana lalu-lintas tidak dihalang;
- (ii) memperluaskan kawasan penjaja jika ada sambutan baik;
- (iii) mengadakan pasar-pasar malam yang lebih lagi;
- (iv) menyediakan tapak-tapak penjaja statik;
- (v) mengadakan gerai-gerai;
- (vi) mengadakan lebih lagi tempat-tempat penjaja di kompleks-kompleks perniagaan; dan
- (vii) mengeluarkan lesen penjaja sementara untuk tempoh-tempoh tertentu.

Berkenaan dengan lesen-lesen perniagaan, beberapa Pihak Berkuasa Tempatan sedang menyemak prosedur-prosedur pengeluaran lesen untuk penjaja yang lebih mudah dan cepat. Begitu juga kadar bayaran sewa gerai-gerai ataupun lesen adalah juga disemak semula oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan supaya lebih ringan untuk peniaga-peniaga di kawasan Majlis Tempatan.

Pihak-pihak Berkuasa Tempatan tidak akan menghalang mana-mana peniaga yang melaksanakan kegiatannya dengan mempunyai lesen-lesen yang sah. Hanya mereka yang tidak ada apa-apa kelulusan daripada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan akan diminta menamatkan perniagaan dan keluar daripada tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran membina kepada Kementerian saya. Mana-mana teguran membina yang dibuat akan diambil perhatian oleh Kementerian saya bagi ingatan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

6.46 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jeffrey):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran-teguran mengenai beberapa kegiatan Kementerian Penerangan termasuk Jabatan-jabatan di bawahnya.

Adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk membantu mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang harmonis dan bersatu-padu dalam sebuah negara yang maju dan stabil. Kementerian Penerangan memainkan peranan ini dengan menggunakan berbagai-bagai cara dan corak komunikasi yang dapat mendekatkan rakyat sesama rakyat dan rakyat dengan Kerajaan.

Melalui liputan siaran radio yang menyeluruh dalam berbagai bahasa dan dialek, RTM telah berusaha mewujudkan satu saluran komunikasi yang benar-benar berbentuk Malaysia. Pendekatan-pendekatan terbaru yang dilaksanakan sekarang adalah bertujuan mendapatkan penglibatan rakyat setempat dengan stesen radio berhampiran dan juga bertujuan menimbulkan semangat integrasi antara wilayah. Ini masing-masing dilakukan menerusi konsep "siaran tempatan" dan konsep "stesen kembar", umpamanya sekarang ini Stesen Limbang dikembarkan dengan Stesen Kota Bharu di Kelantan.

Seperti halnya dengan radio, TV Malaysia juga adalah sentiasa berusaha bagi menimbulkan imej Malaysia di kaca TV. Tetapi oleh kerana komunikasi TV adalah lebih rumit, mahal dan kompleks, maka penggunaannya dari segi penerbitan rancangan-rancangan tempatan belumlah lagi mencapai tahap yang telah dinikmati oleh radio. Pada masa ini RTM 1 menyiarkan 65% rancangan tempatan. Bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa sedar bahawa permintaan dan harapan semua penontonnya adalah amat tinggi. Dengan perancangan ke arah memperbanyak serta meningkatkan lagi mutu rancangan tempatan yang sedang dibuat sekarang ini, insya Allah, kaca TV Malaysia akan mencerminkan lebih banyak lagi peristiwa dan kegiatan yang berlaku di seluruh tanahair kita terutama sekali di Sarawak dan Sabah. Ini adalah selaras dengan hasrat dan cita-cita Kementerian Penerangan untuk menjadi adat resam, cara hidup, budaya Malaysia sebagai asas-asas bagi menciptakan satu negara dan rakyat yang bersatu-padu, harmonis dan maju.

Di samping RTM, Jabatan Penerangan pula sentiasa memberikan ceramah-ceramah, kursus dan penerbitan bahan-bahan bacaan

mengenai masalah dan kemajuan ekonomi, sosial, politik dan lain-lain di negara ini untuk kepentingan rakyat.

Mengenai kekurangan kakitangan di Jabatan Penerangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah dan tindakan untuk mengatasinya. Tetapi kerana keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan maka tidak semua jawatan yang kosong dapat diisi dan tidaklah dapat diwujudkan jawatan-jawatan baru. Namun demikian, kegiatan Jabatan Penerangan terus dipertingkatkan untuk menyampaikan maklumat-maklumat dan penerangan-penerangan penting mengenai dasar serta usaha pembangunan negara supaya difahami dengan sejelasnya oleh rakyat dan mereka memberikan kerjasama dengan Kerajaan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Julau yang telah menyentuh soal perpaduan, saya suka saya maklumkan bahawa aktiviti-aktiviti ke arah hasrat ini sentiasa diambil berat oleh Kementerian saya. Semua unsur-unsur dan seruan-seruan dan bibit-bibit perpaduan sentiasa disisipkan dalam kegiatan ceramah, kelas-kelas sivik, projek-projek anak angkat dan gotong-royong, serta perjumpaan-perjumpaan silaturrahim dan seumpamanya. Ini adalah bertujuan untuk memupuk dan memajukan lagi perpaduan rakyat dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kutipan hasil lesen radio dan televisyen yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading, saya suka menjelaskan bahawa kutipan hasil sentiasa meningkat umpamanya dari \$29 juta dalam tahun 1980 kepada \$40 juta dalam tahun

1985. Peningkatan hasil adalah kerana peningkatan penggunaan radio dan televisyen dan peningkatan penguatkuasaan.

Kementerian saya buat masa ini juga sedang mengkaji satu sistem pelesenan radio dan televisyen bertujuan untuk memperkemaskan dan memperbaiki lagi sistem bayaran dan penguatkuasaan lesen radio dan televisyen yang sedia ada sekarang.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya memasukkan jumlah bayaran lesen ke dalam harga sebuah set radio dan televisyen, Kementerian saya akan meneliti cadangan ini secara terperinci. Ini kerana ia boleh menimbulkan masalah tertentu seperti meningkatkan harga peti radio dan televisyen yang dibeli, menimbulkan kesulitan pembayaran oleh penjual-penjual peti radio dan televisyen kepada Kerajaan dan sebagainya. Juga masalah jangkaan hayat peti televisyen dan radio baru sebelum pembelian dibuat dan Kerajaan mendapat hasil semula juga agak rumit.

Buat akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan teguran-teguran berkenaan tugas-tugas Kementerian Penerangan dan jika sekiranya ada perkara-perkara yang kurang jelas, saya bagi pihak Kementerian saya memohon maaf di atas apa yang tidak ditimbulkan di dalam penggulangan pada hari ini. Dengan itu, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

6.54 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):**

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya untuk memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan Belanjawan 1987.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Padang Terap, Penampang dan Hulu Selangor telah menimbulkan berbagai perkara mengenai Dasar Perindustrian Negara dan pelaksanaan dasar tersebut termasuk Pelan Induk Perindustrian, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, dan Industri Petrokimia di negara ini.

Mengenai perindustrian di kawasan luar bandar, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa menyedih keperluan untuk memperseimbangkan pertumbuhan ekonomi di antara kawasan bandar dan luar bandar dan bagi tujuan ini sebelum pelan induk perindustrian, Kerajaan telah melaksanakan secara aktif polisi menyerahkan industri ke kawasan-kawasan kurang maju. Bagi mencapai tujuan ini, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1968 yang telah dimansuhkan baru-baru ini, kawasan-kawasan tertentu telah ditetapkan sebagai kawasan pembangunan atau kawasan galakan setempat yang membenarkan industri-industri atau projek-projek yang terletak di sesuatu tempat dipertimbangkan dengan tambahan setahun pelepasan cukai. Sekiranya projek itu diberi galakan taraf perintis atau galakan menggunakan buruh, atau tambahan kredit cukai pelaburan sebanyak 5%, sekiranya projek itu diberi galakan kredit cukai pelaburan atau galakan tempat kedudukan sekiranya ia ditempatkan di kawasan galakan setempat. Pada masa ini penekanan Kerajaan telah berbeza sedikit, di mana perhatian terhadap penyelerakan industri telah dikurangkan iaitu berikutan dari pelan

induk perindustrian yang mencadangkan supaya industri-industri hendaklah ditempatkan di sepanjang "western corridor", "mini corridor", serta "urban enclave", dengan izin, di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah pertamanya, disebabkan oleh keyakinan pada masa hadapan di mana pembangunan perindustrian adalah tertumpu kepada industri yang berorientasikan eksport.

Bagi membolehkan seseorang pengusaha itu bersaing dengan jayanya dengan pengeluar-pengeluar antarabangsa, maka perlulah ia menempatkan kilangnya di mana ia boleh mendapat cost advantage, dengan izin, atau faedah kepentingan yang tinggi.

Keduanya, mengurangkan beban Kerajaan mengadakan perbelanjaan yang tinggi bagi pembangunan kawasan yang kurang maju. Oleh sebab itulah perhatian lebih ditumpukan kepada konsep corridor tersebut. Selaras dengan perancangan tindakan untuk melaksanakan pelan induk perindustrian, Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun diminta untuk mengenal pasti lokasi industri-industri untuk dibangunkan mengikut konsep corridor yang dicadangkan. Lokasi industri-industri ini adalah dikaitkan dengan pusat-pusat model Wilayah dan tidak bertabur mengikut dasar penyelerakan negara seperti dahulu.

Strategi baru ini akan menumpukan pertumbuhan perindustrian di pusat-pusat bandar terpilih yang akan mengambil faedah daripada pemusatan kegiatan ekonomi, iaitu agglomeration economics dan meningkatkan lagi kesan rantiannya dengan infrastruktur yang sedia wujud. Ini adalah sesuai dengan pendedahan ekonomi yang berorientasikan eksport dan perdagangan luar.

Walau bagaimanapun, ini tidak bererti Kerajaan lupa akan penyelerakan industri ke kawasan luar bandar, terutamanya apabila kawasan itu adalah sesuai dengan industri yang berdekatan dengan sumber bahan mentah serta ia dapat pula menyediakan peluang pekerjaan. Bagi menggalakkan setengah daripada industri-industri ini ke kawasan-kawasan luar bandar, pihak Kerajaan telah memperkenalkan satu galakan baru di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 iaitu di bawah galakan pengurangan pendapatan larasan di mana potongan sebanyak 5% daripada pendapatan yang diselarakan bagi syarikat yang bertempat di kawasan perindustrian yang ditentukan untuk tempoh menima 5 tahun. Cara ini adalah difikirkan dapat menarik pengusaha-pengusaha menempatkan projek mereka di sana serta sekurang-kurangnya dapat membantu mereka mengatasi masalah-masalah asas seperti kekurangan kemudahan infrastruktur, berjauhan dengan industri-industri sampingan dan sokongan bekalan bahan mentah dan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 diubahsuai untuk memberi insentif yang lebih banyak kepada pelabur-pelabur asing, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang menyedari bahawa adalah perlu Akta Penggalakan Pelaburan 1984 yang diluluskan pada bulan April tahun ini diubahsuai mengikut keadaan semasa bagi menarik pelabur-pelabur asing.

Dengan tujuan inilah Belanjawan 1987 telah mengumumkan bahawa Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan dipinda untuk merangkumi pindaan-pindaan tertentu termasuk lanjutan taraf perintis selama 5 tahun lagi berdasarkan industri terpilih dan penggantian pekurangan pendapatan larasan berasaskan nilai ditambah

dengan pengurangan pendapatan larasan pada kadar 50% jualan eksport ke atas jumlah jualan.

Kedua-dua pindaan tersebut diharap dapat menarik pelaburan asing yang lebih ke dalam negara ini. Rang Undang-undang bagi meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini, akan dibentangkan di Persidangan Parlimen yang sedang berlangsung sekarang. Berkenaan pemberian taraf kerakyatan kepada pelabur-pelabur asing, Kerajaan masih lagi menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam supaya cukai korporat dikurangkan bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan asing dan tempatan.

Sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan beberapa galakan baru bagi menambah daya penarik negara ini sebagai pusat pelaburan. Dengan galakan-galakan yang diberi, ini bermakna bagi syarikat-syarikat yang mengeluarkan keluaran-keluaran yang tertentu, yang digalakkan dan yang mendapat taraf perintis, mereka akan mendapat pengecualian daripada cukai pendapatan selama 10 tahun dan selepas daripada tempoh itu sekiranya sebahagian besar daripada pengeluarannya dieksport, mereka akan menikmati faedah-faedah bersamaan dengan pengurangan cukai korporat sehingga 20%. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus berusaha dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menambahkan tarikan negara ini sebagai negara pelaburan yang beruntung.

Ahli Yang "Berhormat dari Ledang telah membangkitkan beberapa kelemahan dalam industri elektronik. Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya

telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam industri elektronik, kelemahan-kelemahan tersebut telah dimasukkan di dalam Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tebrau telah membangkitkan mengenai industri berasaskan sumber asli. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang menggalakkan penubuhan industri yang berasaskan sumber asli tempatan seperti getah, kayu-kayan, kelapa sawit dan timah, kerana ini akan menambahkan nilai (value added), dengan izin, bahan-bahan eksport Malaysia. Ini adalah selaras dengan perakuan di dalam Pelan Induk Perindustrian yang telah mengesyorkan supaya industri-industri seperti ini dititikberatkan di dalam Program Perindustrian Malaysia. Oleh itu galakan seperti Taraf Perintis dan Elaun Galakan Pelaburan diberi kepada projek-projek yang berasaskan sumber-sumber tempatan.

Mengenai perusahaan penapisan minyak secara besar-besaran bagi membekalkan keperluan serantau, ingin saya menyatakan bahawa sungguhpun cadangannya baik, tetapi ianya tidak dapat dipertimbangkan buat masa ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sekarang ini terdapat kapasiti penapis yang berlebihan, excess refining capacity, dengan izin, terutamanya di negara jiran kita, Singapura. Oleh itu cadangan PETRONAS, umpamanya untuk mendirikan sebuah Kilang Penapis di Melaka terpaksa dibekukan buat sementara. Cadangan ini mungkin dapat dipertimbangkan semula apabila keadaan mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menegur dasar Kerajaan yang terlalu liberal ke atas barang-barang import yang boleh

menjejaskan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang pada amnya mengamalkan dasar perdagangan bebas, walau bagaimanapun apabila industri tempatan menghadapi saingan yang tidak berpatutan umpamanya masalah dumping, maka Kerajaan memberi perlindungan berbentuk tarif serta non-tarif, mengikut mana yang difikir wajar. Perlindungan yang diberi akan dikaji dari masa ke semasa kerana Kerajaan berpendapat saingan dari import dapat menentukan harga barangan tempatan supaya berpatutan dan competitive serta bermutu.

Mengenai proses perubahan sikap yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini mengambil masa yang lama. Pengguna-pengguna tidak mudah dipujuk untuk suka kepada sesuatu barang itu, kecuali barangan tersebut menarik dari segi bentuk dan bermutu tinggi. Contohnya suatu ketika dahulu orang ramai kurang yakin dengan barang-barang buatan Jepun dan sebaliknya mereka lebih mengagungkan barang buatan Eropah, tetapi setelah bentuk dan mutu barang-barang keluaran Jepun terjamin, orang ramai mula meminati barang-barang buatan negara tersebut. Justeru itu, sektor pengeluaran perlulah mengkaji beberapa aspek bagi memastikan bahawa bentuk dan mutu barangan yang dikeluarkan boleh mempengaruhi minat orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyarankan agar dibuat penyelidikan untuk mengetahui "market preferences" bagi barangan buatan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelidikan seperti ini sememangnya sentiasa dijalankan oleh Kementerian saya. Kajian-kajian ini

dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri, dan juga oleh pakar-pakar dari badan-badan antarabangsa. Hasil-hasil kajian ini akan disampaikan kepada Persatuan-persatuan Perniagaan dan pengeksporth-pengeksport tempatan yang dikira mempunyai kemampuan untuk mengeksport. Kajian-kajian ini juga disimpan di perpustakaan MEXPO untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengeksporth-pengeksport tempatan.

Ahli Yang Berhonnat dari Pengkalan Chepa telah mengesyorkan agar objektif dan dasar industri pelancongan dikaji semula supaya tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa objektif dan dasar industri pelancongan negara kita ialah untuk mempergiat dan meningkatkan industri pelancongan di negara ini. Industri pelancongan merupakan satu industri yang berpotensi untuk menarik pertukaran wang asing ke negara ini terutama sekali dalam masa kemelesetan ekonomi dunia. Oleh yang demikian Kerajaan telah memberi keutamaan kepada industri pelancongan dan heberapa galakan telah pun diluluskan oleh Kerajaan. Tidak ada apa-apa aspek industri pelancongan yang boleh dikatakan bercanggah dengan kehendak Islam. Industri pelancongan berkehendakkan kita berusaha, rajin dan bekerja dengan cekap kreatif dan berdisiplin. Oleh itu kajian semula objektif dan dasar industri pelancongan adalah tidak perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah mencadangkan supaya projek-projek pelancongan diswastakan. Saya ingin menyatakan bahawa memang telah menjadi dasar Kerajaan untuk menswastakan projek-projek pelancongan yang

sepatutnya dijalankan oleh sektor swasta. Di antara projek-projek ini termasuklah hotel-hotel yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Sehubungan dengan ini Kerajaan juga telah memberi galakan kepada agensi-agensi pelancongan yang berjaya membawa para pelancongan ke negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhonnat, pengecualian cukai 100% adalah diberikan ke atas pendapatan yang diperolehi oleh agensi-agensi yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500 orang pelancong ke negara ini melalui lawatan berkumpulan atau Group Inclusive Tour, dengan izin.

Sekianlah sahaja penjelasan saya dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan serta teguran mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya menjemput Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk menjawab dan juga bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Sila, Yang Berhormat!

*7,10 mlm.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah kedua-dua Kementerian ini. Setiap pandangan akan dikaji dan sekiranya perlu untuk dipertimbangkan, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh

Kementerian masing-masing dan juga oleh agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, jawapan saya akan menyetujui beberapa perkara sahaja.

Perkara yang pertama ialah bersabit dengan kedudukan tarif elektrik di negara kita ini. Sebagai keterangan, suka saya menyatakan memang menjadi hasrat Kerajaan bahawa kadar tarif elektrik di negara kita ditentukan di paras yang berpatutan. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang terlibat senantiasa terikat kepada beberapa kedudukan seperti mendapatkan modal yang mencukupi untuk mereka meneruskan pelaksanaan pembangunan kuasa elektrik untuk keperluan negara dan rakyat dalam masa yang akan datang. Pelaburan untuk membangunkan kuasa elektrik biasanya tinggi dan memerlukan pendapatan yang mencukupi dari hasil-hasil penjualan tenaga. Sekiranya ini tidak, ianya akan menjejaskan kemampuan kita membangunkan projek-projek yang diperlukan.

Pernah di masa-masa yang dahulu, lebih-lebih di waktu harga minyak mentah tinggi, Kerajaan memberi subsidi kepada badan-badan yang bertanggungjawab seperti Lembaga Letrik Negara, sebagai langkah untuk mengelakkan kesan harga minyak yang tinggi itu dikenakan kepada pengguna. Tindakan seperti itu telah membebankan kewangan Kerajaan, dan kita tidak mahu subsidi serupa itu diteruskan bahkan bayaran subsidi akan menghalang wujudnya sikap efficiency dan justeru itu kedudukan kewangan negara akan juga bertambah buruk. Badan-badan yang bertanggungjawab sebaliknya diperlu menjalankan perniagaan masing-masing dengan cost accountabilitynya sendiri termasuk menentukan kos productivity dikesan dengan rapi. Tambahan juga badan-badan yang bertanggungjawab dikehendaki

memenuhi beberapa syarat kewangan yang ditetapkan oleh badan-badan kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia ataupun Asian Development Bank dan sebagainya.

Misalnya, badan-badan itu perlu mendapatkan, dengan izin, rate of return on investment yang tidak kurang dari 8% dan nisbah pembiayaan sendiri (self financing ratio) yang tidak kurang dari 40%. Sekiranya ini tidak didapati, kepercayaan pihak-pihak kewangan antarabangsa mungkin berkurangan.

Peningkatan productivity, polisi mempelbagaikan punca tenaga dan kekurangan harga minyak mentah yang kita alami sekarang sudahpun dinikmati di mana Lembaga Letrik Negara telah mulai dari 1 Oktober tahun ini sekali lagi memberi diskaun tambahan 10% kepada pengguna-pengguna perindustrian. Kesan dari pengurangan ini bermakna bahawa harga elektrik bagi sektor perindustrian di negara kita ini sudah menurun ke paras yang amat competitive sekali jika dibandingkan dengan harga-harga yang terdapat di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih mendengar pendapat-pendapat disuarakan kononnya tarif elektrik di negara kita ini tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Yang sebenarnya, khusus kepada sektor perindustrian, tarif bagi Semenanjung Malaysia ialah sekarang terendah di rantau ini. Tindakan ini dibuat sebagai satu langkah Kerajaan membimbing pertumbuhan ekonomi dan memberi galakan kepada industri-industri di negara kita ini bagi mengurangkan kos production mereka masing-masing. Jangan pula industri menyimpan diskaun ini sebagai pertambahan keuntungan. Mereka sepatutnya menyalurkan kesannya dalam bentuk mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan yang dijalankan oleh mereka.

Ada juga soalan ditimbulkan mengapakah kesan penurunan harga minyak tidak disalurkan kepada pengguna-pengguna domestik. Ini telah kita kaji dan kita berpendapat sekiranya penurunan harga minyak ini melibatkan diskaun kepada pengguna-pengguna domestik, diskaun yang kita dapat agihkan kepada industri sudah kurang mencukupi dari apa yang kita dapat beri sekarang. Ini tidak akan memberi makna yang berkesan dari hasrat kita untuk membimbing pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, perlu juga dijelaskan, bahawa pengguna yang menggunakan elektrik kurang dari 100 yunit sebulan, iaitu sebenarnya kebanyakan pengguna yang berpendapatan rendah, tidak dikenakan tarif yang tinggi. Benar mereka yang menggunakan elektrik yang banyak misalnya, mereka yang menggunakan hawa dingin di rumah mungkin terlibat, dan ini sebenarnya bertujuan untuk menentukan tenaga digunakan dengan berjimat dan tidak membazir. Disiplin berjimat cermat sememangnya satu kedudukan yang kita patut alu-alukan.

Saya sedar bahawa soalan tarif di Sabah dan Sarawak juga ditimbulkan. Tarif di Sarawak terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sarawak sendiri oleh kerana pihak SESCO ialah satu badan Kerajaan Negeri. Bagi tarif Lembaga Letrik Sabah, walaupun ianya badan Kerajaan Persekutuan, ianya bertanggungjawab kepada kosnya sendiri sebagai badan berasingan. Walau bagaimanapun, berikutan dengan penurunan harga minyak pihak Lembaga Letrik Sabah sudahpun menurunkan tarif elektriknya pada 1hb April tahun ini. Tarif yang baharu yang mula digunakan dari 1hb April tahun ini bermakna telah menikmati penurunan sebanyak 5% kepada domestik, 10% kepada perdagangan dan 12% kepada perindustrian jika dibandingkan dengan tarif sebelum itu. Juga tarif

yang baru ini telah menghapuskan bayaran Fuel Charge Variation Cost tidak seperti yang sebelum itu, di mana Fuel Charge Variation Clause dikenakan di atas base-tariff yang diamalkan. Justeru itu sudah bermakna harga purata tenaga elektrik dalam sistem Lembaga Letrik Sabah telah menurun mulai dari 1-4-86 jika dibandingkan dengan yang sebelum itu. Perbezaan di antara Semenanjung dan Sabah adalah kerana terdapat perbezaan dalam economies of scale dalam sistem Lembaga Letrik Negara jika dibandingkan dengan sistem di Sabah. Kita tidak dapat menyelaraskan tarif kedua-dua badan ini ke tarif yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pengambilan alih SESCO oleh Kerajaan Pusat juga ditimbulkan. Memang Kerajaan berhasrat memisahkan SESCO dan Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan di mana penjaan kuasa elektrik memang di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, juga bagi tujuan menyelaraskan pembangunan kuasa elektrik di seluruh negara, khususnya pembangunan kuasa elektrik di luar bandar negeri Sarawak. Tetapi langkah itu terpaksa ditarigguhkan kerana syarat-syarat pengambilalih itu belum dapat ditetapkan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Tambahan pula memandangkan kedudukan kewangan negara sekarang, kita tidak bercadang untuk mempercepatkan tindakan pengambilan alih ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan penswastaan perkhidmatan telekom juga disentuh, yang sebenarnya ini bukan perkara yang baru. Ianya sudah diterangkan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi oleh kerana ianya dibangkitkan semula, saya merasa

elok juga kalau saya memberi keterangan sekali lagi, itupun dengan ringkas. Penswastaaan memang sudah menjadi polisi yang tetap dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula polisi ini. Bahkan ianya akan diteruskan bukan sahaja kepada perkhidmatan telekom, tetapi kepada perkhidmatan-perkhidmatan awam lain jika didapati sesuai. Khusus dengan perkhidmatan telekom, mulai dari tahun hadapan kita akan mengambil langkah pertama bagi tujuan penswastaaan di mana perkhidmatan telekom akan diambilalih oleh Syarikat Telekom Malaysia. Syarikat Telekom Malaysia akan menjalankan tugasnya berasaskan kepada syarat-syarat lesen yang diberi oleh Kerajaan. Dalam syarat-syarat itu juga termasuk bahawa syarikat itu dikehendaki menjaga kepentingan telekomunikasi kepada luar bandar.

Kerajaan akan terus menentukan syarat-syarat itu diikuti untuk menjamin keperluan luar bandar juga tidak ketinggalan. Saya sedar bahawa ada orang-orang awam masih ragu-ragu apakah penswastaaan perkhidmatan telekom ini akan memberi kesan yang baik kepada pengguna-pengguna. Perlu kita mengingatkan bahawa penswastaaan perkhidmatan telekom akan mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan.

Pengalaman di negara-negara yang lain yang telah mengamalkan penswastaaan seperti ini menunjukkan bahawa selepas penswastaaan kecekapan dan mutu perkhidmatan telah meningkat. Saya yakin jika negara-negara lain yang telah menswastakan perkhidmatan ini telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatannya, kenapa pula kita tidak boleh berjaya seperti mereka? Saya berpendapat kita tidak payah meragui tentang kebolehan kita untuk mencapai tahap yang sama kalau pun

tidak lebih dan sepatutnya kita mempunyai kepercayaan kepada kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka seterusnya memberi penjelasan pula bersabit dengan perkara di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah mencadangkan supaya penguasa-penguasa tempatan melonggarkan syarat di dalam pemberian lesen kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil. Suka dinyatakan bahawa memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat lebih ramai lagi penduduk Bandaraya Kuala Lumpur melibatkan dirj dalam aktiviti perniagaan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya ada mengambil langkah-langkah tertentu dalam membantu penjaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur. Beberapa langkah tertentu telah pun dilaksanakan bagi melesenkan penjaja-penjaja dan peniaga kecil. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Dewan Bandaraya telah mensyaratkan semua bangunan perniagaan bertingkat dan kompleks membeli belah menyediakan gerai-gerai penjaja, di samping menyediakan tapak-tapak penjaja yang moden dari semasa ke semasa sama ada secara penswastaaan oleh Dewan Bandaraya atau sebagai projek Dewan Bandaraya.
- (ii) Menutup jalan-jalan raya untuk digunakan sebagai pasar malam seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman dan jalan-jalan di kawasan perumahan di sekitar Wilayah Persekutuan.

Dengan adanya tindakan sedemikian Kementerian berharap ianya akan dapat melesenkan lebih ramai lagi penjaja-penjaja dan memberi peluang kepada penjaja-penjaja tanpa lesen untuk menjaja di

tempat-tempat yang disediakan. Walau bagaimanapun, lesen-lesen menjaja hanya akan dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) tempat yang dipohon tidak mengganggu pengaliran lalu lintas terutama di kawasan-kawasan sesak yang sentiasa menjadi pilihan pemohon-pemohon;
- (ii) tidak berhampiran atau berdekatan dengan restoran-restoran;
- (iii) tidak di jalan-jalan utama seperti Jalan Parlimen, Lebuhraya atau persimpangan jalan; dan
- (iv) lain-lain syarat termaktub dalam Undang-undang Kecil Penjaja tahun 1979 seperti pemohon mestilah berumur lebih dari 18 tahun, memiliki Kad Pengenalan Biru, menjelaskan bayaran mengikut saiz gerai yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor mencadangkan supaya Kuala Lumpur dijadikan sebagai Pusat Pelancongan Bertaraf Antarabangsa untuk menambahkan hasil negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, peranan Kuala Lumpur di dalam meningkatkan industri pelancongan memang tidak diabaikan. Kerajaan memang sedar bahawa sebagai pintu masuk yang utama bagi pelawat dan pelancong ke negara ini Kuala Lumpur memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan perkembangan industri pelancongan di negara ini. Sebab itulah Kementerian Wilayah Persekutuan telah dan akan mengambil beberapa langkah tertentu supaya memastikan Kuala Lumpur

akan menjadi daya tarikan utama bagi pelawat dan pelancong yang melawat ke rantau ini.

Langkah-langkah yang akan diambil itu termasuklah cadangan menubuhkan Majlis Pelancongan Kuala Lumpur. Majlis ini akan berfungsi sebagai satu badan khas yang akan menumpukan perhatian penuh terhadap usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu tempat yang menarik untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong, khasnya pelancong dari luar negeri. Sebagai langkah permulaan, Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun membuka satu tempat dikenali sebagai Balai Kuala Lumpur, khasnya untuk membantu pelancong-pelancong mengenali lebih dekat lagi mengenai Kuala Lumpur. Balai Kuala Lumpur ini diselenggarakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Persatuan Pelancong Kuala Lumpur ataupun Kuala Lumpur Tourist Association. Sejak Balai Kuala Lumpur dibuka pada tahun yang lepas, ia telah menjadi pusat yang sentiasa dikunjungi oleh pelawat dan pelancong yang ingin mendapat maklumat lebih lanjut mengenai Kuala Lumpur.

Selain daripada khidmat yang dapat diberi di Balai Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah mengeluarkan beberapa rencana khas mengenai Kuala Lumpur. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk membantu pelawat dan pelancong merasa lebih selesa ketika berada di sini. Sebagai usaha lanjutan bagi mengharumkan nama Kuala Lumpur di peta dunia, Kementerian juga telah berikhtiar mengadakan Kuala Lumpur Interaational Marathon dan Kuala Lumpur Arts Festival. Kedua-dua peristiwa ini yang disertai oleh peserta-peserta dari negara-negara lain telah berjaya memperkenalkan Kuala Lumpur kepada pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menarik lebih ramai pelawat dan pelancong datang ke Kuala Lumpur bukan sahaja terbatas kepada aspek galakan. Di Bandaraya Kuala Lumpur berbagai kemudahan telah diadakan. Ini di antara lain termasuklah langkah-langkah mengadakan lebih banyak kawasan taman di Kuala Lumpur seperti di Bukit Kiara, Taman Orkid di Tasik Perdana, Restoran Terapung di Taman Tasik Titiwangsa. Usaha juga telah diambil untuk memindahkan Kuala Lumpur supaya menjadi lebih menarik kepada pelancong. Sebab itulah Dewan Bandaraya sentiasa mengadakan Kempen Kebersihan dari semasa ke semasa dan sehubungan dengan ini saya merayukan kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur supaya sentiasa menjaga kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dari segi memperkenalkan identiti, usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh Pihak Berkuasa Dewan Bandaraya. Dalam hal ini, aktiviti utama ialah ke arah mengekalkan dan memelihara bangunan-bangunan lama yang mempunyai unsur-unsur sejarah serta nilai kesenian yang tinggi seperti bangunan Stesyen Keretapi, Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mencadangkan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah Kementerian lain. Ahli Yang Berhormat ini berpendapat Datuk Bandar sudah mencukupi untuk menjaga masalah Wilayah. Saya percaya cadangan ini diperbuat oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu kurang faham, atau sengaja tidak mahu faham, Ahli Yang Berhonnat itu tidak ada di Dewan pada masa ini, mengenai peranan Kementerian Wilayah Persekutuan. Oleh itu saya ingin menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab Kementerian Wilayah

Persekutuan supaya dapat difahami oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Dewan yang mulia ini.

Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan untuk mentadbirkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebuah ibu negara dan sebuah lagi Wilayah Persekutuan, iaitu Labuan. Selain dari menjadi ibu negara, Kuala Lumpur merupakan satu pusat pentadbiran dan perdagangan yang penting bagi negara kita ini. Bagi Labuan pula, ia merupakan sebuah kawasan yang terpisah yang mempunyai isu dan masalah pembangunannya yang tersendiri.

Sungguhpun Kuala Lumpur mempunyai keluasan 243 kilometer, ianya merupakan satu wilayah yang pesat dengan pembangunan. Kepesatan pembangunan ini memerlukan pentadbirannya diuruskan dengan teliti supaya pembangunan wilayah ini menjadi teratur sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah ibu negara. Pengurusan dan pentadbiran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan adalah berbagai dan luas. Bidang-bidang yang terletak di bawah Kementerian ini termasuk perancangan dan kawalan pembangunan, perancangan dan penyediaan berbagai kemudahan sosial dan keagamaan, pentadbiran tanah dan penyenggaraan sungai. Isu-isu yang menjadi cabaran kepada Kementerian ini adalah sangat luas dan meliputi aspek-aspek kawalan peniaga-peniaga kecil dan penjaja, kejadian banjir, kesesakan jalan, pengindahan serta kemudahan riadah, setinggian sama ada dalam bentuk rumah haram atau industri haram, perumahan dan lain-lain lagi. Adalah juga menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menyelaras kegiatan Jabatan-jabatan dan lain-lain agensi pembangunan di Wilayah Persekutuan supaya pembangunan

Kuala Lumpur dan Labuan menjadi bersepadu menuju ke arah satu matlamat.

Oleh itu, memandangkan Kuala Lumpur dan Labuan mempunyai kedudukan yang istimewa iaitu Kuala Lumpur sebagai ibu negara serta pusat perdagangan dan pentadbiran negara dan Labuan sebagai satu wilayah yang terpisah yang memerlukan perhatian yang khusus, maka tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan tidak seharusnya diletakkan di bawah lain-lain Kementerian yang masing-masing mempunyai bidang tanggungjawab yang meliputi seluruh negara.

Soal membolehkan Datuk Bandar mendapat lebih peluang untuk berdamping dengan rakyat tidak timbul oleh kerana Datuk Bandar bukan seorang Wakil Rakyat bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebagai Wakil Rakyat, Yang Berhormat Menteriilah harus dipertanggungjawabkan untuk mendampingi dengan rakyat supaya dasar-dasar yang akan diperkenalkan akan mengambil kira hasrat dan kehendak rakyat.

Ini tidak bererti bahawa Datuk Bandar dan pegawai-pegawai lain tidak boleh berjumpa dengan rakyat selain daripada Menteri. Datuk Bandar dan lain-lain pegawai juga harus mengenali rakyat untuk dapat membantu Menteri menggubal dasar dan lain-lain keperluan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat Saya sampaikan bagi kedua-dua Kementerian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab.

7.33ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah mencadangkan supaya Akta Tanah Negeri Sarawak diseragamkan dengan Kanun Tanah Negara supaya FELDA tidak menghadapi masalah dalam pelaksanaannya untuk kepentingan masyarakat luar bandar di Sarawak.

Sukalah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pentadbiran tanah di negeri Sarawak adalah berasaskan kepada Undang-undang Tanah Negeri Sarawak iaitu, dengan izin, Sarawak Land Code dan di Semenanjung pula berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian, cara pelaksanaan pembangunan tanah oleh FELDA adalah juga berlainan di antara Semenanjung dengan Sarawak.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sistem pelaksanaan pembangunan tanah FELDA Sarawak diseragamkan dengan sistem yang ada di Semenanjung adalah merupakan satu-satunya cadangan yang saya anggap sebagai baik. Bagi menyeragamkan sistem pelaksanaan pembangunan tanah ini, peruntukan dalam Undang-undang Tanah Negeri Sarawak mestilah membolehkan FELDA memiliki tanah di Sarawak. Di samping itu, pembangunan tanah oleh FELDA di Sarawak hendaklah dimajukan mengikut cara dan sistem yang selama ini telah diamalkan dengan jayanya oleh FELDA. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji dengan teliti kerana ianya

melibatkan undang-undang di Semenanjung dan di Sarawak dan Kementerian saya akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, FELDA telah membangunkan tanah yang begitu besar di seluruh Malaysia dan ini telah memberi banyak keuntungan khasnya dari segi ekonomi dan sosial kepada peneroka-peneroka dan negeri-negeri yang telah menikmati kemajuan hasil dari usaha FELDA. Sekarang rakyat Sarawak juga berhasrat supaya FELDA dan FELCRA juga meluaskan aktiviti di Sarawak. Sukalah saya memberi jaminan bahawa FELDA dan FELCRA bersedia untuk meningkatkan aktiviti di Sarawak dan dalam hubungan ini sukalah saya mengambil kesempatan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mereka yang dari Sarawak supaya memberikan kerjasama dan penjelasan serta dapat mempengaruhi mereka yang berkenaan supaya menerima rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA ini di negeri Sarawak. Saya penuh yakin bahawa rancangan-rancangan FELDA ini akan membawa banyak perubahan di kawasan-kawasan luar bandar dari segi infrastruktur, sosial, ekonomi, sikap, dengan izin, quality of life dan taraf hidup rakyat luar bandar Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyarankan supaya Kerajaan mengkaji fungsi agensinya agar tidak berlaku pertindihan dan persaingan di antara satu sama lain supaya peruntukan yang dikhaskan dapat digunakan dengan sewajarnya.

Sukacita saya memaklumkan bahawa sebagaimana kita sedia maklum, tiap-tiap agensi mempunyai fungsi yang tersendiri sama ada mengikut kawasan atau aktiviti

tertentu dan mempunyai perkaitan serta saling bantu membantu di antara satu sama lain dalam usaha untuk mempertingkatkan prestasi sektor agensi. Sememangnya menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membetulkan percanggahan fungsi sekiranya ia berlaku dan dari semasa ke semasa Kementerian saya membuat kajian dan mengesan supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku. Sebenarnya pada masa ini juga satu kajian sedang dibuat oleh Kementerian saya mengenai perkara ini.

Sehubungan dengan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menimbulkan ketidak-berkesanan agensi-agensi dalam usaha untuk membasmi kemiskinan yang menjadi salah satu sebab generasi kedua peneroka meninggalkan tanah-tanah rancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berhubung dengan usaha-usaha membasmi kemiskinan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya melalui FELDA, setakat ini FELDA telah berjaya meningkatkan pendapatan peneroka melebihi gahs kemiskinan iaitu melebihi daripada \$350 sebulan. Tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi dunia dan harga barangan utama seperti minyak sawit telah jatuh baru-baru ini, maka dengan demikian pendapatan peneroka itu juga berkurangan. Walaupun begitu, langkah-langkah telah diambil bagi mengatasi masalah ini dengan menggalakkan para peneroka mempelbagaikan usaha dan aktiviti ekonomi seperti tanaman kontan, ternakan dan sebagainya bagi menambahkan pendapatan mereka. Selanjutnya Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan penggunaan secara maksima tanah-tanah terbiar oleh Kerajaan dalam usaha untuk membasmi kemiskinan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penggunaan tanah terbiar ini, sukalah

dimaklumkan bahawa pihak FELCRA telah, sedang dan akan terus mengambil daya usaha bagi memajukan tanah-tanah terbiar yang berpotensi untuk dimajukan. Kanun Tanah Negara telah pun dipinda bagi membolehkan Kerajaan mengambilalih sementara waktu tanah yang terbiar untuk dimajukan dan selepas dimajukan tanah tersebut diserahkan semula kepada pemilik asal tanah. Di samping itu pihak swasta juga digalakkan untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah pun menyentuh mengenai mutu hasil pertanian yang dikeluarkan seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain yang hendaklah diperbaiki dan dikaji supaya dapat bersaing dengan negara-negara lain. Pertumbuhan industri-industri kecil di luar bandar hendaklah dipercepatkan dengan cara memperbagaikan insentif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian saya sentiasa memberi perhatian terhadap mutu hasil pertanian yang dikeluarkan seperti kelapa sawit, getah dan koko dan ianya sentiasa diperbaiki dengan menggunakan hasil-hasil kajian daripada institusi-institusi penyelidikan seperti RRIM, PORLA, MARDI dan lain-lain lagi.

Mengenai industri kecil pula, pihak agensi-agensi Kementerian saya seperti KEDA dan DARA memang menggalakkan penduduk-penduduk terlibat mengusahakan industri kecil seperti perusahaan rotan, buluh, bertam dan lain-lain dengan memberi galakan dari segi pemasaran, latihan, kursus dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah memberi penghargaan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana bersetuju melanjutkan pendapatan minima peneroka \$350.00 sebulan sehingga

bulan Mac, 1987 dan berharap supaya semua peneroka FELDA dapat menyesuaikan diri mereka selepas bulan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas penghargaan mengenai perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak FELDA telah pun menetapkan untuk meneruskan pendapatan jaminan minima peneroka berjumlah \$350 sebulan sehingga bulan Mac, 1987 yang akan dibayar kepada peneroka pada awal bulan Mei, 1987. Ini difikirkan perlu memandangkan pendapatan peneroka sawit telah terjejas akibat daripada turunnya harga minyak sawit pasaran dunia. Mengenai usaha-usaha supaya para peneroka dapat menyesuaikan diri mereka selepas bulan tersebut, FELDA sedang mempergiatkan berbagai aktiviti bagi menambahkan pendapatan mereka. Di antara aktiviti-aktiviti yang sedang giat dilaksanakan ialah:

- (i) menggalak peneroka mengusahakan projek sampingan yang meliputi ternakan dan tanaman. Saya telah memberi arahan kepada FELDA supaya membolehkan peneroka menggunakan jentera-jentera pertanian yang ada tanpa kos untuk membolehkan aktiviti pertanian berjalan dengan lancar; di samping itu;
- (ii) memberi khidmat nasihat dan bimbingan;
- (iii) menggalakkan perniagaan dan perusahaan kecil;
- (iv) kita juga telah memutuskan supaya FELDA mengeluarkan bantuan pinjaman persekolahan kepada anak-anak peneroka dari Peruntukan Sosial dan Ekonomi Peneroka FELDA yang diselaraskan oleh FELDA. Bantuan pinjaman ini

yang akan dilaksanakan pada penggal pertama persekolahan 1987 adalah bertujuan untuk meringankan beban tanggungjawab peneroka yang menyarai anak yang bersekolah di luar rancangan tanah ini.

Yang Berhormat dari Parit telah menyarankan supaya pihak FELDA berusaha mengurangkan kos pengeluaran kelapa sawit dan getah melalui penambahan produktiviti memandangkan terdapat saingan dari negara pengeluar yang lain seperti Indonesia yang mempunyai buruh yang ramai dan murah. Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa FELDA pada masa ini sedang berusaha mengurangkan kos pengeluaran kelapa sawit dan getah selaras dengan harga komoditi yang begitu rendah. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah mengurangkan kos pembangunan dan penjagaan ladang dan kos pemerosesan.

Ahli Yang Berhormat dari Betong telah menyarankan agar FELDA dan FELCRA dapat mempertingkatkan kegiatan mereka di Sarawak memandangkan usaha mereka telah pun menampakkan kebaikannya. Beliau juga berharap agar RISDA dapat sama-sama menyertai usaha-usaha ini supaya ia dapat membantu pekebun-pekebun kecil getah di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat FELCRA pada masa ini telah pun melaksanakan program bagi memajukan tanah di Sarawak di lima buah rancangan yang luasnya kira-kira 1,331 hektar. Kawasan pelaksanaan ialah di kawasan RASCOM (Rancangan Penempatan Semula Keselamatan). Manakata FELDA pula, Kerajaan Negeri Sarawak telah pun meluluskan tanah seluas 2,023 hektar kepada FELDA untuk dimajukan iaitu di Daerah Bau, Bahagian Satu Sarawak. Keseluruhan kawasan ini akan dimajukan sebagai

Rancangan FELDA Sempadi di bawah program Pembangunan Tahun 1986/87 dengan tanaman kelapa sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga FELDA dan FELCRA sememangnya mempunyai perancangan untuk memperluaskan rancangan pembangunan tanah di Sarawak. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) FELDA dan FELCRA akan meneruskan program Perlaksanaan Tanah di Sarawak sebagaimana yang telah dirancangan dan sekarang ini FELDA menunggu kelulusan dari Kerajaan Negeri untuk memperluaskan kawasanya di Selampit "A", Selampit "B" dan Pasir Jangkar. Mengenai RISDA pula, pada masa ini ianya belum lagi terlibat dengan penanaman semula getah di Negeri Sarawak kerana tanggungjawab ini adalah terletak di bawah Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, jika difikirkan benar-benar perlu maka RISDA holehlah menimbangkan pengluasan aktivitinya di negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Sempoma telah meminta Kerajaan agar syarat-syarat menjadi peneroka FELDA di Sabah hendaklah dibuat secara terbuka supaya memberi peluang kepada golongan separuh umur menyertainya. Ini adalah kerana di Sabah terdapat orang-orang tua yang berminat tentang pembukaan tanah-tanah baru ini serta juga mereka mempunyai pengalaman, bertenaga dan berbadan sihat serta bersemangat dengan kerja ladang dan tanam-tanaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkara ini sukalah saya nyatakan di sini bahawa had umur seseorang yang ingin menyertai rancangan FELDA telah pun ditetapkan iaitu di antara 18 hingga 40 tahun. Ini adalah kerana lingkungan usia yang sedemikian adalah difikirkan amat sesuai kerana

sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kerja-kerja yang akan dilakukan di dalam rancangan FELDA adalah berat yang memerlukan kekuatan fizikal. Ini adalah perlu bagi memastikan kerja-kerja mereka dapat dilaksanakan mengikut jadual dan masa yang telah ditetapkan. Selain daripada itu tempoh bayaran pinjaman FELDA bagi tanah rancangan kepada peneroka ialah 15 tahun dan sekiranya had umur dibenarkan melebihi 40 tahun, mungkin masa tidak cukup bagi peneroka berkenaan membayar kembali pinjaman itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah meminta supaya Kerajaan menempatkan kaum-kaum nelayan di mana-mana satu rancangan tanah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan cara satu kumpulan nelayan ditempatkan dalam sebahagian daripada satu Rancangan Tanah bagi tiap-tiap negeri yang ada Rancangan Tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya melalui FELDA telah pun menempatkan kaum-kaum nelayan di beberapa kawasan rancangan tanah di seluruh Malaysia yang mana kini keseluruhannya berjumlah seramai 2,670 orang. Pecahan penempatan mereka adolah seperti berikut:

| <i>Negeri</i>      | <i>Bilangan</i> | <i>nelayan</i> |
|--------------------|-----------------|----------------|
| 1. Kelantan        |                 | 13             |
| 2. Terengganu      |                 | 802            |
| 3. Pahang          |                 | 869            |
| 4. Johor           |                 | 648            |
| 5. Melaka          |                 | 20             |
| 6. Negeri Sembilan |                 | 72             |
| 7. Selangor        |                 | 24             |
| 8. Perak           |                 | 129            |
| 9. Kedah           |                 | 91             |
| 10. Perlis         |                 | 2              |

Di samping itu FELDA sentiasa membuka peluang kepada sesiapa yang ingin memohon untuk menyertai tanah rancangannya dan ini

termasuklah kaum-kaum nelayan yang mempunyai cukup syarat-syarat kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan mengenai jumlah hakmilik strata yang telah dikeluarkan setakat ini dan ingin mengetahui jangka masa hakmilik strata itu dapat dikeluarkan. Selanjutnya Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai rancangan Kerajaan bagi mempermudah proses-proses kelulusan rancangan dan pertukaran syarat kepada projek perumahan supaya dapat menjimatkan jumlah kos pembinaan kepada pihak pemaju perumahan.

Berhubung dengan pengeluaran hakmilik strata bagi petak-petak dalam bangunan berbilang tingkat setakat 31-5-1986 sebanyak 1,730 hakmilik strata telah dikeluarkan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut, sebanyak 1,222 hakmilik dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 240 hakmilik dikeluarkan di Perak, 112 di Terengganu, 138 di Pulau Pinang dan 18 di Melaka. Di negeri Johor dan Selangor masing-masing menerima satu permohonan dan ia sedang diproses, manakala di negeri Pahang, Kelantan, Perlis, Kedah dan Negeri Sembilan masih belum lagi diterima sebarang permohonan hakmilik strata.

Mengikut kajian awal yang dibuat mengenai tempoh pemerosesan permohonan untuk hakmilik strata, bagi permohonan-permohonan yang memenuhi segala syarat-syarat kelulusan, hakmilik strata dapat dikeluarkan dalam tempoh 7 bulan dari tarikh permohonan. Bagi permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat atau mempunyai masalah-masalah tertentu, jangka masa yang lebih lama diambil dan hakmilik strata dikeluarkan dalam tempoh 26 bulan dari tarikh

permohonan. Kajian awal yang dibuat juga telah mengenalpasti beberapa permohonan yang telah dibuat tetapi mempunyai masalah-masalah tertentu yang belum lagi diselesaikan seperti masalah ukur, masalah tempat letak kereta dan sebagainya. Permohonan-permohonan sedemikian tidak dapat diluluskan dan hakmilik strata tidak dapat dikeluarkan sehinggalah segala syarat-syarat kelulusan telah dipatuhi. Dalam kes-kes tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk menyelesaikan masalah-masalah tertentu dengan kadar segera agar permohonan dapat diluluskan dan hakmilik strata dapat dikeluarkan. Secara ringkas, pengeluaran hakmilik strata biasanya tidak mengambil masa yang lama bagi permohonan-permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelulusan. Sebarang kelambatan yang berlaku dalam pengeluaran hakmilik strata bukanlah berpunca hanya di Pejabat Tanah, kerap kali kelambatan disebabkan oleh pemohon sendiri yang mengambil masa yang lama untuk memenuhi kehendak-kehendak tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang telah membangkitkan masalah kelewatan Pejabat-pejabat Tanah dalam memungut cukai-cukai tanah dan menyarankan supaya Kerajaan dapat mengatasi masalah ini dengan segera.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri sedang berusaha mengatasi kelemahan-kelemahan di dalam mengutip cukai dengan mengadakan komputer bagi setiap daerah. Di negeri Kedah, insya Allah, komputer akan dibekalkan pada bulan Disember, 1986 ini dan diharap ia akan dapat berfungsi di dalam pengutipan cukai pada tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Rajang telah menimbulkan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Projek

Penempatan Semula Nanga Sekua dan seterusnya beliau mencadangkan supaya masalah tersebut dapat diatasi bagi projek-projek yang akan datang.

Berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, saya bersetuju bahawa dalam melaksanakan Projek Penempatan Semula Nanga Sekua, FELCRA telah menghadapi beberapa masalah seperti Yang Berhormat sendiri telah jelaskan, iaitu berkaitan dengan pemilihan peserta adalah berdasarkan keselamatan, bukan atas kesesuaian dan kemampuan menjadi peneroka. Keadaan ini berlaku kerana skim ini sendiri adalah skim keselamatan. Di samping itu, terdapat masalah-masalah lain Yang Berhormat sendiri telah jelaskan dengan panjang lebar.

Berhubung dengan projek yang akan dijalankan pada masa hadapan, Kementerian ini akan mengambilkira cadangan Yang Berhormat kemukakan seperti mengumpulkan peserta di kawasan berdekatan dengan tempat asal mereka. Di samping itu, Kementerian akan berusaha sedaya upaya untuk menentukan projek yang akan dilaksanakan oleh agensi Kementerian ini akan mencapai kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan syor dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyentuh mengenai pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti Kementerian saya, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan insya Allah, segala saranan yang tersebut akan saya beri perhatian dan yang mana difikirkan sesuai, kita akan laksanakan dalam usaha kita untuk memberi manfaat kepada pembangunan negara, khususnya usaha kita membasmikan kemiskinan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru untuk mempertingkatkan taraf hidup

penduduk-penduduk di luar bandar, terutama sekali pada petani, pekebun-pekebun kecil dan juga para peneroka, Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Kehakiman.

7.52 *mlm*.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, pada 5-11-86 Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 telah menimbulkan masalah kes-kes tertanggung di mahkamah-mahkamah. Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa masalah kes tertanggung ini telah beberapa kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang lepas dan Kerajaan telah pun menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.

Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (1) mengadakan satu kajian secara menyeluruh untuk mencari jalan mengatasi masalah ini;
- (2) berusaha mengisi semua jawatan-jawatan Yang di-Pertua Mahkamah Seksyen dan Majistret yang masih kosong;
- (3) menambah bilangan bilik-bilik bicara di mahkamah-mahkamah yang sedia ada;
- (4) membina beberapa buah mahkamah baru; dan
- (5) memperlengkapkan mahkamah-mahkamah dengan alat-alat yang cukup dan moden seperti Word Processor dan Micro-Computer, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya menyatakan bahawa satu kajian yang menyeluruh telah pun selesai dibuat dan hasil dari kajian ini Kerajaan memutuskan agar Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948 (Akta 92) dan Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 (Akta 91) dipertanggungjawabkan melalui semua peringkat di mesyuarat Parlimen yang bersidang sekarang. Adalah diharapkan dengan adanya pindaan-pindaan kepada Akta-akta tersebut yang melibatkan antara lain, penyusunan semula bidang kuasa mahkamah serta langkah-langkah lain yang dimaksudkan itu akan dapat mengatasi masalah kelewatan menyelesaikan kes-kes di semua peringkat mahkamah di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Perusahaan Awam.

7.54 *mlm*,

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Yang Berhormat dari Jerai dan Yang Berhormat dari Serian yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam.

Perkara-perkara yang dibangkitkan itu menunjukkan betapa besarnya minat dan perhatian Ahli-ahli yang berkenaan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah di kawasan masing-masing dan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian saya dan agensi-agensinya yang diletakkan di bawahnya. Semua saranan, perhatian dan cadangan yang dikemukakan itu

akan diteliti dan sekiranya perlu serta sesuai, tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya dan agensi-agensi yang berkenaan.

Izinkan saya terlebih dahulu menyentuh perhatian-perhatian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Wakil dari Jerai dan Yang Berhormat Wakil dari Tanjong Karang berkait dengan LPN, khususnya berkait dengan harga padi, penggredan padi yang dibeli oleh LPN dan potongan-potongan yang dikenakan dan cara bayaran subsidi harga padi. Ini membuktikan mereka bersungguh-sungguh mahukan layanan yang sempurna diberikan kepada penanam-penanam padi bukan sahaja di kawasan mereka, bahkan di seluruh negara jua.

Berhubung dengan harga padi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara tahun 1973 hingga tahun 1980 harga padi telah dinaikkan sebanyak tiga kali. Harga 100 kg. padi gred sederhana dalam tahun 1973 ialah sebanyak \$31.42, manakala harga sekarang ialah \$46.30. Bagi gred panjang pula, harga 100 kg. dalam tahun 1973 ialah \$38.03, manakala harga pada hari ini ialah \$49.60. Harga ini tidak termasuk subsidi yang dibayar sebanyak \$16.54 bagi 100 kg. padi yang dijual. Harga-harga ini adalah jauh lebih tinggi daripada harga-harga padi yang dibayar kepada penanam-penanam padi di lain-lain negara pengeluar padi. Harga-harga padi di negara-negara pengeluar pada masa ini adalah seperti berikut:

Negeri Thai US\$124 metrik tan;

Indonesia US\$159 metrik tan;

Filipina US\$184 metrik tan;

Malaysia US\$261 metrik tan atau lebih 210% tinggi dibanding dengan harga padi di Negeri Thai.

Setiap kenaikan harga padi adalah dibuat dengan berhati-hati kerana setiap kenaikan harga padi boleh

melibatkan kenaikan harga beras. Peranan LPN bukan sahaja memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil kepada petani-petani, malah LPN juga berperanan untuk memastikan harga beras yang berpatutan kepada pengguna-pengguna dengan memberi perhatian yang saksama kepada mereka, lebih-lebih lagi golongan yang berpendapatan rendah.

Berkait dengan penggredan padi yang dibeli oleh LPN dan potongan-potongan yang dikenakan, pernah diterangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa harga padi yang ditawarkan oleh LPN adalah berasaskan kepada padi yang baik, bersih, tidak rosak, kering iaitu wap basah tidak melebihi 14% dan dibeli di pintu kilang. Padi yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut adalah dikenakan potongan untuk mutu yang diasaskan kepada satu jadual yang telah digunakan bukan sahaja oleh LPN, tetapi juga diamalkan di negara-negara pengeluar padi yang lain, bahkan potongan-potongan yang dibuat oleh LPN adalah lebih rendah daripada potongan yang dibuat di lain-lain negara pengeluar padi dan beras.

Di negara-negara lain, padi yang bermutu rendah tidak akan diterima oleh pihak pembeli dan keseluruhan kerugian adalah ditanggung oleh pesawah-pesawah itu sendiri, sebaliknya LPN tidak akan menolak padi yang dibawa oleh pesawah-pesawah walaupun mutunya begitu rendah kerana Kerajaan tidak mahu menyusahkan rakyat. Walau bagaimanapun, pesawah-pesawah hendaklah sedar bahawa mereka boleh mendapat harga padi yang paling tinggi untuk padi mereka sekiranya padi yang dijual itu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pesawah-pesawah perlulah memberi penjagaan yang sempurna ke atas tanaman-tanaman padi supaya padi yang ditanam itu

boleh memberi hasil buah yang baik, menanam dan menuai mengikut jadual yang diarahkan, menuai hanya apabila padi telah cukup masak, tidak menjual padi yang terlalu basah dan banyak sampah seperti jerami. Terdapat berbagai-bagai agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan, termasuk LPN sendiri yang boleh dan bersedia memberi panduan dan tunjuk ajar kepada pesawah berkait dengan perkara-perkara ini.

Masalah LPN mendapat keuntungan yang banyak daripada operasi belian padi tidak langsung berbangkit kerana LPN belum pernah mendapat keuntungan dari operasi ini malahan menghadapi kerugian tiap-tiap tahun.

Berkait dengan cara bayaran subsidi harga padi, setakat ini LPN tidak bercadang hendak menukar sistem yang ada sekarang. Sebenarnya beberapa cara telah pun digunakan oleh LPN, misalnya pada tahun 1980 apabila skim ini mula-mula diperkenalkan, pesawah-pesawah boleh melabur terus subsidi yang dibayar kepada mereka ke institusi-institusi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Amanah Saham MARA, malangnya sambutan kepada sistem ini didapati tidak memuaskan dan sebahagian kecil sahaja pesawah-pesawah yang menggunakan kemudahan ini. Dalam tempoh pelaksanaan kupon pelaburan skim subsidi harga padi pada tahun tersebut hanya \$130,398 daripada \$88 juta nilai kupon yang dikeluarkan telah dilaburkan ke institusi-institusi kewangan tersebut.

Di bawah sistem yang diamalkan sekarang, kupon yang bernilai kurang daripada \$150 boleh ditunaikan di pusat-pusat belian, manakala kupon yang melebihi \$150 boleh ditunaikan di kompleks-kompleks LPN atau di mana-mana bank. Kupon-kupon boleh ditunaikan dalam tempoh 3

bulan dari tarikh kupon tersebut dikeluarkan. Adalah menjadi tanggungjawab petani-petani untuk menunaikan kupon-kupon tersebut dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, jika mereka gagal berbuat demikian atas sebab-sebab tertentu, pembayaran masih juga dibuat oleh LPN.

Sebagaimana yang sedia maklum, LPN telah mengambil tindakan bagi memperkemaskan lagi sistem bayaran subsidi harga padi dengan mendaftarkan semua pesawah-pesawah padi bertujuan untuk memastikan tidak berlakunya penyelewengan. Untuk memperkemaskan lagi sistem ini, LPN telah diarah mengkaji kemungkinan mendapatkan pengesahan ketua-ketua kampung dan penghulu berkait dengan maklumat-maklumat yang diberi oleh pesawah-pesawah kepada LPN semasa pendaftaran dibuat. Tindakan ini bertujuan untuk menentukan bahawa petani yang tulen sahaja diberikan bantuan subsidi. Di antara maklumat-maklumat yang perlu disahkan ialah tentang keluasan sawah yang sebenarnya diusahakan bagi satu-satu musim.

Yang Berhormat Wakil Serian membangkitkan berkaitan dengan bidang kuasa Menteri Perusahaan Awam terhadap Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), khususnya PKEN Sarawak.

Suka saya memaklumkan bahawa Akta Pemperbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri), 1962 dan Akta Tugas-tugas Menteri, 1969 memperuntukkan kuasa kepada Menteri bagi mengawas semua PKEN di Semenanjung Malaysia. Bagi PKEN Sarawak pula, kuasa Menteri adalah diberi di bawah Akta Tugas-tugas Menteri, 1969 sahaja.

Perlu saya maklumkan juga di dalam Dewan yang mulia ini bahawa selain daripada kuasa-kuasa Menteri

mengawas PKEN-PKEN, pengawasan juga adalah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sebagai Pengerusi-pengerusi PKEN, kecuali PKEN Sabah dan Sarawak, maka mereka berhak menentukan dan membuat dasar serta strategi-strategi bagi tiap-tiap PKEN masing-masing.

Selain daripada peruntukan undang-undang, pengawasan juga dibuat melalui pendekatan pentadbiran terhadap PKEN-PKEN yang berkenaan. Kementerian telah melantik pegawai-pegawai kanannya sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah semua PKEN. Dengan adanya peruntukan undang-undang dan juga cara-cara pentadbiran inilah pengawasan, penyelarasan dan penilaian terhadap PKEN-PKEN itu dibuat.

Khusus mengenai projek yang disifatkan sebagai prestigious, dengan izin, yang dilaksanakan oleh PKEN Sarawak, sukalah saya menjelaskan di sini iaitu PKEN telah metaksanakan projek-projek yang berkaitan selaku pelopor untuk projek-projek tersebut yang merupakan projek-projek yang memerlukan pelaburan yang besar serta kepakaran tertentu. Setakat ini pihak swasta belum menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan projek-projek seperti ini. Secara jangka panjang projek-projek berkenaan diharapkan akan menimbulkan limpahan aktiviti ekonomi yang boleh diambil bahagian oleh masyarakat tempatan di negeri Sarawak.

Perlu saya tegaskan juga bahawa PKEN-PKEN tidak boleh terlibat dalam melaksanakan projek-projek prestigious, dengan izin, bahkan boleh dikatakan kebanyakan projek-projek PKEN adalah merupakan projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat jelata seperti projek-projek perumahan, pembinaan gerai-gerai

perniagaan dan sebagainya. Masalah persaingan di antara PKEN dengan pemborong-pemborong bumiputera tidak berbangkit kerana peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong bumiputera juga mendapat faedah daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh PKEN dengan penglibatan secara langsung pelaksanaan projek-projek tersebut.

Selain dari itu, PKEN-PKEN juga telah diarahkan untuk tidak melibatkan diri dengan projek-projek kecil atau, dengan izin down stream projects, yang mana pihak bumiputera mempunyai keupayaan mempeloporinya.

Dari segi menolong dan membimbing bumiputera seperti mana yang diharapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru, usaha ini adalah merupakan satu program berterusan bagi kesemua PKEN terutama sekali melalui rancangan bimbingan masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Kementerian Pertanian.

*8.05 mlm.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membina ke atas Kementerian Pertanian semasa pembahasan Belanjawan tempoh hari.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah bertanya mengapakah kita belum berjaya untuk mengurangkan pergantungan terhadap bahan-bahan makanan yang diimport sebanyak kira-kira \$3.1 billion setahun. Ingin dijelaskan terhadap beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan ini.

Kalau kita lihat dari segi jenis-jenis bahan makanan yang diimport didapati ada bahan-bahan yang tidak boleh dikeluarkan di negara ini memandangkan keadaan iklim di negara kita. Terdapat juga beberapa jenis komoditi pertanian yang boleh dikeluarkan di negara ini, tetapi dari segi ekonominya adalah tidak menguntungkan bagi komoditi-komoditi tersebut dikeluarkan di negara ini memandangkan kos pengeluaran yang tinggi. Bagi mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan ini, Kementerian telah pun menyusun strategi-strategi dan program untuk menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan yang boleh dikeluarkan di negara ini dari segi agro-iklim dan juga dari segi ekonomi.

Berhubung dengan saranan beliau supaya dasar penanam terbuka (open cultivation), dengan izin, dijalankan, ingin saya tegaskan di sini bahawa cadangan tersebut adalah senang untuk diucapkan tetapi berbagai masalah akan timbul jika dilaksanakan. Sebagai contoh untuk satu keping tanah itu akan mengambil masa untuk mengkaji siapa yang benar-benar layak di antara pemohon tersebut. Jika tidak beliau berkata tidak adil pula. Mungkin di antara mereka yang tidak dapat tanah tersebut akan merasa tidak puas hati dan akhirnya akan mencetuskan pergaduhan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star dan Jerai telah meminta Kerajaan memberi perhatian dalam membangunkan industri perikanan dan juga dalam meningkatkan taraf hidup nelayan-nelayan pantai. Ingin dijelaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas perkara ini. Antara program-program yang dijalankan bagi memastikan supaya pengeluaran ikan laut pantai tidak terus merosot ialah dengan menyusun semula hakmilik unit-unit bot

menangkap ikan bagi membenarkan hanya pemilik pengusaha sendiri sahaja mengusahakan di zon A dan B, pembinaan tukun-tukun tiruan di kawasan tepi pantai dengan menggunakan tayar-tayar buruk untuk menambah kawasan pembiakan ikan yang terlindung, mewujudkan kawasan taman laut, rizab laut bagi pemulihan flora dan fauna aquatic di kawasan tersebut dan juga mendaftarkan nelayan sebagai langkah perancangan gunatena bagi mengawal kemasukan nelayan ke sektor perikanan.

Bagi pembangunan perikanan laut dalam pula, Kerajaan sekarang sedang memberi keutamaan untuk membangunkan perikanan laut dalam untuk menerokai sumber-sumber ikan di zon ekonomi eksklusif kerana jika tidak kita terpaksa membenarkan bot-bot asing menerokai sumber-sumber tersebut.

Berasaskan kepada maklumat sumber yang sedia ada bagi perairan sehingga 60 batu nautika dari pantai, satu kuota sebanyak 196 bagi Pantai Timur dan 50 bagi Pantai Barat telah diperuntukkan untuk menerokai perairan 60 batu nautika ke atas. Saiz bot yang digalakkan adalah 70 gross tonnage, dengan izin, ke atas dan kawasan yang dibenarkan adalah 30 batu dari pantai dan ke atas. Bagi membantu nelayan-nelayan tempatan dalam menjayakan usaha bagi penangkapan ikan laut dalam, Kerajaan memberi beberapa dorongan seperti berikut:

- (a) Kajian sumber yang memberi gambaran tentang stok di perairan yang belum terdapat maklumat terperinci seperti yang dijalankan dengan kapal kajian "FAO M.V. RASTRELLIGER"; di samping kajian "kemandiran" di laut dalam kawasan antara 12 hingga ke 60 batu nautika.

- (b) perlindungan dan keselamatan melalui Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime, satu agensi yang menyelaras, menguatkuasa dan bertindak ke atas sebarang pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia;
- (c) kemudahan infrastruktur seperti di Chendering, Terengganu yang memberi kemudahan kepada bot-bot bermuatan sehingga 150 gross tonnage. Selain dari itu, di Kuala Sedeli dan Kuala Besut terdapat juga kompleks perikanan sederhana untuk kemudahan bot sehingga 70 gross tonnage;
- (d) kemudahan latihan di Institut Perikanan Malaysia di Batu Maung dan di Seberang Takir, Kuala Terengganu untuk nelayan-nelayan dalam bidang tangkapan laut dalam;
- (e) kemudahan kredit melalui Bank Pertanian dengan syarat-syarat pinjaman yang mudah dan pengecualian cukai import ke atas modal perkakas dan peralatan serta pengecualian cukai pelaburan di bawah Investment Tax Allowance of 100%, dengan. Di samping itu cukai pengecualian juga diberikan kepada import barang seperti enjin diesel kuasa 40 kilowatt ke atas dan lain-lam alat seperti winches, power block, net drum dan line hauler.

Selain daripada langkah-langkah tersebut di atas, Kerajaan merumuskan beberapa langkah yang baik bagi memperhebatkan pelaksanaan perikanan laut dalam melalui usahasama di antara industri perikanan pantai barat dengan industri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, usahasama antara pengusaha perikanan Semenanjung Malaysia

dengan pengusaha perikanan Sabah/Sarawak dan juga usahasama antara pengusaha perikanan Malaysia dengan pengusaha perikanan negara asing.

Dari segi pemasaran pula, mulai tahun 1986 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan Sistem Pelelongan Ikan secara terbuka di kompleks-kompleks LKIM di mana hasil tangkapan nelayan didaratkan dan ikan-ikan mereka dilelong. Harga-harga ikan disebutkan secara terbuka oleh pelelong dan nelayan dibayar dengan harga yang tinggi. Sistem ini telah dapat menghindarkan perbuatan eksploitasi orang tengah. Sehingga akhir bulan Oktober tahun 1986 ini, 5 buah kompleks LKIM telah pun melaksanakan sistem lelong secara terbuka ini iaitu di Geting, Kelantan, Mersing dan Kuala Sedeli di Johor, Kuala Kedah di negeri Kedah dan Batu Maung di Pulau Pinang. Sehingga akhir tahun ini, 3 buah kompleks lagi akan melaksanakan sistem pelelongan terbuka ini.

Kesan yang paling ketara sekali ialah sistem ini telah dapat memberi kenaikan harga ikan sebanyak purata 50%. Ia juga telah dapat meningkatkan pendapatan nelayan. Contohnya, di Kuala Kedah, pendapatan nelayan (awak-awak) yang menyertai sistem ini telah meningkat dari \$300 hingga \$600 sebulan, manakala pendapatan Taikong pula pendapatan mereka telah meningkat sehingga \$1,000 lebih sebulan. Bagi nelayan yang tidak menjual ikan mereka melalui sistem lelong, nelayan-nelayan boleh memasarkan hasil tangkapan mereka melalui Persatuan Nelayan. Persatuan Nelayan membeli ikan secara tunai dengan harga yang lebih baik daripada yang ditawarkan oleh orang tengah.

Bagi nelayan-nelayan yang ingin menyertai rancangan-rancangan tanah Kerajaan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menguruskan latihan bagi program pemuliharaan ini dan sehingga

kini seramai 50 orang nelayan telah dipindahkan ke rancangan FELDA. Usaha akan terus dijalankan oleh LKIM bagi memindahkan nelayan-nelayan yang tidak produktif itu ke sektor-sektor lain yang boleh membaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Bagi mengatasi masalah eksploitasi orang tengah ke atas nelayan-nelayan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong, LKIM dan Kerajaan Negeri Sarawak telah melancarkan program pembekalan ikan ke sekolah-sekolah, Jabatan Penjara dan Pusat Pemulihan Dadah. Program ini telah mula dijalankan pada tahun 1984 dan bekalan ikan disalurkan oleh nelayan melalui Persatuan Nelayan. Pada tahun 1985 empat buah Persatuan Nelayan telah terlibat di dalam program ini. Mengikut perancangan, Kerajaan Negeri Sarawak akan memberi peluang kepada empat buah lagi Persatuan Nelayan di Sarawak untuk membekalkan ikan ke sekolah-sekolah mulai tahun 1987. Ini menjadikan bilangan Persatuan Nelayan yang terlibat sebanyak lapan buah. Dengan ini adalah menjadi hasrat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memastikan nelayan mendapat harga yang lebih baik daripada yang boleh diberi oleh orang tengah, di samping memberi jaminan pasaran ikan kepada nelayan-nelayan.

Berhubung dengan seruan Ahli Yang Berhormat dari Semporna, ingin dijelaskan bahawa buat masa ini Akta Lembaga Kemajuan Ikan belum lagi diwartakan di negeri Sabah. Oleh itu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak mempunyai kuasa menjalankan projek-projek di negeri tersebut. Walaupun demikian, pihak Kementerian sedia meluluskan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan aktivitinya ke Sabah sekiranya pihak Kerajaan Sabah memikirkan perlu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pendang, Parit, Marudu dan Jambongan telah menyentuh mengenai projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dan juga pembangunan pertanian di kawasan-kawasan yang sedia ada. Ingin dijelaskan bahawa memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang ini, Kementerian tidak akan melancarkan projek IADP yang baru dan akan menumpukan perhatian ke atas pembangunan projek-projek IADP yang sedia ada. Walaupun begitu, apabila keadaan ekonomi mengizinkan, pelaksanaan projek-projek IADP yang dirancangkan seperti "Tumboh Blok" di negeri Perak akan dijalankan.

Ingin juga dinyatakan bahawa setiap IADP yang dijalankan telah ditubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan bersama oleh Menteri-menteri Besar dan Yang Berhormat Menteri Pertanian atau Timbalannya atau Ketua Setiausaha Kementerian. Jawatankuasa ini adalah berperanan, antara lain, untuk menyelesaikan masalah pelaksanaan, serta penyelarasan yang timbul. Oleh itu adalah jelas bahawa segala masalah yang timbul dapat diselesaikan. Bagi kawasan-kawasan yang tiada mempunyai IADP, agensi-agensi pertanian yang ada akan terus memberi perhatian kepada pembangunan di satu kawasan pertanian yang sedia ada.

Mengenai peranan MARDI dan aktiviti penyelidikan pertanian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit dan Tanjong Karang, saya ingin menjelaskan di sini bahawa jawapan yang panjang lebar mengenai perkara tersebut telah diberikan di Dewan yang mulia ini pada 6hb November, 1986 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai pemasaran hasil-hasil pertanian yang keseluruhannya telah menyuarakan supaya sistem pemasaran hasil-hasil pertanian dapat dipertingkatkan. Kementerian sememangnya mengambil perhatian yang sewajarnya dalam masalah pemasaran di mana Kementerian melalui agensinya iaitu FAMA, telah menubuhkan Pasar-pasar Tani bagi memberi peluang yang lebih kepada petani-petani memasarkan hasil-hasil mereka. Jumlah Pasar-pasar Tani akan ditambah dari masa ke semasa. Usaha-usaha memasarkan hasil-hasil pertanian kita keluar negeri juga dijalankan.

Menyentuh mengenai pemasaran kelapa, ingin dinyatakan bahawa harga kelapa dan kopra adalah bergantung kepada pasaran luar negeri. Dalam hal ini Kementerian tidaklah lagi menggalakkan penanaman kelapa, dan tanaman kelapa yang sedia ada adalah digunakan sebagai tanaman selingan kepada tanaman koko. Bagi meningkatkan usaha pemasaran kelapa, Kementerian Pertanian telah mengadakan kempen bagi menggalakkan minuman air kelapa muda. Yang Berhormat Menteri sendiri menjayakan kempen ini dan sekarang ini permintaan bagi kelapa muda telah dapat ditingkatkan.

Cadangan mewujudkan Pasaran Hadapan Kedua seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang pengeluaran pertanian kita belum lagi begitu sophisticated, dengan izin, dan mendesak bagi penubuhan Pasaran Hadapan Kedua ini. Tambahan pula FAMA adalah peranan untuk memberi khidmat sokongan pasaran seperti maklumat-maklumat pasaran

bagi membolehkan perancangan pengeluaran bahan-bahan pertanian dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini. Saya tidak dapat menjawab semua pendapat yang dikemukakan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengambil perhatian kepada semua komen-komen tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Kementerian Pertahanan.

*8.21 mlm.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Pertahanan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pertahanan semasa perbahasan tersebut. Di antaranya, beliau telah menyarankan agar persediaan Angkatan Tentera dalam mempertahankan negara hendaklah diadakan di tahap yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana kemelesetan ekonomi negara yang kita hadapi sekarang serta dengan keadaan pergolakan serantau dan antarabangsa yang kian mencabar ini, kita tidak boleh mengabaikan keperluan keselamatan negara. Usaha

untuk mempermoden dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Walaupun rancangan perkembangan Angkatan Tentera tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, namun keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera mengekalkan keselamatan dan keamanan negara tidak pernah terjejas, supaya pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar dalam suasana aman ini.

Persediaan Angkatan , Tentera dalam pertahanan negara adalah berada di tahap yang tinggi. Walaupun keadaan negara meleset, namun itu tidak menjadi penghalang kepada pembangunan profesionalisme para anggotanya. Angkatan Tentera mempunyai strategi tertentu dalam memastikan mutu dan kecekapan setiap pegawai dalam tahap yang baik serta bersesuaian dengan kehendak ketenteraan masa kini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Angkatan Tentera mengadakan latihan, dengan izin, exercise, secara besar-besaran, terutamanya latihan yang melibatkan anggota tentera negara lain, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, latihan dalam kerjaya tentera adalah perkara yang mesti. Latihan mesti dijalankan bagi mengekalkan tahap kecekapan serta sebagai persiapan untuk perang conventional dan menentang insurgency. Latihan-latihan ini dikendalikan oleh setiap perkhidmatan serta latihan bersama ketiga-tiga perkhidmatan. Latihan-latihan yang melibatkan anggota tentera asing juga diadakan dari masa ke semasa. Umpamanya latihan tentera dengan negara-negara di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara iaitu negara Australia, New Zealand, United Kingdom dan Singapura diadakan setiap tahun. Dalam Jawatankuasa Bersama

Sempadan, Malaysia/Indonesia dan Malaysia/Thailand, beberapa siri latihan bersama dengan tentera Indonesia dan Thailand juga sentiasa diadakan. Bagi tahun 1987, beberapa siri latihan bersama-dengan anggota tentera negara asing telah dirancang di mana latihan-latihan tersebut akan diadakan di dalam dan di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar ini juga mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan menambah peluang-peluang untuk mengikuti kursus bagi anggota-anggota tentera, Memang itulah hasrat Kementerian saya untuk melengkapkan semua anggota tentera dengan berbagai ilmu pengetahuan yang secukupnya supaya mereka benar-benar berkemampuan untuk mempertahankan negara. Justru itulah anggota tentera diberi peluang untuk mengikuti latihan dan kursus sepanjang perkhidmatannya. Kursus ini melibatkan kursus kerjaya serta latihan meningkatkan di bidang masing-masing dan kursus-kursus ini kebanyakannya diadakan di dalam negeri, di Pusat-pusat Latihan Tentera seperti di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera, Maktab Turus Angkatan Tentera. Anggota Tentera juga diberi peluang untuk mengikuti kursus di universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

Untuk latihan pengkhususan Angkatan Tentera, mereka dihantar ke Pusat Pengajian Tinggi serta Pusat-pusat Latihan Tentera di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Italy, India, United Kingdom dan lain-lain negara lagi. Kursus-kursus tempatan memang dirancang untuk memberi peluang kepada semua anggota tentera menjalankan kursus sama ada kursus yang berbentuk kerjaya dan functional. Bagi kursus-kursus di luar negeri pula, memandangkan peruntukan kewangan bagi tahun 1987 telah dikurangkan, maka Kementerian ini hanya menumpukan kepada

kursus-kursus yang penting yang difikirkan perlu sahaja. Namun demikian kursus-kursus yang dianjurkan di bawah skim bantuan negara asing akan diteruskan.

Mengenai pengawalan Angkatan Tentera Malaysia khasnya Tentera Laut Di Raja di Zon Ekonomi Eksklusif, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam, sukalah saya menjelaskan bahawa di bawah Akta Zon Ekonomi Eksklusif, kita hanya berhak menguatkuasakan Undang-undang Perikanan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif. Di samping itu, kita juga mempunyai hak sepenuhnya ke atas sumber-sumber semulajadi di perairan Zon Ekonomi Eksklusif. Peranan utama TLDM pada keseluruhannya adalah Pertahanan Maritim Negara. Dalam memikul tanggungjawab ini, TLDM sentiasa menjalankan pengawasan maritim, dengan izin, maritime surveillance dan rondaan di Zon Ekonomi Eksklusif. Rondaan-rondaan yang dijalankan adalah khasnya untuk, show of presence, dengan izin, kawalan perikanan, fishery protection, dengan izin dan keselamatan pelantar-pelantar minyak. Di setiap wilayah lautan, satu skuadron kapal ronda ditugaskan untuk menjalankan tugas-tugas penguasaan maritim. Mengenai rondaan kawalan perikanan dan keselamatan pelantar-pelantar minyak, beberapa buah kapal ronda akan menjalankan rondaan pada satu masa selama 3 hingga 5 hari mengikut giliran.

Selain dari itu, squadron sweep, dengan izin, juga diadakan dah masa ke semasa yang mengandungi kapal-kapal dari Panglima Armada di Lumut. Kegiatan-kegiatan ini diadakan berterusan demi untuk menjamin kedaulatan dan keselamatan negara. Di samping itu, kawalan-kawalan ketat sentiasa dibuat

oleh tentera-tentera kita di tempat-tempat strategik yang mungkin terdedah kepada ancaman. Bahagian perisikan Angkatan Tentera sentiasa mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini bagi menentukan supaya Angkatan Tentera kita tidak terperangkap dengan keadaan yang tidak terduga.

Mengenai keraguan tentang kemampuan pesawat pejuang F5E yang digunakan oleh TUDM sekarang, di sini suka saya menyatakan bahawa walaupun pesawat ini sudah agak lama digunakan, namun prestasinya masih baik. Senggaraan yang dilakukan oleh TUDM terhadap pesawat ini telah mendapati ianya masih selamat untuk digunakan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam sedia maklum, di samping pesawat pejuang F5E, TUDM kini sudah memiliki pesawat pejuang A4 Skyhawk yang sekarang ini telah pun beroperasi. Dengan adanya pesawat ini akan menambah kemampuan Angkatan Tentera kita mengawal keselamatan dan keamanan negara ini.

Mengenai masalah perumahan untuk anggota-anggota tentera, Kementerian saya memberi keutamaan yang tinggi dalam soal ini. Usaha-usaha telah pun dibuat untuk mengurangkan masalah ini di mana Kementerian saya telah diberi peruntukan untuk perumahan Angkatan Tentera sebanyak \$500 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Matlamat Kementerian adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan secara menyeluruh bagi menampung keperluan tempat kediaman anggota-anggota tentera. Tetapi oleh kerana beberapa masalah yang dihadapi seperti kemelesetan ekonomi, jangka masa pembinaan yang panjang dan lain-lain lagi menyebabkan masalah kekurangan ini belum dapat diatasi

sepenuhnya dalam jangka masa yang pendek. Walau bagaimanapun, sebanyak 478 unit rumah kelamin untuk anggota tentera sedang disiapkan melalui rancangan perumahan 1986 ini. Sebanyak 288 unit di Semenanjung dan 190 unit lagi di negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah berjaya membeli sebanyak 1,373 unit dan membina 5,772 unit rumah kediaman tentera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pula mengesyorkan supaya pembelian peralatan untuk pertahanan dikaji dengan teliti supaya tidak menjadi pembaziran. Suka saya menjelaskan di sini setiap pembelian alat kelengkapan pertahanan, beberapa proses kawalan mutu sentiasa dibuat agar alat-alat pertahanan itu benar-benar sesuai bagi memenuhi objektif tentera dan kehendak negara sejajar dengan keupayaan membeli dan pengurusan pengendaliannya. Proses penaksiran, dengan izin, evaluation, dan percubaan, dengan izin, trial yang rapi mesti dijalankan. Jawatankuasa Penilai juga ditubuhkan untuk menilai secara objektif sama ada memenuhi syarat penilaian dan keperluan. Dalam keadaan ekonomi sekarang setiap pembelian alat kelengkapan hanya akan dibuat terhadap yang benar-benar diperlukan sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah menyentuh mengenai masalah penangguhan pelaksanaan Projek Gong Kedak oleh Kementerian Pertahanan. Saya sedar iaitu perlaksanaan Projek Gong Kedak telah ditangguhkan buat sementara waktu. Tanah di Gong Kedak itu bukanlah tanah terbiar, tetapi tanah projek Kementerian Pertahanan yang terpaksa ditangguhkan oleh sebab keadaan ekonomi sekarang.

Kementerian Pelajaran akan berusaha untuk meneruskan projek ini apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan dan ulasan saya terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 yang lalu. Segala pandangan yang dibentangkan itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Pelajaran.

8.57 *mlm.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Pelajaran serta mengemukakan cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dan teguran-teguran untuk memperbaiki perkhidmatan pelajaran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan kemudahan-kemudahan fizikal sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar bandar yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Marudu, Kimanis, Serian, Limbawang, Pensiangan, Rantau Panjang, Sibul dan Balik Pulau, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha dan memberi keutamaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan fizikal, terutamanya dalam pembinaan bilik darjah. Dalam tahun 1986 umpamanya, Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih kurang \$309.8 juta untuk membina 4,299 bilik darjah

sekolah rendah dan \$620.6 juta untuk membina 2,874 bilik darjah sekolah menengah di seluruh negara.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk, kalau hendak beri jalan!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Bolehkah perlahan sedikit, sebab kita payah hendak kejar?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Insya Allah kawan saya di sebelah pun ketawa mendengar saya membaca cepat sangat.

Oleh kerana Kementerian Pelajaran memang menyedari jurang perbezaan taraf pelajaran antara bandar dengan luar bandar, maka usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk mengatasi kekurangan yang wujud di sekolah-sekolah luar bandar. Di antaranya termasuklah tindakan untuk mengubahsuai, membaiki dan menggantikan nama-nama bangunan-bangunan yang sudah lama dan tidak sesuai digunakan lagi.

Dalam tahun 1986 misalnya, Kementerian Pelajaran menjalankan sebanyak 98 projek menggantikan bangunan-bangunan lama sekolah-sekolah di negara ini. Sehubungan dengan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran dan Kota Setar kerana menyokong rancangan Kementerian Pelajaran untuk menyalurkan lebih banyak peruntukan kepada kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pelajaran memperuntukkan lebihkurang \$784.9 juta untuk membina 8,997 buah bilik darjah sekolah rendah dan \$656.8 juta untuk membina 3,114 bilik darjah di sekolah menengah di seluruh negara. Lebihkurang \$265.4 juta diperuntukan bagi mengubahsuai dan menaikkan taraf sekolah rendah dan \$166.6 juta untuk sekolah menengah, Kementerian Pelajaran akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan projek-projek yang mendesak ini, terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam keadaan ekonomi negara yang merosot sekarang tentulah masa yang panjang diperlukan untuk mengatasi semua masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal projek pasang siap yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tebrau, suka saya menyatakan bahawa sebenarnya terdapat 43 projek pembinaan sekolah secara pasang siap di Johor, iaitu 40 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah. Projek ini telah tergendala pembinaannya kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan. Kemeoterian Pelajaran telah pun menamatkan kontrak yang lama dan melantik kontraktor-kontraktor yang baru untuk meneruskan pembinaan sekolah-sekolah berkenaan. Setakat ini sebanyak 10 buah projek telah dapat disiapkan, sementara yang lain diberbagai peringkat pembinaan. Sekolah-sekolah yang belum siap termasuk dalam kawasan Tebrau dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Kimanis dan Serian bahawa murid-murid luar bandar sentiasa kebelakangan dalam mata pelajaran sains, perdagangan, muzik

dan bahasa Inggehs, kerana tidak mendapat guru-guru berkelayakan dalam bidang tersebut dan juga saranan kemungkinan Kerajaan melonggarkan syarat-syarat pengambilan guru khasnya dalam Bahasa Malaysia. Suka saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha membuat pengagihan guru-guru dengan adil dan seimbang di antara sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan bandar supaya tahap pencapaian akademi murid-murid luar bandar sama dengan pencapaian murid-murid di bandar. Tetapi oleh kerana negara sekarang menghadapi masalah kekurangan guru-guru yang terlatih dalam beberapa bidang pengajaran terutama bahasa Inggeris dan perdagangan maka pengagihan guru-guru terlatih tidak dapat dibuat dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, perlahan sedikit, saya rasa susah hendak rekodkan ucapan ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya,** terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kasihan tengok Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana masa sudah lewat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak apa, kita sudah buang banyak masa.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** ....jadi hendak jumpa anak isteri di rumah di masa yang lewat begini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, perlahan sedikit, jangan laju.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih, umpamanya menambah pengambilan calon-calon untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan dari 5,000 .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau boleh ketawa dahulu, dan jawab kemudian (*Ketawa*).

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.** Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih, umpamanya, menambah pengambilan calon-calon yang memasuki Maktab-maktab Perguruan dari 5,000 setahun ke 10,000 setahun mulai tahun 1985. Gerakan ini atau tindakan ini akan berterusan sehingga tahun 1992, di samping itu Kementerian Pelajaran juga mengambil siswazah-siswazah sastera anjuran JPA dan MARA untuk memasuki lapangan perguruan dan mengisi kekosongan yang ada dengan guru-guru yang telah bersara serta guru-guru sandaran.

Dalam usaha untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di Sabah dan Sarawak pula, Kementerian Pelajaran memang berusaha menempatkan lebih ramai guru-guru keluaran maktab dan universiti ke Sabah dan Sarawak. Di samping itu calon-calon dari Sabah dan Sarawak diberi biasiswa Kementerian Pelajaran untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan maktab perguruan. Kementerian Pelajaran juga memberi keutamaan kepada calon-calon dari Sabah dan Sarawak dalam pengambilan memasuki Maktab-maktab Perguruan di negeri-negeri tersebut. Walaupun ada calon-calon yang diambil dari Semenanjung apabila tiada calon-calon yang berkelayakan dari Sabah

dan Sarawak, tetapi mereka itu akan ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak apabila tamat latihan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai melonggarkan syarat Bahasa Malaysia dari kepujian kepada lulus pula, Kementerian Pelajaran tidak dapat berbuat demikian kerana syarat kepujian itu diperlukan bagi memasuki perkhidmatan perguruan. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga tidak menghadapi masalah kekurangan calon-calon yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan dan kami percaya bahawa guru-guru ialah golongan yang mengajar murid-murid mencintai Bahasa Kebangsaan dan sudah tentulah baik untuk kita menegaskan bahawa guru-guru mesti mempunyai taraf tingkat yang tinggi dalam penguasaan Bahasa Malaysia kerana mereka ialah ditugaskan untuk mengajar orang yang mungkin belum lagi mencintai dan menikmati Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji bahawa Kementerian Pelajaran tidak adil dalam menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Suka saya menyatakan bahawa bilangan calon-calon di Maktab-maktab Perguruan yang mengikuti kursus pengajian China telah ditambah dari 463 orang dalam tahun 1983 kepada 885 orang dalam tahun 1986, dan untuk kursus pengajian Bahasa Tamil pula telah bertambah dari 71 orang dalam tahun 1983 kepada 122 orang dalam tahun 1986. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga telah mewujudkan kursus dalam cuti bagi guru-guru sandaran bahasa China dan Tamil. Semua guru-guru yang layak akan diterima. Sebagai

contoh seramai lebih kurang 1,680 orang yang layak telah diterima berkursus dalam tahun 1986 sungguhpun unjuran keperluannya cuma 1,200 orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah menimbulkan kekurangan kelas Tingkatan Enam di sekolah-sekolah di Sarawak dan mendakwa sehingga ke hari ini tiada satu pun kelas Tingkatan Enam di Sarikei. Dalam hubungan ini saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya kelas Tingkatan Enam telah ditubuhkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Meradong, Bintanggur di daerah Sarikei sejak beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar-pelajar yang layak masuk ke Tingkatan Enam di daerah ini sangatlah kurang. Contohnya, sejak dua tahun kebelakangan ini Jabatan Pelajaran Sarawak telah merancang 5 kelas Tingkatan Enam Rendah tetapi malangnya hanya 3 kelas sahaja yang dapat dibuka. Oleh kerana itu, pelajar-pelajar dari daerah-daerah lain seperti Kenawit dan Kapit terpaksa dibawa masuk ke Sarikei untuk memenuhi tempat-tempat kosong di Tingkatan Enam Rendah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kekurangan dan kelewatan bekalan buku teks yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pensiangan dan Sibu, saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya pembekalan dan pendedaran buku teks dibuat oleh pihak penerbit berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pihak sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil perhatian berat mengenai pembekalan buku-buku teks ke sekolah-sekolah berkenaan dengan mengarahkan pihak penerbit memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di

pendalaman terutama sekali di Sarawak dan Sabah. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga sentiasa mengesan pembekalan buku-buku teks tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Serian telah menimbulkan soal ejaan yang selalu bertukar-tukar dan menimbulkan kekeliruan kepada guru-guru dan murid-murid. Beliau menyeru supaya Dewan Bahasa dan Pustaka bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran menyelaraskan perkara ini. Berhubung dengan perkara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka memang bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran terutama sekali dengan Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Sekolah-sekolah dalam menyelaraskan istilah-istilah dan ejaan-ejaan di sekolah-sekolah. Berkenaan dengan ejaan, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran sudah bersetuju menggunakan Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia sebagai rujukan rasmi. Tentang istilah pula Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah bersetuju khasnya dengan pihak Lembaga Peperiksaan bahawa setiap istilah baru yang digunakan itu diberi tempoh waktu sekurang-kurangnya lima tahun. Selepas lima tahun istilah-istilah itu boleh dibincangkan dan jika perlu disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah mendakwa bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada membuat terjemahan karya-karya Tamil dan Cina ke dalam Bahasa Malaysia. Berhubung dengan perkara ini, saya suka menjelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun membuat beberapa terjemahan karya-karya dalam bahasa Tamil dan Cina ke dalam Bahasa Malaysia. Karya-karya seperti cerita pendek oleh penulis-penulis Tamil dan Cina telah beberapa

kali diterjemahkan dan disiarkan dalam majalah-majalah bulanan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Dewan Sastera. Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang mengusahakan penerbitan 3 buah karya penulis-penulis Tamil dan Cina iaitu:

- (i) Anthologi Cerpen Mahua—mengandungi 15 buah cerpen (sedang diedit);
- (ii) Anthologi puisi penulis-penulis Tamil (sedang disusun); dan
- (iii) Anthologi puisi penyair aliran Inggeris—mengandungi 5 buah puisi oleh 20 orang penyair (sedang diedit juga).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah menimbulkan kebimbangannya terhadap sistem pelajaran negara ini yang dikatakan berorientasikan kepada memenuhi kepada keperluan tenaga manusia dalam bidang teknologi dan melahirkan manusia yang cenderung mengejar pangkat dan kuasa dalam hidupnya. Beliau menyeru supaya sistem pendidikan kita terutama di peringkat tinggi memasukkan nilai-nilai moral, kerohanian dan agama. Sehubungan dengan ini Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok mahukan pula keluaran dari sistem pendidikan negara dapat memenuhi keperluan pasaran buruh dan tidak hanya setakat untuk menduduki dan lulus pepenksaan sahaja. Beliau juga menyeru supaya pendidikan dijadikan sebagai asas "mobility" dan "access" pendidikan di semua peringkat dibuka seluas-luasnya dan kurikulum haruslah sesuai dengan kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Penua, berhubung dengan perkara tersebut di atas ini saya suka menyatakan bahawa sistem pelajaran kebangsaan memanglah bertujuan untuk melahirkan individu-individu yang berseimbangan dari segi pengetahuan dan kemahiran cognitive

dan intelektual serta mempunyai nilai-nilai kerohanian, keagamaan dan moral yang tinggi. Di peringkat sekolah rendah lagi murid-murid telah dididik melalui KBSR bagi memupuk dan menanamkan asas-asas tersebut untuk diperkembangkan di peringkat menengah. Di peringkat sekolah menengah pula Kementerian Pelajaran sedang dalam proses mengemaskinikan sukatan pelajaran pendidikan agama dan pendidikan moral untuk KBSM. Pendidikan moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai moral yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam berbagai kaum di Malaysia serta selaras pula dengan nilai-nilai sejagat. Di peringkat pelajaran tinggi pula, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan memang ada menawarkan kursus-kursus yang mempunyai ciri-ciri pendidikan Islam, umpamanya kursus-kursus Sejarah Tamaddun Islam, Falsafah Islam, Pentadbiran Islam, Perundangan Islam, Kepimpinan Islam, Ekonomi Islam, Pendidikan Moral dan kursus-kursus Kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus dijalankan bagi mempertingkatkan penyerapan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan khususnya nilai-nilai Islam supaya graduan-graduan keluaran institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan bukan sahaja mempunyai kemahiran dan pengetahuan teknologi moden tetapi juga mempunyai nilai-nilai insaniah yang soleh.

Berhubung dengan "mobility" dan "access" pendidikan dibuka dengan luas dan merapatkan hubung-kait antara latihan dengan keperluan pasaran buruh pula, Kementerian Pelajaran juga telah mengatur strategi tertentu dan melaksanakan beberapa program sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru lagi. Berbagai peluang dan kemudahan telah

diadakan khususnya untuk pelajar-pelajar yang kurang berada untuk mendapatkan peluang pelajaran yang sebaik-baiknya bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajaran masing-masing dan seterusnya berpeluang meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan hasrat untuk merapatkan hubung kait antara kurikulum, latihan dan keperluan pasaran buruh Kementerian Pelajaran telah membuat beberapa reform, dengan izin, dan innovation, dengan izin, dalam kurikulum sekolah. Umpamanya dalam tahun 1964 lagi kurikulum yang bercorak, comprehensive, dengan izin, mengandungi mata pelajaran teras Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan Agama Islam dan elektif, iaitu Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Perdagangan dan Sains Pertanian telah diperkenalkan di sekolah menengah rendah dan atas.

Perubahan kurikulum ini dibuat dengan tujuan untuk memberi pengetahuan cognitive dan kemahiran asas yang lebih luas kepada murid-murid bagi mengikuti latihan tertentu di peringkat tinggi. Satu lagi perubahan kurikulum yang melibatkan mata pelajaran matematik dan sains telah dibuat dalam awal tahun 1970an untuk memberi asas yang lebih baik kepada murid-murid bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang sains dan teknologi. Reform dan innovation, dengan izin, ini dibuat dengan tujuan untuk mewujudkan hubung kait yang lebih rapat antara pelajaran yang diberikan di sekolah dengan pengetahuan dan kemahiran sebenarnya diperlukan dalam bidang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran juga bersama-sama agensi-agensinya tertentu di Jabatan Perdana Menteri sentiasa mengkaji kedudukan keperluan tenaga buruh di pasaran

kerja untuk jangka masa tertentu. Perancangan latihan terutamanya di peringkat pelajaran tinggi adalah dibuat berdasarkan keperluan tenaga buruh semasa dan unjuran pasaran kerja pada masa hadapan. Umpamanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Pelajaran telah merancang untuk memberi keutamaan dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menimbulkan soal program berkembar yang dikelolakan oleh Institut Teknologi MARA dengan universiti-universiti di Amerika Syarikat. Program ini mengikut dakwaan beliau diadakan secara diam-diam dan universiti-universiti yang dipilih pula tidak ternama contohnya LSU, serta pensyarah-pensyarahnya dikatakan tiada pengalaman dan mempunyai ijazah setakat Sarjana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya suka menyatakan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diterima sama sekali dan tidak tepat. Program ini sebenarnya dikenali sebagai, dengan izin, American Associated Degree (AAD) dan diadakan khas untuk pelajar-pelajar bumiputera yang baik pencapaiannya dalam peperiksaan SPM serta berpotensi tinggi tetapi tiada mempunyai kemampuan kewangan. Mereka ini tidak akan berpeluang langsung untuk memasuki program ini di kolej-kolej tertentu di negara ini apa lagi untuk terus keluar negeri seperti yang mampu dilakukan oleh lain-lain golongan berada untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Kerajaan tidak pernah dan tidak perlu bersembunyi-sembunyi mengadakan program seperti ini kerana ia adalah selaras dengan dasar, dengan izin, democratization of access

into higher education, yang sedang dilaksanakan. Di samping itu ia juga tidak bercanggah dengan Artikel 153 Perlembagaan Malaysia yang menjamin hak istimewa dan peluang pelajaran untuk Bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menegaskan bahawa adalah tidak benar sama sekali universiti-universiti yang dipilih untuk bergabung dengan ITM tidak ternama. Sebenarnya senarai universiti-universiti yang ada dalam konsortium itu terdiri dari universiti-universiti, dengan izin, rated highly competitive, atau, dengan izin, competitive, dalam program akademik masing-masing. Ini termasuklah, dengan izin, eight of the Big Ten, universiti yang diiktiraf sebagai, dengan izin, highly competitive. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, nama LSU tidak ada dalam senarai universiti yang bergabung itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menerangkan bahawa pensyarah-pensyarah yang diambil dari Amerika Syarikat bukanlah setakat yang mempunyai kelulusan sarjana sahaja tetapi juga terdiri dari mereka yang mempunyai Ph. D. Walau bagaimanapun, pensyarah-pensyarah yang berkelulusan Ph. D. diambil dalam bidang tertentu sahaja untuk menjimatkan perbelanjaan. Perkara ini tidak menjejaskan taraf pengajaran kerana pensyarah-pensyarah yang berkelulusan sarjana memang telah dipilih dah mereka yang berkeupayaan dan berpengalaman. Oleh kerana itu kredit dalam tiap-tiap mata pelajaran yang didapati oleh pelajar-pelajar adalah diiktiraf sepenuhnya oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak program seumpama ini dijalankan dalam negara ini Kerajaan telah dapat menyelamatkan berjuta-juta ringgit

pengaliran wang keluar negeri. Dalam tahun ini sahaja lebih kurang \$65,133,655 telah dapat diselamatkan. Di samping itu pelajar-pelajar yang masih muda itu dapat diberi kursus dan diorientasi untuk diperkukuhkan dengan nilai-nilai ke Malaysiaan, nilai-nilai keislaman dan ketatanegaraan supaya mereka lebih matang dan bersedia untuk meneruskan pelajaran mereka di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pelajaran. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi tidak sempat saya jawab di sini. Perkara-perkara ini akan diberi perhatian dan tindakan yang sesuai. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara berhubung dengan Kementerian Pelajaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

8.55 *mlm*.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan secara amnya dan rawatan perubatan khasnya.

Ahli Yang Berhormat dari Pensiangan telah menimbulkan beberapa perkara khasnya yang berkaitan dengan Negeri Sabah. Mengenai rawatan penyakit-penyakit, sukalah saya memberi jaminan

bahawa usaha-usaha bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti Malaria, Taun dan Hepatitis masih diteruskan di semua negeri-negeri termasuk bagi negeri Sabah melalui program-program yang telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya. Kementerian Kesihatan juga sentiasa menitikberatkan supaya bekalan ubat-ubatan adalah mencukupi di semua negeri di seluruh Malaysia, terutama bagi negeri-negeri yang besar dan menghadapi kerumitan dalam perhubungan. Bagi pembekalan peralatan di hospital-hospital di negeri Sabah perbelanjaan sebenar bagi membeli peralatan ialah \$1.5 juta dan bagi tahun 1986 ini peruntukan adalah sebanyak \$2.5 juta iaitu \$1 juta lebih daripada tahun lepas. Bagi ubat-ubatan pula, Kementerian telah membelanjakan sebanyak \$7,071,000 untuk membeli ubat-ubatan bagi negeri Sabah pada tahun 1985.

Tentang penempatan pakar-pakar di Sabah, Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar pada amnya. Bagaimanapun doktor-doktor pakar telah ditempatkan di Hospital-hospital Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Keningau. Pada tahun 1984 terdapat 18 orang doktor-doktor pakar Sehingga Oktober, 1986, 22 daripada 30 jawatan bagi doktor pakar telah pun diisi. Kementerian Kesihatan memang telah mengkaji peluang kenaikan pangkat bagi doktor-doktor supaya mereka lebih berminat untuk terus berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan. Langkah-langkah yang diambil telah pun dijawab beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai cadangan supaya kajian dibuat untuk membolehkan Pembantu-pembantu Perubatan dan Jururawat terlatih menjadi seorang pegawai perubatan berdasarkan pengalaman, sukalah saya

memaklumkan bahawa Pembantu-pembantu Perubatan dan Jururawat terlatih adakah bertugas sebagai para medic dan pembantu kepada doktor-doktor sahaja. Latihan dan kemahiran mereka adalah terhad kepada beberapa bidang di tahap ini. Seorang yang hendak menjadi Pegawai Perubatan terpaksa mengikuti kursus perubatan di Universiti-universiti. Kementerian tidak bercadang untuk mengubah syarat-syarat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pensiangan juga telah meminta supaya Kementerian membina sebuah hospital daerah di kawasan Nabawan, bagi memudahkan penduduk-penduduk di situ mendapatkan rawatan perubatan. Sukalah saya maklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak dapat meneruskan cadangan asal untuk membina sebuah hospital bagi daerah Nabawan dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima, memandangkan kepada peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi bagi tujuan ini.

Walau bagaimanapun, projek-projek seperti membina Pejabat Kesihatan Daerah Nabawan, Pusat Kesihatan Fasa I Sepulot, Klinik Desa di Pagalungan dan di Salong telah dirancangan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima bagi daerah Pensiangan ini. Kemudahan-kemudahan yang dicadangkan ini akan dapat membantu banyak juga dalam meningkatkan kemudahan kesihatan bagi penduduk Daerah Nabawan.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Kota Setar telah membuat teguran-teguran supaya kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan bagi kawasan-kawasan luar bandar di pertingkatkan. Kementerian memang bersetuju dan sedang merencanakan sedemikian. Dalam

Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian telah merancang untuk membina sebanyak 40 Pusat Kesihatan, 55 Pusat Kesihatan Kecil dan projek-projek untuk menaiktarafkan sebanyak 32 Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan Besar, di samping menaiktarafkan 103 buah Klinik Bidan kepada Klinik Desa bagi seluruh negara. Selain daripada itu, rancangan-rancangan yang sedia terdapat akan diteruskan dengan penuh dedikasi, demi kepentingan kesihatan rakyat di tuar bandar.

Sebenarnya, perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar akan terus menjadi tumpuan utama kita—bukan sahaja dengan memperluaskan dan menaikkan taraf kemudahan Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik-klinik, tetapi juga dengan menekankan beberapa rancangan pencegahan dan pengawalan penyakit di kawasan-kawasan luar bandar. Beberapa program sokongan, seperti bekalan air, perumahan dan pembersihan alam sekitar khasnya rancangan mewujudkan kemudahan tandas dan sebagainya akan juga terus dapat peruntukan yang besar dan pelaksanaannya yang tekun.

Pada amnya, kita berharap bahawa kemudahan kesihatan akan benar-benar dapat membantu kita dalam usaha mencapai tahap kehidupan yang lebih menarik dan memuaskan bagi penduduk-penduduk luar bandar. Seumpamanya, kita merencanakan tindakan-tindakan yang khusus bagi menurunkan lagi kadar kematian ibu-ibu dan bayi di kawasan-kawasan di mana terdapat kadar yang agak tinggi, sehingga kita dapat mencapai kadar kematian bayi yang kurang dari 13 per 1000 kelahiran hidup, berbanding dengan 18 per 1000 untuk seluruh negara pada masa ini. Pencapaian kadar ini tidak akan berhasil jika kedudukan kawalan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar tidak dapat dibaiki secara langsung.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kimanis telah meminta supaya didirikan sebuah Hospital Besar di Daerah Pulau Penyu. Dalam keadaan ekonomi negara kurang memuaskan, sukalah saya mengulangi lagi bahawa keutamaan untuk menyediakan hospital-hospital baru dikaji dengan lebih teliti lagi.

Walaupun tidak terdapat hospital di dalam kawasan Parlimen Kimanis, tetapi Hospital Daerah Papar yang mempunyai sejumlah 77 katil dan 2 orang pegawai perubatan dan bersama dengan 4 buah Pusat Kesihatan Fasa I serta 8 buah Klinik Desa di kawasan Parlimen Kimanis dapat juga memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk-penduduk di situ.

Yang Berhormat dari Kluang telah menggesa supaya Kementerian menghantar seorang Pakar Bedah ke Hospital Daerah Kluang. Kementerian masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar pada masa sekarang. Bila keadaan mengizinkan, Kementerian Kesihatan tentulah akan menempatkan seorang Pakar Bedah Am di Hospital Daerah Kluang.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menggesa supaya projek pembinaan Hospital Besar Putau Pinang di sambung semula. Untuk makluman Yang Berhormat, projek tersebut telah diluluskan untuk pelaksanaan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Kementerian telah mencadangkan supaya hospital ini dibina dengan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat iaitu Fasa I dan Fasa II.

Fasa I iaitu pembinaan klinik-klinik pakar dan Jabatan Sakit Luar akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Memandangkan proses tawaran dan penilaian akan memakan masa yang agak panjang, pembinaan Fasa I hanya akan dapat dimulakan pada penghujung tahun 1987. Fasa II yang mengandungi Teater Pembedahan, wad dan sebagainya akan diteruskan selepas itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah menyeru supaya keperluan katil di rumah sakit Kapit ditingkatkan dan juga supaya sebuah rumah sakit dibina di Song. Sebenarnya memang terdapat projek untuk menambah katil-katil di Hospital Kapit dengan membina sebuah wad baru dengan 26 katil di hospital tersebut. Di samping itu, sambungan dan perubahan kepada wad kanak-kanak akan dibuat untuk menjadikan jumlah katil yang sedia ada di wad itu kepada 10 katil.

Projek-projek ini akan disiapkan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima. Kementerian Kesihatan tidak dapat pada masa ini menyokong pembinaan rumah sakit di Song kerana wad pesakit di Pusat Kesihatan Song nampaknya adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan 17,000 penduduk di kawasan itu. Kita akan cuba meningkatkan sejauh mana yang boleh kemudahan-kemudahan dan kakitangan di Pusat Kesihatan Song ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga teguran-teguran yang dibangkitkan telah dijawab semasa soal jawab diadakan pada masa lepas. Saya tidak bercadang untuk mengulanginya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sungguhpun Kementerian saya menghadapi banyak "constraints" dari segi kewangan, kakitangan dan sebagainya tetapi ia akan terus cuba memberi perkhidmatan kesihatan yang baik

kepada orang ramai dan projek-projek kesihatan luar bandar akan terus dilaksanakan.

Kita akan berusaha menekankan latihan kakitangan dan mutu pengurusan yang lebih berkesan untuk meningkatkan perkhidmatan yang dapat dinikmati oleh rakyat kita. Sekian sahaja jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Buruh.

9.05 *mlm.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah memperakukan agar Kementerian saya merancang beberapa program guna tenaga khususnya di mana ramai dari kalangan para penganggur dapat diserapkan dengan seberapa segera yang boleh.

Sebab-sebab utama wujudnya pengangguran adalah oleh kerana keadaan ekonomi negara yang tidak dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung keperluan para penuntut yang lulus setiap tahun. Cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggerakkan semua lapisan masyarakat berganding bahu ke arah berusaha memulihkan keadaan ekonomi negara.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian saya untuk membantu pencari-pencari kerja bagi mengesan serta mendapatkan peluang-peluang pekerjaan sesuai dengan kelulusan, pengalaman dan minat mereka, tetapi

tanggungjawab Kementerian saya tidak khusus untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyoal keperluan bagi Kerajaan meminta sektor swasta turut bertindak supaya tidak menaikkan gaji pekerja-pekerja selama tiga tahun. Haruslah saya menekankan bahawa pembekuan kenaikan gaji yang dicadangkan itu adalah secara sukarela pada permulaannya dan terpulanglah kepada majikan dan pekerja di sektor swasta menggunakan budi bicara masing-masing ke arah memberikan sumbangan bagi memulihkan keadaan ekonomi semasa negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah menegur sikap dan kenyataan seorang Pegawai Buruh dalam satu mesyuarat Koperasi Daerah Serian. Kementerian saya tidak sedar tentang sebutan-sebutan oleh Pegawai Buruh itu sebagaimana yang dikatakan oleh beliau. Kementerian saya akan menyiasat kes itu dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut telah menyentuh tentang kadar kenaikan kos buruh yang telah meningkat mengatasi kadar kenaikan daya pengeluaran. Seperti kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut itu, suasana ini telah menjadikan negara kita mempunyai kos buruh yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini dan telah menjejaskan daya saingan kita.

Pada masa ini Kerajaan juga sedang mengkaji Undang-undang Buruh yang sedia ada bagi mengurangkan kos pengeluaran itu. Kajian ini meliputi peruntukan-peruntukan mengenai bayaran pampasan, pengenehan, pembuangan kerja, bayaran kerja lebih masa dan bayaran bagi hari ketepasan am. Hasil kajian ini, suatu

Rang Undang-undang (pindaan) akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Betong telah mengemukakan beberapa cadangan khusus bagi tindakan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya. Saya ingin menjelaskan bahawa di negeri Sarawak telah pun terdapat 13 buah pejabat pekerjaan sambilan untuk memberikan kemudahan kepada penganggur-penganggur mendaftarkan diri bagi mendapatkan pekerjaan, setain daripada 9 buah pejabat pekerjaan yang berkhidmat sepenuh masa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian saya. Bagi pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab secara khusus, perkara tersebut telah diambil ingatan untuk diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhirnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sila jawab.

9.10 *mlm.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi jawapan kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan termasuk cadangan membubarkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, masalah ketidakseimbangan

pembangunan ekonomi dan budaya, perjanjian pertukaran kebudayaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia-belia.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—yang tidak ada di dalam Dewan ini pada petang ini—telah mencadangkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diletakkan sebagai Jabatan di bawah lain-lain Kementerian seperti fungsi kebudayaan dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran, urusan belia diletakkan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat sebagai langkah untuk berjimat-cermat.

Saya tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu, kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai satu fungsi dan peranan yang amat mustahak dan memerlukan satu Kementerian yang khusus seperti sekarang ini. Sebelum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diwujudkan pada tahun 1964, kerja-kerja Belia adalah di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dari pengalaman masa itu, Kementerian tidak dapat memainkan peranan yang berkesan dalam urusan beha kerana Kementenan tersebut telah mempunyai bidang tugas serta peranannya yang tersendiri. Oleh kerana itu fungsinya dalam bidang tugas belia adalah terhad kepada aktiviti sosial dan riadah sahaja. Berikutan dengan pengwujudan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, satu pelan induk perancangan pembangunan belia dalam semua bidang telah digubalkan dan dilaksanakan dengan lebih teratur. Di antara bidang-bidang utama yang telah dilaksanakan ialah latihan kemahiran, kepimpinan, pembangunan ekonomi dan pembentukan usahawan. Program tersebut dilaksanakan untuk melahirkan masyarakat belia yang

berkemahiran, berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab selaras dengan Dasar Belia Negara. Tanggungjawab untuk pembangunan belia di negara kita tidak dapat diperkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, golongan belia adalah golongan majoriti di negara ini. Perhatian yang serius perlu diberikan kepada mereka bagi menjamin corak masyarakat dan negara di masa akan datang. Program belia yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini telah memberi faedah yang berguna terhadap pembangunan belia di dalam negara. Sebagai contoh, dengan adanya pertubuhan belia di semua peringkat, badan-badan itu dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah atau gejala kurang sihat di kalangan belia. Hingga kini terdapat sebanyak 6,000 persatuan yang disertai oleh 1.7 juta orang ahli belia. Pertubuhan-pertubuhan ini juga telah dapat melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang berkalibar seperti ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Negara-negara luar seperti negara-negara rantau Asia Pasifik, Komanwel dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa menganggap program belia negara kita sebagai satu model untuk program pembangunan belia. Pengiktirafan seperti ini telah meningkatkan imej negara kita di luar negeri. Berkenaan dengan bidang tugas Sukan Kementerian, perlulah saya menegaskan betapa pentingnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memainkan peranan untuk meramaikan bilangan rakyat dalam kegiatan sukan, rekreasi fizikal dan kecergasan ke arah peningkatan mutu serta mewujudkan rakyat yang sihat, cergas dan berdisiplin ke arah pembangunan negara. Oleh kerana itu pencapaian dalam bidang sukan tidak boleh diukur berasaskan kepada pungutan pingat di pertandingan

sukan di peringkat antarabangsa sahaja. Tujuan sukan adalah untuk mencapai objektif-objektif lain seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Di bawah bidang kebudayaan, perlulah saya memberi penjelasan betapa pentingnya ia dijalankan secara khusus. Ini adalah kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka haruslah mempunyai keperibadian kebangsaannya sendiri bagi mencapai matlamat perpaduan bangsa dan negara dan ke arah memperkaya serta mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan rohaniah yang seimbang dengan pembangunan dan pencapaian sosio-ekonomi negara. Pengolahan kebudayaan mestilah dilakukan supaya dapat dimanifestasikan pengwujudannya dan melahirkan identiti negara dalam keluarga bangsa-bangsa di dunia. Tugas dan tanggungjawab besar itu sudah pasti memerlukan perhatian yang serius dan tegas melalui suatu Kementerian yang khusus.

Justeru itu pembangunan kebudayaan yang mempunyai tafsiran yang luas itu akan mendorong bukan sahaja perkembangan fizikal seperti institusi budaya berupa muzium, arkib, balai seni lukis, taman seni, perpustakaan bahkan menonjolkan sifat-sifat terbaik di dalam kesenian dan pemupukan nilai dan norma bangsa baru Malaysia. Struktur organisasi yang ada sekarang bukannya perlu ditiadakan tetapi seharusnya diperluas dan dipertingkatkan dan bukan dianggap sebagai satu pembaziran. Dengan penjelasan mengenai peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—yang walaupun tidak ada dalam Dewan ini—mendapat satu gambaran yang lebih mendalam lagi mengenai peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari persoalan pembangunan ekonomi dan budaya yang tidak seimbang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Salah satu matlamat pembangunan Kebudayaan Kebangsaan selain dari mengukuhkan perpaduan dan membina keperibadian adalah juga ke arah mengimbangkan kehidupan kemanusiaan dan kerohanian supaya seimbang dengan pembangunan sosial dan ekonomi.

Matlamat ini agak sukar dicapai dalam masa yang segera dan memerlukan kefahaman, kesedaran dan keinsafan semua pihak dalam perkara ini. Tujuan perancangan kebudayaan di Malaysia adalah ke arah menggalak atau memberi penekanan terhadap daya kreatif, umpamanya, bagaimana taraf dan mutu kesenian dapat ditingkatkan sebagai sebahagian daripada industri yang berkembang di dalam ekonomi, mengenengahkan nilai-nilai unggul dan ciri-ciri berbagai seperti etika kerja, disiplin, hormat-menghormati atau juga ke arah menonjolkan ciri-ciri kepehabadian negara yang mengatasi ciri-ciri perkauman dan pada masa yang sama dapat membatasi pengaruh-pengaruh asing yang tidak terkawal dan tidak sesuai, mungkin membawa unsur-unsur penjajahan budaya, cultural imperialism, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan pembangunan ekonomi moden, pengaruh-pengaruh budaya universal haruslah diteliti dan dibuat pilihan kerana ternyata umpamanya ada kelemahan dan keburukan pengaruh budaya massa, mass culture, sama ada disalurkan melalui media elektronik atau cetak, kesan daripada perubahan ekonomi. Umpamanya, muzik-muzik luar negeri seperti heavy metal rock, hippism atau lain-lain unsur yang boleh dianggap sebagai budaya perdagangan, cultural

commercialism, misalnya, video-games yang bermotif perjudian di pasaraya-pasaraya atau lain jenis seumpamanya.

Kerajaan memang sedar tentang perlunya perseimbangan ini dan tujuan pembangunan kebudayaan haruslah meliputi budaya rohani (non-material culture) dan budaya kebendaan (material culture). Kesedaran boleh dipupuk melalui penghabatan masyarakat seluruhnya dan agensi-agensi kerajaan yang berbagai yang mempunyai tanggungjawab kebudayaan. Kementerian ini sedang mengambil langkah mengatur perjumpaan manakala di kalangan agensi atau kementerian-kementerian pula siri-siri pertemuan diadakan dari masa ke semasa dan jawatankuasa-jawatankuasa bersama diwujudkan bagi mengawasi ataupun menyelaras kerja-kerja pentadbiran kebudayaan. Misalnya dari segi industri pelancongan, kemasukan artis-artis luar, identiti hotel, kegiatan kebudayaan di sekolah-sekolah dan aktiviti-aktiviti perpaduan rakyat yang sentiasa digerakkan melalui kerjasama antara agensi berkenaan.

Menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, suka saya sebutkan bahawa sehingga ini Malaysia telah menandatangani perjanjian kebudayaan dengan 23 buah negara asing. Keutamaan memenuhi perjanjian kebudayaan sama ada melalui pertukaran Kebudayaan, cultural exchange programme, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ataupun penglibatan kebudayaan di peringkat antarabangsa akan juga ditentukan oleh skop dan dasar luar Malaysia dengan negara-negara berkenaan, kerana usaha usaha memperbanyakkan perhubungan kebudayaan tertakluk juga kepada idealogi dan fahaman

politik negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara kita.

Beberapa tahun kebelakangan ini pertukaran kebudayaan Malaysia dengan negara-negara jiran sangatlah kukuh melalui program ASEAN. Kerjasama di kalangan anggota-anggota ASEAN adalah dibuat melalui Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan dan setiap tahun berbagai projek diatur dengan dibiayai di bawah Tabung Kebudayaan ASEAN. Ada juga pertukaran kebudayaan yang dibuat secara persendirian yang disokong oleh Kementehaan, di antara universiti atau di antara badan-badan yang berkenaan. Kebanyakan pemergian rombongan-rombongan kita ke luar negeri adalah disertai oleh pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menyentuh tentang pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Seputih dan Bukit Mertajam mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan, suka saya sarankan supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu memahami matlamat, konsep dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kadangkala tendensi di katangan kita adalah kabur untuk membezakan di antara Kebudayaan Kebangsaan dengan Kebudayaan Kesukuan. Masalah kebudayaan adalah masalah keperibadian dan kerana itu sebelum sesuatu unsur itu diberi status kebangsaan, haruslah memperlihatkan identiti Malaysia dan mengatasi ciri-ciri perkauman. Hal ini meliputi semua bidang kebudayaan yang luas daripada bidang kesenian, pakaian dan perhiasan, bahasa dan sastera, nilai dan norma, sehinggalah kepada simbol-simbol negara. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada amatlah liberal sifatnya dan membuka ruang kepada sumbangan masyarakat

berbagai kaum di Malaysia bagi mengisi konsepnya. Bahkan mana-mana unsur luar sama ada dari barat atau timur sekalipun, boleh diambil sekiranya tidak bercanggah dengan keperibadian Malaysia, sebagaimana isi pokoknya sudah ditentukan oleh Perlembagaan Negara.

Tidak juga harus dibangkitkan persoalan satu atau dua kesenian yang diamalkan oleh mana-mana suku kaum yang tidak diterima sebagai sebahagian Kebudayaan Kebangsaan di atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi kerana tradisi itu masih boleh diamalkan pada peringkat kaum masing-masing. Bagaimanapun, apa juga unsur dari masyarakat pelbagai kaum kita yang sesuai, yang telah mengatasi ciri-ciri perkauman atau unsur-unsur yang boleh membawa persamaan-persamaan di kalangan kita bolehlah dipupuk menjadi nilai-nilai atau unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan seperti etika kaum Cina dan India, hormat-menghormati, hormat kepada orang tua, berdikari, kerajinan bekerja, mencari ilmu, budaya membaca, pemeliharaan khazanah budaya dan sebagainya.

Proses Kebudayaan Kebangsaan sebenarnya sedang berlaku dan sebahagian daripada Kebudayaan Kebangsaan itu telah pun wujud di sekitar kita, umpamanya Bahasa Kebangsaan, institusi beraja sebagai wahsan sejarah dan kebudayaan masa lalu, adat-istiadat rasmi seperti upacara perasmian Penggal Parlimen, Lagu Kebangsaan, bendera negara dan bendera-bendera negeri dan sistem perundangan dan pemerintahan kita yang jelas menggambarkan ciri-ciri Kebudayaan Kebangsaan yang mengatasi batas-batas suku kaum.

Demikianlah juga apabila kita mahu membezakan di antara kesusasteraan satu-satu kaum, misalnya, kesusasteraan Cina dengan kesusasteraan kebangsaan. Kerana

apabila dikatakan kesusasteraan kebangsaan, seharusnya kesusasteraan itu tertulis di dalam Bahasa Kebangsaan dan menggambarkan kehidupan kemanusiaan dan latar belakangnya mengenai negara kita. Kalau ini dapat difahami, kita akan dapat membezakan kesusasteraan berbagai bahasa oleh kaum-kaum di Malaysia sebagai kesusasteraan Malaysia dengan kesusasteraan kebangsaan yang akan mengatasi ciri-ciri kekauman, tetapi akan dihayati oleh semua peringkat dan lapisan masyarakat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh tentang penyalahgunaan sistem pemberian bantuan kewangan di bawah Rancangan Belia Berniaga. Kementerian saya mempunyai peraturan-peraturan tertentu untuk memastikan bantuan itu diberikan kepada belia-belia yang betul-betul berminat untuk berniaga. Sebelum bantuan diberikan, pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat Kementerian akan mengkaji "viability" projek dan latar belakang pemohon. Pihak Kementerian sentiasa tegas dan akan menolak permohonan-permohonan bantuan yang tidak mengikut syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Oleh kerana itu, saya kurang faham atas kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa ada golongan-golongan yang cuba memperalatkan belia-belia dalam program ini. Jika ada bukti, silalah Yang Berhormat behtahu kepada saya untuk siasatan selanjutnya dan seterusnya kita mengambil tindakan-tindakan yang wajar.

Ahli-ahli Yang Berhonnat dari Rantau Panjang dan Jerai juga menyentuh tentang masalah-masalah seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan memang menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan oleh itu Kementerian telah mengambil beberapa langkah termasuk mengadakan kursus-kursus dan seminar agama, kemahiran, kepimpinan, ekonomi, perpaduan serta pergerakan belia selaras dengan Dasar Belia Negara untuk memberi bimbingan kepada mereka.

Pihak Kementerian ini berkeyakinan penuh bahawa dengan pelaksanaan program belia tersebut, masalah-masalah seperti keruntuhan dan kejatuhan akhlak di kalangan para beliau akan dapat kita kawal.

Akhir sekali, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya tertinggal satu Kementerian. Saya menjemput Kementehan Kebajikan Masyarakat.

9.26 *mlm.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, bagi pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya mengambil kesempatan untuk mengucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh peruntukan dan program Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Soal pemberian bantuan kepada anak-anak yatim, balu dan orang-orang tua telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan berbagai skim bantuan untuk golongan-golongan ini dan pemberiannya adalah berasaskan kepada keperluan asas mereka dan tidak bertujuan untuk memenuhi setiap keperluan manusia. Kebajikan

merupakan tanggungjawab bersama, iaitu tanggungjawab keluarga yang terdekat dan juga masyarakat itu sendiri. Umpamanya, saranan Ahli Yang Berhormat dari Jerai itu untuk Kementerian Kebajikan Masyarakat menggalakkan penyediaan pondok-pondok bagi orang-orang tua, menunjukkan bagaimana satu keperluan kebajikan masyarakat negeri kita diatasi mengikut cara dan nilai hidup masyarakat kita sendiri.

Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menyediakan 8 buah rumah orang-orang tua yang diberi nama "Rumah Seri Kenangan" yang boleh menempatkan seramai 2,480 orang. Namun demikian, kemudahan ini tidak dapat memenuhi semua keperluan di negara kita. Oleh hal yang demikian, cara atau sistem pondok ini boleh dijadikan sebagai satu usaha sebuah masyarakat tempatan dengan cara pondok-pondok tersebut didirikan di atas tanah-tanah wakaf. Ini akan mengurangkan kos perbelanjaan bagi maksud tersebut, di samping mewujudkan satu suasana penghidupan yang sama dengan latar belakang golongan orang-orang tua dan bersesuaian dengan kehendak mereka. Kementerian sendiri sedang menyiasat kemungkinan bagi melaksanakan konsep rumah orang tua mengikut cara pondok ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah menyentuh berbagai perkara mengenai perkhidmatan yang disediakan untuk orang-orang cacat. Saya ingin menyangkal dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan tidak mengambil berat mengenai masalah yang dihadapi oleh orang cacat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan telah menyediakan berbagai perkhidmatan dan kemudahan bagi membantu orang cacat. Kementerian Kesihatan melalui klinik dan hospital bukan sahaja memberi rawatan, tetapi menjalankan

aktiviti pencegahan awal dan mengenal pasti kecacatan bayi semasa dilahirkan. Kementerian Pelajaran menyediakan sekolah-sekolah khas di peringkat rendah dan menengah untuk pendidikan kanak-kanak cacat. Di kawasan yang tidak disediakan sekolah khas, kelas percantuman diadakan di sekolah biasa di mana kanak-kanak cacat dan kanak-kanak biasa belajar bersama. Murid-murid yang maju di dalam pelajaran digalakkan untuk melanjutkan pelajaran hingga ke universiti. Kementerian Kebajikan Masyarakat pula menyediakan kemudahan institusi pemulihan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu orang cacat, memberi alat-alat kaki palsu, kerusi beroda dan alat-alat keperluan peribadi.

Selain dari itu, bantuan pelancaran dan elau insentif juga diberi untuk menggalakkan orang cacat menjalankan perusahaan sendiri supaya mereka boleh berdikari. Selain dari itu, Kementerian juga mengadakan projek pemulihan dalam komuniti di mana orang-orang cacat menjalani pemulihan dan latihan di dalam masyarakat setempat. Tujuannya ialah untuk mengintegrasikan orang-orang cacat dengan orang-orang awam seberapa segera yang boleh. Dari segi pekerjaan, tindakan telah diambil untuk menempatkan orang-orang cacat bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di syarikat swasta.

Satu dasar mengenai pekerjaan untuk orang-orang cacat sedang disediakan supaya mereka diberi peluang yang lebih luas untuk mendapatkan pekerjaan dalam semua sektor di peringkat sesuai dengan kelulusan dan kebolehan mereka. Sebagai galakan beberapa kemudahan telah disediakan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 di mana majikan yang mengambil orang cacat bekerja dengannya layak mendapat potongan

dua kali dan bagi maksud cukai pendapatan ke atas kos penangguhan kerja orang cacat. Bagi pembelian alat-alat kelengkapan dan perkakas untuk kegunaan orang cacat pula, cukai tokok dan cukai jualan telah pun dimansuhkan.

Kerajaan juga telah mengkaji dan sedang melaksanakan berbagai kemudahan atau access untuk orang cacat di bangunan-bangunan awam dan jalan-jalan raya. Dalam hubungan ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan Minggu Kebajikan Negara pada tahun 1985 yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat bahawa bukanlah tugas dan tanggungjawab Kerajaan semata-mata untuk membantu orang-orang yang daif dan kurang bernasib baik, bahkan juga adalah menjadi tanggungjawab bersama masyarakat pada keseluruhannya.

Satu Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat telah juga diadakan pada bulan Ogos yang lalu yang disertai oleh wakil-wakil dari berbagai pertubuhan dan badan kebajikan untuk membincangkan berbagai langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan kekesan penyampaian perkhidmatan kebajikan masyarakat di negara kita.

Salah satu kesimpulan yang dicapai ialah supaya Kerajaan dan pihak berkuasa mengambil langkah untuk memperkukuhkan perhubungan keluarga dengan mengadakan berbagai program yang memupuk cara hidup berkeluarga sebagai asas masyarakat. Seminar ini juga membuat rumusan supaya semangat kesukarelaan dipupuk di kalangan segenap lapisan masyarakat agar wujud sikap dan rasa tanggungjawab terhadap hal ehwal kebajikan rakyat dan kesejahteraan negara.

Perlu juga diucapkan terima kasih kepada media-massa yang telah bersama-sama dengan Kerajaan dalam menimbulkan kesedaran dan keinsafan rakyat negara kita terhadap masalah-masalah kebajikan. Pihak media-massa dari masa ke semasa menghebahkan satu-satu kes kebajikan yang memerlukan bantuan derma dari orang ramai. Menyedari dengan masalah-masalah yang berbangkit dalam kutipan derma yang dianjurkan oleh media-massa dan sebagainya, Kementerian sukalah menawarkan kemudahan Yayasan Kebajikan Negara kepada pihak pengurusan akhbar-akhbar dalam ketika mereka hendak menganjurkan satu-satu kempen pungutan derma. Dengan cara ini akhbar-akhbar tetap boleh meneruskan usaha kebajikan mereka tanpa membebankan mereka dengan masalah-masalah seperti kutipan yang tidak cukup atau kutipan yang berlebihan ataupun kutipan yang terbuку dalam akaun-akaun amanah kerana terputus hubungan di antara akhbar dengan pihak yang memerlukan bantuan dan sebagainya.

Sekian sahaja untuk jawapan bagi hujah-hujah yang ditimbulkan dan sekali lagi bagi pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat diucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di

atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.36 malam.*